

Jilid II
Bil. 47



MALAYSIA

Hari Isnin
23hb November, 1992

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9653]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1993

Jawatankuasa—

Jadual:

**Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10,
B. 11, B. 12 dan B. 13 [Ruangan 9715]**

USUL:

Anggaran Pembangunan 1993:

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 9715]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1995

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAFFIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAIARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perusahaan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C, J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.L.S., B.s.i. (Sri Gading).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHAUNGAM (Kapar).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. A U, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAVID (Puchong).

Yang Berhormat TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera.)

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS D.I.M.P. (Rompin).

TUAN JAWAII ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEII (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

„ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

„ „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

„ „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

„ „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

„ „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

„ „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

„ „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.MJP., A.M.P. (Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.STJ. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

„ „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

„ „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

„ „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

Yang Berhormat PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL, MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Part Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.
Ketua Penolong Setiausaha	Haji Taijadin bin Saberan.
Penolong Setiausaha	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha	Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan	: Ramaswamy.
Penolong Penyunting	: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Nairn.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT**Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 23hb November, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN

MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**HAKIM-HAKIM —
PERLANTIKAN DARI KALANGAN
PEGUAM-PEGUAM**

1. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa ramaikah hakim-hakim di Malaysia yang dilantik dari peguam-peguam yang berpengalaman setakat ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini terdapat 15 orang Hakim Mahkamah Tinggi/Mahkamah Agung yang dilantik dari kalangan peguam-peguam.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk melantik peguam-peguam yang berpengalaman untuk menjadi hakim-hakim sementara berdasarkan kes-kes tertentu bagi kawasan-kawasan tertentu. Walaupun perkara ini bukan perkara baru, memang di negara-negara maju termasuk seperti di Amerika Syarikat perkara ini dibuat

untuk menyelesaikan kes-kes yang berlambak. Jadi, oleh kerana di Malaysia ini kita menghadapi masalah yang sama, adakah Kerajaan bercadang untuk melantik hakim sementara, kes tertentu, bagi kawasan tertentu.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, sekarang memang ada peruntukan dalam Perlembagaan kita untuk melantik Suruhanjaya-suruhanjaya Kehakiman. Kita memang telah juga melantik beberapa orang untuk memegang jawatan itu sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah kes tertangguh.

**"ORGANIC FARMING" —
PENGENALAN SISTEM**

2. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memperkenalkan konsep dan sistem "organic farming" secara sistematik dan komprehensif sebagai sistem pertanian alternatif yang bukan sahaja "environment-friendly" tetapi juga diterima oleh masyarakat pertanian di United Kingdom dan negara-negara Eropah sebagai satu sistem pertanian yang lebih menguntungkan dari segi harga hasil yang lebih tinggi dan kos pengeluaran yang lebih rendah; juga nyatakan:-

- (a) perangsang-perangsang (incentives) dan bantuan (jika ada) yang boleh diperolehi oleh rakyat Malaysia yang mengusahakan "organic farming", daripada Kerajaan; dan

- (b) jumlah keluasan tanah yang sedia ada di Semenanjung Malaysia di mana "organic farming" sedang diusahakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, "organic farming" adalah sistem pertanian yang menggunakan baja organan tanpa sebarang baja kimia atau lain-lain bahan kimia untuk mencegah serangga, penyakit dan rumpai. Sistem tanaman ini dilaporkan berjaya di beberapa negara barat dengan integrasi tanaman ladang dan ternakan termasuk pusingan tanaman mengikut musim. Di negara iklim sederhana, dengan adanya empat musim berbeza perosak-perosak serangga, penyakit dan rumpai boleh dikurangkan dengan cara pusingan tanaman yang tertentu.

Di negara-negara tropika seperti Malaysia, amalan "organic farming" akan menghadapi banyak masalah dari segi perosak yang sentiasa ada sepanjang tahun dan hujan berintensiti tinggi yang mengakibatkan kehilangan nutrient dari tanah. Keperluan bahan-bahan organan juga adalah terlalu tinggi iaitu lebih kurang 10 tan sehektar bagi sesuatu tanaman semusim. Ini disebabkan dengan suhu yang tinggi penguraian baja organik adalah lebih cepat. Justeru itu, pengeluaran hasil adalah kurang, tidak stabil dan tidak ekonomik.

Malaysia telah memberi perhatian kepada "pertanian alternatif" yang lebih sesuai untuk negara-negara tropika yang dinamakan "organic based farming". Sistem pertanian ini tidaklah extreme seperti "organic farming" dan membenarkan penggunaan baja organan setakat mana yang boleh untuk meningkat dan mengekalkan kesuburan tanah. Baja kimia ditambah dengan had minimum pada kadar tertentu untuk menjamin hasil yang tinggi. Selain

dari itu, kawalan perosak serangga, penyakit dan rumpai adalah secara "integrated pest management" dan "biological control" supaya penggunaan bahan-bahan kimia dapat dikurangkan atau diberhentikan sama sekali. MARDI sudah pun melibatkan diri secara aktif dalam kajian beberapa komponen "organic-based farming", terutama bagi tanaman makanan utama di Malaysia - padi dan sayur-sayuran.

"Organic farming" telah disebutkan dalam soalan Yang Berhormat sebagai "environment-friendly". Ini adalah tidak tepat. Bahan-bahan organan bila dicampurgaul dalam tanah dan juga kompos semasa fermentasinya boleh mengakibatkan pengeluaran gas methane yang pada asasnya lebih berbahaya sebagai 'green house gas' berbanding dengan carbon dioxide yang dikeluarkan dari baja kimia.

- (a) Pada masa ini "organic farming" tidaklah sesuai digalakkan kepada petani. "Organic farming" boleh dipraktikkan oleh sesiapa yang berminat seperti "hobby gardeners" secara individu. Jabatan Pertanian telah mengeluarkan risalah-risalah dan dari semasa ke semasa menjalankan kursus-kursus berkaitan dengan cara membuat kompos dan cara-cara penggunaan bahan-bahan organan dalam pertanian.
- (b) Di Semenanjung Malaysia keluasan "organic farming" yang mungkin boleh diiktiraf sebagai "organic farm" adalah kurang dari 3 hektar. Untuk mencapai taraf sebagai "organic farm" ladang mestilah "chemical-free" dalam jangka masa tertentu iaitu lebih kurang 5 tahun, dan kandungan-kandungan bahan

kimia dalam tanaman mestilah kurang dari had-had yang ditetapkan oleh badan-badan yang tertentu seperti International Federation of Organic Agriculture Movements (IFOAM).

**JALAN MENGHUBUNGI
KUALA LUMPUR KE
PULAU PANGKOR —
MEMPERBAIKI**

3. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah sebarang rancangan untuk memperbaiki jalan yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Pulau Pangkor melalui Bandar Kuala Selangor dan Sabak Bernam memandangkan pelancong semakin bertambah menggunakan laluan ini untuk ke pulau peranginan itu.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang ada beberapa rancangan untuk memperbaiki jalan yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Pulau Pangkor melalui Bandar Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

- (i) Daripada Utara, projek Menaiki Taraf dan Memperelokkan Jalan dari Kampung Koh ke Kampung Kayan telah disiapkan dengan kos sebanyak RM14.2 juta;
- (ii) Bahagian jalan di antara Telok Intan ke Simpang Empat akan dibaikpulihan dengan anggaran kos projek sebanyak RM18.0 juta. Rekabentuk terperinci sedang dijalankan dan tawaran dijangka akan dipanggil pada tahun 1993; dan

- (iii) Bahagian jalan di antara Simpang Empat ke Sabak Bernam, mengikut analisa keupayaan jalan yang telah dibuat oleh Kementerian Kerja Raya berkeupayaan untuk menampung kehendak lalulintas sekurang-kurangnya sehingga tahun 2000.

Selain daripada itu, beberapa projek yang lain telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan di dalam peringkat rekabentuk jalan. Projek-projek tersebut ialah:

- (i) meluas/melebar selekoh km. 23 ke km. 27 Jalan Kuala Selangor/Kuala Lumpur iaitu meluruskan jajaran selekoh di kawasan tersebut supaya tidak merbahaya kepada lalulintas;
- (ii) jalan pantai barat Kampung Koh ke Jalan Sri Manjong;
- (iii) memperbaiki laluan 1 dan 5 di negeri Selangor;
- (iv) membaiki jalan di km. 20 Jalan Kuala Selangor/Kuala Lumpur;
- (v) membina laluan basikal di Jalan Persekutuan Daerah Sabak Bernam di kawasan bandar; dan
- (vi) membaiki Simpang Pekan Assam Jawa dengan tujuan melebarkan persimpangan dan mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dimaklumkan, keperluan daripada Simpang Empat Bagan Datok ke Sabak Bernam jalannya boleh menampung sehingga tahun 2000. Tetapi kalau kita lihat jalan daripada Simpang Empat ke pekan

Sabak Bernam, lebih-lebih lagi dalam sebelah negeri Perak daripada jambatan Sabak Bernam, bukan sahaja jalannya dalam keadaan yang begitu buruk, berlopak dan juga tak rata, tetapi sempit. Saya minta penjelasan, kalau tafsiran ini yang mengatakan jalan ini boleh menampung lalulintas sehingga tahun 2000, saya yakin dan percaya saya rasa kena kaji balik jurutera yang berkenaan dan Yang Berhormat boleh tengok sendiri. Saya tiap-tiap minggu balik ke Parit ikut jalan itu. Jadi, saya minta penjelasan dan perlu diperbaiki. Ini pandangan saya yang bukan jurutera.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya pun selalu melalui jalan ini. Jadi, nota itu akan diambil dalam pertimbangannya dari semasa ke semasa.

PELANCONG DARI NEGARA OIC — BILANGAN

4. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pelancong dari negara-negara OIC dalam tempoh lima tahun lalu. Berapa peratuskah bilangan mereka ini berbanding dengan jumlah keseluruhan para pelancong ke negara ini dalam tempoh yang sama; dan
- (b) oleh kerana Kerajaan begitu gigih menarik para pelancong asing yang berpendapatan tinggi khususnya dari Jepun melalui pembinaan padang-padang golf, apakah usaha, langkah dan daya tarikan yang dijalankan untuk menarik para pelancong dari negara-negara OIC yang mewah khususnya negara-negara Teluk.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelancong dari negara-negara OIC dan peratusan mereka berbanding dengan jumlah keseluruhan pelancong adalah seperti berikut;

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Ketibaan</i>	<i>% Keseluruhan</i>
1987	158,602	4.7
1988	189,814	5.2
1989	278,130	5.7
1990	388,757	5.2
1991	371,397	6.4

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat berkenaan bahawa angka-angka yang saya sebutkan tadi adalah meliputi negara-negara OIC iaitu Indonesia, Brunei dan juga negara-negara dari Timur Tengah sahaja.

- (b) Saya hendak memaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai berbagai-bagai rancangan untuk menarik para pelancong dari semua negara di seluruh dunia ini, termasuk juga negara-negara OIC. Di antaranya ialah dengan menyediakan kemudahan-kemudahan penginapan, sama ada hotel ataupun rumah-rumah pangsa, apartment dan sebagainya. Kita juga menyediakan tarikan-tarikan membeli-belah (Shopping complexes) dan juga kegiatan-kegiatan riadah, termasuk golf yang diminati oleh para pelancong yang datang melawat negara kita ini.

KEMPEN ANTI-MEROKOK — PENCAPAIAN

5. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kesihatan menyatakan sejak beliau melancarkan kempen anti-merokok apakah pencapaian yang dibuat di dalam menggalak orang ramai hidup di dalam keadaan yang sihat dan tidak merokok dan berapa peratus kakitangan Kementerian beliau telah juga berhenti merokok.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dilancarkan kempen anti-merokok yang merupakan sebahagian daripada 'Kempen Gaya Hidup Sihat' Kementerian Kesihatan, tahap kesedaran orang ramai mengenai kesihatan dan juga gejala-gejala bagi penyakit masa kini adalah lebih menggalakkan. Walau bagaimanapun, belum ada satu penyelidikan menyeluruh (nationwide survey) yang dijalankan setakat ini.

Mengikut pelaksanaan 'Dasar Persekitaran Bebas Dari Rokok' di bangunan-bangunan milik Kerajaan ataupun milik Kementerian Kesihatan khususnya, sejumlah 25% daripada kakitangan Kementerian yang merokok telah pun meninggalkan tabiat merokok.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apa telah terjadi kepada cadangan daripada Yang Berhormat saya dan rakan-rakan saya supaya pihak yang berkuasa memperbanyakkan lagi tempat-tempat larangan merokok, seperti di Bangunan Parlimen ini masih ramai yang hisap rokok sungguhpun yang membeli itu sudah berkurangan dan di sekolah-sekolah pun saya rasa masih belum dikuatkuasakan lagi, dan tempat-tempat awam seperti di lapangan terbang dan di tempat-tempat stesen bas masih barangkali belum diambil tindakan.

Saya juga ingin bertanya sama ada rancangan Kementerian Kesihatan supaya di hotel-hotel juga dicadangkan kepada taukeh-taukeh hotel itu supaya diadakan bilik-bilik 'non-smoking room'.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang menimbulkan soalan ini walaupun beliau sendiri seorang perokok. (*Ketawa*) Saya berharap dengan cadangan-cadangan ini beliau sendiri dapat memberi contoh yang baik.

Mengenai dengan cadangan-cadangan yang telah pun disarankan oleh Kementerian Kesihatan mengenai sekolah, kita telah pun mempunyai satu Jawatankuasa Bersama dengan Kementerian Pendidikan dan saya telah pun diberitahu bahawa Kementerian Pendidikan sudah pun membuat pengu-muan mengenai hal ini dan sekolah sudah pun diisytiharkan sebagai kawasan bebas daripada rokok, walaupun ada sedikit-sebanyak masalah yang masih lagi belum dapat diselesaikan.

Masalah yang kedua berkenaan Parlimen, kita sedang menyelidik semula maklumbalas yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengenai tempat yang sesuai yang perlu ditetapkan sebagai tempat yang mungkin dinamakan 'tempat merokok' ataupun nama-nama yang lain. Kementerian berasa gembira kerana ramai Ahli-ahli Parlimen telah pun menyokong cadangan ini, termasuk Ahli-ahli Parlimen yang merokok. Ini adalah satu petanda yang baik dan insya-Allah, kalau sekiranya semua berjalan baik, pihak Parlimen dan juga pihak Kementerian dapat bekerjasama dalam hal ini. Bila kita kata hisap rokok, termasuk hisap cerut dan hisap paip. (*Ketawa*)

Mengenai dengan rancangan di hotel, setakat ini secara sukarela banyak hotel-hotel telah pun mengadakan beberapa tingkat atau beberapa bilik yang dinamakan "Non-smoking Rooms". Jadi, kita akan juga menyarankan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk meneruskan usaha ini dan insya-Allah, kita akan memperkenalkan satu undang-undang baru pada tahun depan, insya-Allah di bawah Tobacco Regulations yang dibuat di bawah Enabling Food Act yang mungkin akan mengenakan beberapa syarat tertentu terutama di kawasan-kawasan am termasuk restoran-restoran dan juga tempat-tempat yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk dijadikan kawasan-kawasan yang harus dibebaskan daripada rokok. Tetapi setakat ini kita telah pun sampai ke tahap yang terakhir untuk merangka undang-undang ini. Ianya masih lagi dalam perhatian A.G. Chambers dan insya-Allah akan dapat dilaksanakan pada awal tahun depan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah kesan kempen anti-merokok ini terhadap tahap pengeluaran daun-daun tembakau yang kebanyakannya dikeluarkan di kawasan-kawasan miskin di Kelantan, di Kedah dan di Perlis? Adakah ianya merupakan satu percanggahan di antara'dua dasar Kerajaan iaitu tidak menggalakkan merokok dan dasar mengeluarkan daun tembakau oleh Kementerian Perusahaan Utama?

Soalan yang kedua, adakah Yang Berhormat di dalam usaha kempen ini ingin menukar label di kotak ini, saya tidak berapa nampak - "Amaran oleh Kerajaan Malaysia, merokok membahayakan kesihatan" kepada amaran "Daripada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia". Kerana kalau bubuh "Amaran

daripada Kerajaan Malaysia", orang-orang yang anti-Kerajaan mungkin dia tidak ikut. Macam Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, dia mungkin tidak ikut dalam hal ini. (*Ketawa*) Kalau bubuh "Amaran daripada Doktor", mungkin dia ikut.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesan kempen anti-merokok ke atas kawasan tembakau, saya ingin menegaskan di sini ada sedikit perbezaan pendapat mungkin orang ramai salah faham. Kita mengempen khususnya advertisement campaign. Kita hanya menumpukan perhatian kepada advertisement campaign, kita tidak langsung menyentuh mengenai dengan kawasan tembakau. Kita menerima beberapa memorandum daripada penanam-penanam tembakau dan juga pengawet-pengawet tembakau dan kita menjelaskan dengan terbuka bahawa kita tidak melarang mereka menanam tembakau sebenarnya. Tetapi kita berharap dengan kempen ini mungkin penanam tembakau dapat dikurangkan dan insya-Allah penggunaan semua jenis tembakau dapat dikurangkan.

Kita mesti ingat bahawa kita tidak boleh menafikan bahawa penghisapan rokok ataupun penggunaan tembakau tidak membawa sebarang faedah. Ia jelas hari ini menunjukkan membawa satu penyakit yang merbahaya iaitu penyakit kanser. Ini jelas. Dan mungkin membawa penyakit-penyakit yang lain seperti Cardio Vascular Disease, penyakit-penyakit yang berkaitan dengan penghisapan rokok. Kita akan terus berkempen dan berharap jika sekiranya kesan ini mungkin berbeza sedikit dengan dasar daripada satu kementerian dalam Kerajaan, kita berharap mereka faham akan masalah yang sedang kita cuba perkenalkan kepada orang ramai.

Mengenai masalah kedua, iaitu label; dalam rancangan kita untuk memperkenalkan undang-undang baru itu juga termasuk dalam penglabelan. Ini termasuk mungkin bukan sahaja ayat itu mungkin diubah tetapi besar kecilnya pun akan difikir semula atau mungkin diperbesarkan lagi. Banyak lagi perkara-perkara lain yang akan dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini termasuk penjualan kepada kanak-kanak.

Sekarang kita menumpukan perhatian kepada sesiapa yang menjual, bukan kepada kanak-kanak yang membeli. Kita lebih menumpukan perhatian dan cuba memperkenalkan undang-undang menghukum orang menjual daripada menghukum kanak-kanak yang membeli. Jadi sesiapa yang didapati menjual kepada kanak-kanak mungkin dihukum agak berat juga. Jadi sekarang ini dipertimbangkan oleh pihak A.G. Chambers untuk menentukan semua yang dicadangkan itu dapat perhatian sewajarnya. Insya-Allah, pada tahun depan kita akan perkenalkan secara terbuka dengan lebih sempurna.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan syabas di atas keberkesanan kempen anti-merokok yang ditaja oleh Kementerian Kesihatan. Soalan saya, berapa orang mati kerana merokok. Itu yang pertama. (*Ketawa*)

Yang kedua, kawan saya oleh kerana kempen jangan merokok ini telah begitu berkesan sehingga dia berhenti merokok secara mendadak. Lima orang berhenti, lima orang yang saya tahu mati mengejut. (*Ketawa*) Minta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan. Itu soalan saya yang pertama.

Soalan saya yang kedua, lagi hebat Kementerian Kesihatan kempen, lagi hebat jenama rokok berkumandang di udara sama ada di kaca TV atau media massa yang lain.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya ada bukti yang menunjukkan bahawa ada perhubungan antara seseorang itu berhenti rokok dengan kematiannya, mungkin ini adalah satu fenomena yang baru. Tetapi sudah jelas bahawa probability seseorang itu mempunyai kesihatan yang lebih baik adalah lebih tinggi daripada ia menghidap kesihatan yang lebih buruk. Jadi, kita telah mempunyai bukti yang menunjukkan orang-orang yang merokok sekarang ini mempunyai probability atau berkeungkinan mati lebih tinggi daripada orang yang tidak merokok. Kalau kita baca akhbar kelmarin ada A to Z, 26 sebab kenapa kita mesti berhenti menghisap rokok. Saya ingin mengumumkan di sini bahawa sebatang rokok mungkin mempunyai 4,000 jenis racun atau bahan-bahan yang membahayakan kesihatan dalam sebatang rokok. Jika sekiranya kita menghisap 20 batang sehari, 4,000 x 20 bahan-bahan yang membahayakan kesihatan.

Jadi saya tidak boleh memastikan adakah sebab mati itu kerana dia berhenti merokok atau sebab mati itu kerana dia sudah berpenyakit. Dan mati kerana tidak hisap rokok itu saya tidak boleh pastikan. Tetapi itu jelas bahawa ada banyak bukti yang telah pun ditulis dalam Medical Journal dan juga Kementerian sendiri mempunyai bukti yang cukup yang menunjukkan penghisapan rokok itu adalah mempunyai hubungan rapat dengan penyakit-penyakit yang timbul akhir-akhir ini khususnya kanser atau barah. Apatah lagi dengan Cardio Vascular Disease dan sebagainya. Jika sekiranya ada bukti-bukti yang sebaliknya, saya ingin mendapat maklumat yang sebenarnya daripada Yang Berhormat sendiri.

Yang kedua, berkenaan dengan kempen. Betul, lagi hebat kita berkempen, lagi hebat syarikat-syarikat pembuat rokok mengeluarkan iklan mereka. Saya berpendapat bahawa mereka sedang mengambil peluang ini untuk membuat kempen secara besar-besaran sebelum undang-undang ini dikeluarkan.

Tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa undang-undang ini adalah undang-undang bertujuan untuk mempertahankan atau protect anak-pinak kita daripada terpengaruh dengan tabiat menghisap rokok. Sebab kita mempunyai bukti yang jelas daripada USM dan penyelidikan-penyelidikan umum yang mengatakan kanak-kanak kita daripada umur 12 tahun hingga 18 tahun telah pun mempunyai tabiat merokok yang agak memeranjatkan iaitu sebanyak daripada 12% naik sampai 26%. Dan kita dapati bahawa orang perempuan juga telah pun mempunyai tabiat menghisap rokok yang sudah pun meningkat.

Dulu kita jarang mendengar orang perempuan menghisap rokok tetapi sekarang ini merata-rata tempat anak-anak muda kita sudah mula mempunyai tabiat menghisap rokok. Pergilah ke tempat-tempat hiburan di seluruh Malaysia kita akan dapati anak-anak muda sudah pun terperangkap dengan tabiat menghisap rokok ini. Oleh kerana itulah kita akan terus memperhebatkan lagi kempen ini dan insya-Allah kita telah declare war ataupun kita telah pun isytiharkan perang untuk kempen anti tabiat menghisap rokok ini.

KEBAKARAN KILANG MERCUN BRIGHT SPARKLERS — PAMPASAN KEPADA MANGSA

6. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah pampasan telah dibayar oleh pihak syarikat kepada mangsa-mangsa tragedi keba-

karan kilang mercun Bright Sparklers Sdn. Bhd. khususnya yang melibatkan para pekerja-nya yang mengalami kecacatan anggota tubuh badan akibat letupan kilang itu. Jika ya, butirkan pembayaran yang dibuat. Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk memastikan syarikat tersebut membayar ganti rugi;

- (b) adakah Kerajaan sedar betapa pihak syarikat tersebut masih belum menjelaskan sepenuhnya tuntutan gaji, upah dan kemudahan-kemudahan lain yang dikemukakan oleh bekas pekerja kilang walaupun telah diputuskan oleh pihak mahkamah. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan selanjutnya dan jika tidak, apakah penjelasan Kerajaan mengenai perkara ini; dan
- (c) oleh kerana sebuah tabung untuk membantu mangsa tragedi kebakaran itu telah dibentuk dan dilancarkan serta mendapat sokongan orang ramai, adakah Kerajaan dapat mengesan jumlah sumbangan yang dikutip melalui tabung tersebut dan bagaimanakah sumbangan itu dapat disalurkan dan diagih-agihkan kepada mangsa tragedi itu. Jika ya, berapakah jumlahnya dan siapakah yang menerimanya dan banyak manakah yang diterimanya. Jika tidak dapat dikesan, adakah Kerajaan bercadang menjalankan penyiasatan rapi mengenainya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):
Tuan Yang di-Pertua:

- (a) setakat ini syarikat Bright Sparklers Sdn. Bhd. belum

membayar apa-apa pampasan kepada pekerja-pekerjanya yang mengalami kecacatan anggota tubuh badan akibat letupan di kilang itu. Bagaimanapun, pekerja-pekerja kilang itu adalah diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan faedah-faedah di bawah Akta itu telah pun dibayar kepada yang terlibat seperti berikut:

<i>Jenis Faedah</i>	<i>Jumlah yang dibayar</i>
Hilangupaya sementara	— \$8,957.38
Hilangupaya kekal	— \$36,252.35
Pengurusan Mayat	— \$12,000.00
Orang Tanggungan 2 balu, 7 anak, 1 ibu dan 2 adik	— \$2,792.82 (Jumlah sebulan)

- (b) di bawah Akta Kerja, 1955, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mendapatkan pembayaran tunggakan gaji dan kemudahan-kemudahan lain untuk pekerja-pekerja yang terlibat.

Pihak syarikat telah diperintah oleh Mahkamah Buruh pada 22hb Januari tahun ini supaya membayar sebanyak \$108,934.66 bagi bayaran tunggakan gaji dan juga Iain-lain kemudahan di bawah Akta Kerja, 1955 kepada 150 orang bekas pekerja-pekerja syarikat. Kerajaan sedar bahawa sehingga ini Bright Sparklers Sdn. Bhd. belum menjelaskan pembayaran yang diperintahkan oleh Mahkamah Buruh. Tindakan Saman Penghutang Penghakiman (Judgment Debtor Summons) telah dikenakan ke

atas syarikat berkenaan dan tarikh sebutan bagi kes ini ialah pada 19.11.1992 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur; dan

- (c) tabung bagi membantu mangsa tragedi kebakaran ini adalah dianjurkan serta dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, Kementerian Sumber Manusia tiada maklumat mengenainya.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah hasil siasatan yang telah dijalankan oleh Kementerian ke atas kebakaran kilang mercun Bright Sparklers yang kemungkinan besar adalah di atas kecuaiian pihak pengurusan kilang. Apakah tindakan telah diambil jika sekiranya Bright Sparklers didapati bersalah disebabkan kecuaiian sehingga berlakunya kebakaran dan meraih beberapa orang maut di dalam kebakaran tersebut?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini tidak elok bagi kita membincang perkara ini secara mendalam oleh kerana Suruhanjaya DiRaja sedang menyasiat perkara ini. Ini adalah **sub judice**.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pekerja-pekerja yang terlibat dalam kemalangan di Bright Sparklers ini tidak puas hati di atas pembayaran yang dijanjikan, mereka telah membuat pungutan tandatangan dan ada percubaan rombongan mereka ini untuk bertemu dengan pihak Menteri. Tetapi ada sepasukan yang datang mengugut mereka dan setelah diugut, beberapa orang pekerja ini telah menarik balik tandatangan mereka. Apakah pihak Kementerian membuat siasatan tentang siapakah orang yang mengugut pekerja-pekerja yang cuba membuat tuntutan ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak majikan tidak membayar wang \$108,934.66, alternative lain yang terdapat dalam undang-undang ialah commit the Directors to civil suit, dengan izin, kalau mereka tidak mengikut perintah yang dibuat oleh mahkamah dan juga boleh menjadikan syarikat itu muflis. Oleh kerana inilah, Kerajaan sedang mengkaji secara terperinci penubuhan tabung The Workers (Wages and Benefits) Protection Act.

PERPUSTAKAAN DI DAERAH — KEMUDAHAN

7. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan pembangunan perpustakaan di setiap daerah bagi melahirkan masyarakat membaca, berilmu dan berpengetahuan; dan
- (b) adakah daerah-daerah di Malaysia ini yang telah mempunyai bangunan perpustakaan-nya sendiri dan adakah Kementerian Pendidikan memberi bantuan untuk menyelenggarakan perpustakaan tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan perpustakaan di seluruh negara untuk faedah semua rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar bagi melahirkan masyarakat membaca, berilmu dan berpengetahuan.

Pembinaan Perpustakaan Daerah di setiap negeri adalah di bawah bidanguasa Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri. Peruntukan kewangan diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan melalui Perpustakaan Negara yang memainkan peranan sebagai penye-laras.

Selain daripada Perpustakaan Awam Negeri dan Daerah, Kerajaan Pusat juga telah menyediakan peruntukan pembangunan untuk Perpustakaan Bergerak dan Dewan;

- (b) daripada 76 buah Perpustakaan Cawangan di daerah-daerah, 16 buah merupakan bangunan sendiri manakala selebihnya iaitu 60 buah lagi beroperasi sama ada dengan menyewa bangunan, menggunakan bangunan Kerajaan atau bangunan Majlis Daerah.

Perpustakaan Negara membantu menyelenggara perpustakaan tersebut dengan memberi bantuan belanja mengurus tahunan secara sama rata dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berdasarkan Anggaran Belanja Mengurus Tahunan yang telah diperakukan oleh Perpustakaan Negara.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Perpustakaan Daerah ini bukan dalam bidang Kementerian Pendidikan, saya ingin tahu tentang perpustakaan sekolah, adakah Kementerian mempunyai peruntukan khas untuk perpustakaan sekolah.

Kedua, oleh kerana saya lihat perpustakaan di sekolah-sekolah terutama sekali di zaman sains dan teknologi ini, sepatutnya perpustakaan itu tempat yang selesa untuk duduk dan membaca buku sebab kanak-kanak di luar bandar ini kalau mereka hendak membaca di rumah mereka tidak mempunyai tempat yang sesuai. Adakah perpustakaan di sekolah-sekolah ini diberi peruntukan untuk mengadakan alat air-conditioning ataupun alat-alat komputer yang khas untuk perpustakaan di sekolah.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perpustakaan di sekolah atau dikenali sebagai Pusat Sumber di sekolah ialah dibekalkan dengan buku-buku dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dan pada masa kini tidak termasuk air-conditioning dan juga komputer. Di peringkat sekolah-sekolah, peruntukan untuk ini adalah peruntukan tambahan dari masa ke semasa.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi melaung saranan dan seruan Kementerian menggalakkan budaya berilmu dan juga budaya membaca, selaras dengan matlamat ini, saya merayu dan memohon penjelasan supaya peruntukan untuk Pusat Sumber ini dipertingkatkan lagi setaraf dengan objektif yang saya katakan tadi. Dengan peruntukan yang sedia ada yang secara ad hoc ini tidak memadai. Kita sebagai Ahli Parlimen boleh membantu dari masa ke semasa untuk sekolah yang tertentu sahaja. Soalannya, kalau boleh, bolehkah ditentukan peruntukan untuk Pusat Sumber, lebih-lebih lagi sekolah menengah? Bila hendak dilaksanakan dan banyak mana yang difikirkan patut?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, mengenai peruntukan untuk menyelenggarakan Pusat-pusat Sumber ini: selain dari geran pelancarannya di mana sekolah-sekolah yang belum ada Pusat Sumbernya; sejarahnya adalah begini. Di sekolah-sekolah dahulu kita adakan kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, tetapi dengan pendekatan KBSM dan KBSR, Kementerian merangkumkan kemudahan ini di bawah Pusat-pusat Sumber di mana peruntukan adalah di bawah penyelenggaraan atau operasi per capita grant untuk sekolah-sekolah; termasuk juga peruntukan pembangunan-pembangunan yang diagihkan untuk menaikkan taraf Pusat-pusat Sumber yang pada masa kini sedang dijalan dan dilaksanakan. Tiap-tiap tahun di bawah peruntukan Pembangunan kita mengadakan peruntukan untuk Pusat Sumber ini. Tambahan pula pada masa kini Kementerian juga membangunkan Pusat-pusat Sumber untuk bahan pembelajaran dan pengajaran iaitu di bawah Pusat Kegiatan Guru.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang ingin saya mengetahui ialah bagaimanakah ataupun apakah sambutan atau prestasi daripada perpustakaan kita di seluruh negara ini, sama ada perpustakaan awam ataupun perpustakaan yang ditempatkan di sekolah-sekolah?

Soalan kedua, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan seluruh rakyat negara kita ini ke perpustakaan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan badan-badan agensi yang lain telah melancarkan program gerak

untuk meningkatkan lagi tabiat atau budaya membaca di kalangan masyarakat kita, khususnya di masyarakat sekolah dan juga masyarakat awam. Saya tidak ada apa-apa angka menyatakan penggunaan perpustakaan kita khususnya perpustakaan awam, tetapi dari segi perpustakaan sekolah boleh dikatakan, di kalangan pelajar-pelajar kita yang di bangku sekolah, tabiat membaca adalah menunjukkan satu perubahan yang sangat menggalakkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock.

(Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Kerk Kim Hock tidak hadir).

TABUNG PELABURAN — BANTUAN KEPADA KOPERASI

9. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan dengan penam-bahan kepada baki dana sejumlah \$44 juta bagi maksud tabung pelaburan:

- (a) sejauh manakah dana ini telah dimanfaatkan oleh koperasi-koperasi di seluruh negara;
- (b) apakah bidang pelaburan yang terbabit di dalam penggunaan pelaburan daripada dana ini;
- (c) terangkan jumlah koperasi yang aktif di negara ini serta ahli-ahli yang terlibat; dan
- (d) sejauh manakah kesan galakan Kerajaan dari segi mengurang-kan kadar cukai pendapatan koperasi telah dapat meningkatkan keuntungan bersih dan pelaburan koperasi.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) sejak tabung ini dimulakan, sebanyak 375 permohonan telah diterima. Dari jumlah itu, 352 permohonan bernilai \$49,076,997.32 telah diluluskan. Dari jumlah yang diluluskan itu pula, sebanyak \$41,787,586 telah dikeluarkan. Pinjaman ini diberi untuk menampung keperluan koperasi-koperasi sederhana dan kecil yang memerlukan bantuan daripada kemudahan tabung tersebut.

Daripada jumlah yang dikeluarkan itu, sebanyak \$25.4 juta atau 65.9% telah dibayar semula oleh koperasi-koperasi berkenaan.

- (b) bidang pelaburan yang terlibat adalah seperti berikut:
 - (i) modal pusingan - untuk membantu menyelesaikan masalah kos operasi bagi menjalankan projek-projek yang berdayamaju;
 - (ii) pengangkutan - seperti membeli lori, bas, teksi dan lain-lain;
 - (iii) kontrak - membantu membiayai projek-projek kontrak yang diperolehi oleh koperasi dari agensi Kerajaan dan badan berkanun;
 - (iv) modal - untuk industri kecil;
 - (v) perladangan - memajukan ladang dan membeli tanah.

- (c) mengikut perangkaan yang ada setakat ini sebanyak 2,691 daripada 3,014 buah koperasi atau 86.8% aktif di negara ini. Ahli-ahli yang aktif dianggarkan seramai 2.8 juta atau 84% daripada jumlah 3.3 juta ahli yang ada. 'Aktif yang dimaksudkan di sini ialah koperasi ada menjalankan aktiviti dan ahli pula menyertai aktiviti tersebut.
- (d) setakat ini jumlah koperasi yang dikenakan cukai hanyalah setakat 10% sahaja daripada koperasi yang aktif. Ini disebabkan pengurangan kadar cukai pendapatan ke atas koperasi baru sahaja diumumkan. Kesannya hanya dapat dilihat di masa yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, koperasi hanya dikenakan cukai setelah berdaftar selama lima tahun dan mempunyai kumpulanwang ahli melebihi \$500,000.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah gerakan pembangunan koperasi diselaraskan dan tidak bercanggah dengan dasar melahirkan golongan keusahawanan negara. Sebab koperasi bertitik-tolak pada prinsip tolong-menolong dan bekerjasama, sedangkan entrepreneurial class keusahawanan menekankan tentang mengcks-ploitasi potensi setiap individu. Jadi, sejauh manakah kedua-dua ini tidak bercanggah?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal percanggahan tidak timbul dalam soal ini, sebab koperasi-koperasi diuruskan berdasarkan kepada undang-undang

kecil masing-masing dan dikawalselia oleh Akta Koperasi 1948 yang akan dipinda. Dan koperasi-koperasi boleh membuat kegiatan-kegiatan berdasarkan kepada aturan dan peraturan yang ada bagi tiap-tiap koperasi. Namun demikian, sesuai dengan iklim ataupun suasana perkembangan dan kemajuan yang berlaku sekarang ini, koperasi-koperasi juga digalakkan untuk sama-sama bersaing di pelbagai kegiatan perekonomian tanpa melarikan diri daripada hakikat sebenar mereka itu diasaskan, iaitu berdasarkan kepada enam prinsip koperasi yang berteraskan kepada semangat tolong-menolong dan bekerjasama di antara satu sama lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Secara umumnya, undang-undang kecil koperasi mensyaratkan bahawa tiap-tiap pclaburan baru yang melibatkan jumlah tertentu harus dirujuk kepada Pendaftar. Jadi, dalam pindaan Yang Berhormat cadangkan ini, adakah perkara itu akan dikeluarkan untuk membolehkan hanya ahli jawatankuasa ataupun Lembaga Pncarah sahaja yang perlu membuat keputusan tanpa dirujuk kepada Pendaftar. Dalam keadaan sekarang, saya ingat pada pandangan saya kebanyakan koperasi hidup dengan captive market, dengan izin. Tetapi kalau sekiranya dia masuk dalam pasaran terbuka, dia agak sukar untuk bertanding dengan orang-orang lain. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat pindaan ini untuk membolehkan mereka masuk pasaran terbuka tanpa red-tape, dengan izin, yang begitu banyak yang mana apabila mereka sudah bersedia untuk masuk, barangan yang mereka yang hendak pasaran sudah lagi tidak viable, dengan izin?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya undang-undang sekarang mengizinkan koperasi-koperasi mengambil bahagian di dalam pelbagai kegiatan. Cuma sebelum mereka membuat satu-satu pelaburan melalui jentera ataupun anak syarikat yang mereka tubuhkan, mereka mesti mendapat kelulusan daripada pegawai Pendaftar. Dalam pindaan yang kita akan buat dalam sidang kali ini, apa yang kita cadangkan ialah supaya monitoring system ataupun jentera mengesan kegiatan yang dibuat oleh koperasi-koperasi melalui badan-badan dan anak-anak syarikat yang mereka tubuhkan dapat diteliti dengan lebih mendalam lagi oleh Ketua Pendaftar. Ini disebabkan undang-undang yang ada hari ini tidak memberikan kuasa kepada Ketua Pendaftar untuk mengawasi dan meneliti kegiatan-kegiatan yang dibuat oleh koperasi-koperasi. Kita berpendapat apabila kuasa untuk mengawasi dengan teliti dan lebih cermat lagi ke atas kegiatan-kegiatan perekonomian yang dibuat oleh koperasi-koperasi melalui peruntukan undang-undang itu ada, maka ini akan membolehkan pihak koperasi mempertingkatkan lagi penglibatan mereka di bidang perekonomian.

PERTUBUHAN PELADANG — USAHA KE ARAH BERDIKARI

10. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Jumlah Pertubuhan Peladang dan keahliannya yang ada di seluruh negara sekarang;
 - (b) Jumlah Pertubuhan Peladang yang telah berdikari;
 - (c) Jumlah harta yang dimiliki dan hutang-hutang yang ditanggung oleh Pertubuhan Peladang;
 - (d) Jumlah bantuan secara langsung dan tidak langsung oleh Kerajaan kepada Pertubuhan Peladang dan jenis bantuan tersebut;
 - (e) Usaha-usaha berterusan yang dibuat untuk menentukan Pertubuhan Peladang menjadi satu badan yang benar-benar mewakili dan berfungsi kepada peladang-peladang.
- Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua,
- (a) Jumlah Pertubuhan Peladang di seluruh negara sehingga akhir 1991 ialah 278 buah yang terdiri daripada sebuah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), 13 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 264 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Jumlah keahlian Pertubuhan Peladang seluruh negara ialah seramai 539,954 orang.
 - (b) Pada masa ini dua buah Pertubuhan Peladang telah mencapai tahap berdikari penuh iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor. Lain-lain Pertubuhan Peladang ada membiayai sebahagian daripada kos operasi masing-masing tetapi belum mencapai tahap kemampuan untuk berdikari penuh. Bilangan Pertubuhan Peladang Kawasan yang telah memperolehi keuntungan selepas mengambil kira kos dibantu bagr tahun 1990 ialah 21 buah PPK.
 - (c) Pada tahun 1991 jumlah harta Pertubuhan Peladang ialah \$408.21 juta dan jumlah tanggungan ialah \$268.03 juta. Jumlah nilai bersih ialah \$140.18 juta.

(d) Bantuan Secara Langsung

Bantuan secara langsung yang diberi kepada Pertubuhan Peladang adalah dua jenis iaitu:-

- (i) Di bawah Projek Estet Nukleus dan Pengurusan Ladang dengan jumlah peruntukan sebanyak \$78 juta.
- (ii) Di bawah Industri Kecil dan Pertengahan dengan jumlah peruntukan sebanyak \$1.15. juta.

Bantuan Secara Tidak Langsung

Jumlah peruntukan ini pada tahun 1991 ialah \$14 juta. Pecahan bantuan secara tidak langsung ini terdiri daripada tiga jenis iaitu:-

- (i) Latihan Peladang dan Pegawai Pengurusan Pertubuhan Peladang. Jumlah peruntukan \$2.4 juta.
 - (ii) Bantuan terus kepada ahli Pertubuhan Peladang Kawasan bagi Projek Pembangunan Unit. Jumlah peruntukan \$3.9 juta.
 - (ii) Pembaikan kemudahan pejabat dan rumah kakitangan serta perkhidmatan kejenteraan ladang. Jumlah peruntukan \$7.7 juta.
- (e) Di antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:-*
- (i) Kempen menambah keahlian Pertubuhan Peladang supaya peratus keahlian mencapai 100%.
 - (ii) Galakan penubuhan dan menggiatkan Kumpulan Peladang Muda, Kumpulan Peladang Wanita dan

kumpulan-kumpulan pengeluar.

- (iii) Memastikan perlantikan ahli-ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang terdiri daripada peladang-peladang tulen termasuk dari kumpulan-kumpulan peladang muda, wanita, pengeluar dan ahli-ahli yang pakar dalam bidang-bidang tertentu.
- (iv) Memberi latihan dari segi teknikal, keusahawanan kepimpinan dan per-koperasian kepada semua golongan peladang.

Dato' Dr. Affudin bin Haji

Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah jenis-jenis industri kecil yang telah diceburi oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang dan apakah ianya merupakan satu dasar Kementerian untuk mengurangkan pergantungan petani-petani kepada pertanian semata-mata?

Dan soalan yang kedua, saya ingin tahu apakah kedudukan kewangan NAFAS sekarang ini? Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa NAFAS sudah boleh berdikari. Apakah hutang NAFAS yang berpuluh-puluh juta ringgit beberapa tahun yang lalu telah pun dihapuskan?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tentang kedudukan kewangan NAFAS, saya tidak ada butir-butir, tetapi pada keseluruhannya NAFAS adalah berdikari. Memang ada hutang, tetapi ada juga aset. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat memerlukan penjelasan lebih lanjut, saya mohon notis.

Mengenai soalan yang pertama, adalah menjadi dasar bagi Kementerian Pertanian untuk menggalakkan petani-petani kita melalui Pertubuhan Peladang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan agrobased industry yang kecil-kecilan. Kita memang menggalakkan mereka dan jenis-jenis industri adalah banyak khususnya bagi mereka yang menggunakan pengeluaran mereka dari segi buah-buahan ataupun barang-barang yang dikeluarkan oleh petani di merata-rata tempat, diproses sebagai industri kecil-kecilan. Jenis-jenisnya adalah tersenarai panjang, saya fikir Ahli Yang Berhormat juga maklum, tetapi kalau ada perkara yang tertentu, saya bolehlah memberi penjelasan dengan secara bertulis.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berkaitan dengan soalan awal tadi kepada Timbalan Menteri Pertanian.

Ini khas untuk PPK, sebab PPK tidak termasuk di bawah Pertubuhan Peladang. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk meminda Akta PPK Kawasan MADA supaya untuk pelaburan-pelaburan tidak payah lagi kita mcrujuk kepada Pendaftar? Sebab kadang-kadang banyak projek-projek yang cukup viable tetapi terpaksa dirujuk kepada Pendaftar dan terpaksa mengambil masa. Selepas itu barulah boleh dibuat pinjaman bank dan sebagainya.

Dalam soalan ini juga, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mcsyaratkan supaya lantikan oleh Menteri sebanyak empat orang itu supaya salah seorangnya itu disyaratkan untuk menjadi Pengerusi untuk membolehkan kalangan profcsional mentadbir PPK, sebab Yang Berhormat sedia maklum, bukan kita mcmperkecilkan peladang, tetapi kadang-kadang kalau sekiranya

mereka sendiri terpaksa memimpin, mereka tidak mampu untuk masuk pasaran terbuka. Macam setengah Trade Union dipimpin oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, jadi biar lantikan Menteri ini orang yang bertanggungjawab memimpin PPK. Jadi, soalan saya adakah Kerajaan bercadang untuk meminda supaya tidak lagi perlu dirujuk kepada Pendaftar dan lantikan Menteri ini disyaratkan supaya dapat memimpin PPK tersebut.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama, tentang pindaan, adakah kita bercadang untuk mengadakan apa jua pindaan kepada perjalanan koperasi, buat masa sekarang kita tidak ada cadangan untuk meminda syarat-syarat yang sedia ada.

Mengenai lantikan, adalah benar bahawa daripada Pengarah-pengarah yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, empat orang Pengarah yang dilantik bagi Pertubuhan Peladang, kita ambil kira keperluan kepakaran dalam pengurusan dan dalam masa-masa yang lalu, Yang Berhormat Menteri telah pun melantik orang-orang yang mempunyai kelayakan ini dalam Pertubuhan Peladang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan James Jimbun Anak Pungga.

(Soalan No. 12 - Y.B. Tuan James Jimbun Anak Pungga tidak hadir).

**RANG UNDANG-UNDANG
"THE WORKERS (WAGES AND
BENEFITS) PROTECTION FUND"**

13. Tuan G. Palanivel minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah Kementerianya akan membentangkan "The Workers Wages and Benefits Protection Fund Bill" bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja. Apakah yang melewati pembentangan isu ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji secara terperinci implikasi cadangan penubuhan Tabung ini. Perkara ini telah dibincangkan di Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan telah dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal bagi memastikan ianya benar-benar memberi faedah kepada pekerja dan majikan. Pihak majikan pada dasarnya telah bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

(Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir).

**PROJEK DI BAWAH RM6 —
PENYUSUNAN SEMULA
KEUTAMAAN**

15. Tuan Lim Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan projek-projek RM6 yang akan ditangguhkan di Negeri Pulau Pinang dalam usaha jimat perbelanjaan Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telah ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, Kelantan pada 12hb

November, 1992. Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedang menyusun semula keutamaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Dalam hubungan ini Kerajaan Persekutuan akan terus mengemukakan peruntukan Rancangan Malaysia Keenam bagi Kerajaan Persekutuan sebanyak \$55 juta. Berasaskan kepada paras perbelanjaan ini, matlamat sosio-ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Keenam akan dapat dicapai. Ingin saya menegaskan bahawa penyusunan semula keutamaan ini akan melibatkan semua negeri dan tidak Pulau Pinang sahaja. Kerajaan akan memastikan bahawa agihan mengikut negeri-negeri ini akan terus diseimbangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad.

(Soalan No. 16 - Y. B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad tidak hadir).

**PERUMAHAN KAKITANGAN
HOSPITAL DAERAH TENOM**

17. Tuan Radin Malleh minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah program Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan/rumah kediaman bagi pegawai/kakitangan jabatan perubatan dan kesihatan di Daerah Tenom. Ini memandangkan bahasa masalah ini sudah lama berlanjutan dan ianya boleh menjejaskan prestasi di kalangan para pegawai dan kakitangan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Muhammad Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menyediakan perumahan kakitangan untuk tiap-tiap kemudahan kesihatan yang dibina iaitu hospital,

pusat kesihatan dan klinik desa. Walau bagaimanapun kemudahan perumahan ini adalah khas untuk kakitangan yang bertugas atas panggilan ataupun kakitangan yang atas sebab-sebab perkhidmatannya diperlukan berada dalam kawasan hospital, pusat kesihatan dan klinik desa. Dengan lain perkataan, on call, dengan izin.

Bagi Hospital Daerah Tenom, perumahan kakitangan yang disediakan adalah seperti berikut:

Bahagian I - 2 unit;

Bahagian II - 2 unit;

Bahagian III - 13 unit;

Bahagian IV - 9 unit.

Cadangan untuk menambahkan perumahan kakitangan ada dibuat tetapi belum diberi keutamaan untuk pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Keenam. Kedudukan perkara ini akan dikaji semula dalam Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keenam nanti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

(Soalan No. 18 - Y. B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir).

TEKSI — JUMLAH LESEN

19. Dr. Navvawi Mat Awin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bagi tiap-tiap tahun 1987 - 1991:

- (a) jumlah teksi yang dilesenkan;
- (b) jumlah pemandu teksi yang didapati membuat kcsalahan

tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang yang berlebihan; dan

- (c) jumlah lesen teksi dan lesen pemandu teksi yang dibatalkan kerana kesalahan-kesalahan tersebut dan jenis hukuman-hukuman lain yang dikenakan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah teksi yang dilesenkan tiap-tiap tahun, mulai 1987 hingga 1991 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1987	763
1988	1,367
1989	1,635
1990	2,454
1991	1,369
Jumlah:	7,588

Jumlah pemandu teksi yang didapati membuat kcsalahan kerana tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang yang berlebihan, tiap-tiap tahun mulai 1987 hingga 1991, tidak ada dalam rekod Kementerian kerana penguatkuasaan adalah dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Walau bagaimanapun, mulai Januari, 1991 hingga 31 Oktober, 1992, jumlah pemandu yang melakukan kcsalahan tersebut yang dilaporkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan kepada Kementerian Perusahaan Awam ialah sebanyak 32 orang.

Menjawab soalan (c), untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Awam tidak pernah membatalkan lesen teksi hanya semata-mata berdasarkan kepada kesa-

lahan tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang yang berlebihan. Kesalahan yang sedemikian, jika disabitkan akan dikompau atau digantung atau dibatalkan Lesen Perkhidmatan Awam (PSV) lesen pemandu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bergantung kepada berat atau ringannya kesalahan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, jika kesalahan sedemikian dilakukan berulang kali dan sabit, maka Kementerian Perusahaan Awam akan menggantung atau membatalkan lesen teksi orang yang terbabit berdasarkan kepada laporan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 11, 12, 14, 16, 18 dan 20 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).

'ROAD BULLIES' — JUMLAH KES

8. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah kes laporan polis mengenai 'road bullies' telah dibuat bagi tempoh 1988, 1989, 1990, 1991, 1992 mengikut pecahan setiap tahun;
- (b) sama ada undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk membanteras masalah road bullies'; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang meminda undang-undang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

- (a) Jumlah kes 'road bullies' yang dilaporkan kepada pihak polis mengikut tahun adalah seperti berikut:

1988	— tiada kes
1989	— 1 kes
1990	— 2 kes
1991	— 4 kes
1992 (Jan. - Sept.)	— 8 kes
	15 kes

- (b) Undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk membanteras masalah 'road bullies'.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada.

RANCANGAN BANTUAN RAKYAT TERMISKIN DI SABAH

11. Tuan Michael Asang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan rumah yang telah siap dan diduduki di bawah Rancangan Bantuan Rakyat Termiskin di daerah-daerah di negeri Sabah. Sila senaraikan mengikut daerah;
- (b) sama ada benar rumah-rumah yang dibina di daerah Kinabatangan adalah termasuk dalam gcran C.L. kepunyaan seorang peniaga tempatan; dan
- (c) sama ada penyelesaian berhubung dengan masalah tapak ini sudah dicapai. Kalau belum, kenapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Pembangunan Luar Bandar (Dato'
Mohamed bin Jamrah):**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan rumah yang telah siap dan diduduki di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin di Negeri Sabah bagi tahun 1992 ialah 1,340 buah. Senarainya mengikut daerah adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Daerah</i>	<i>Bil. Rumah Yang Telah Siap</i>
1.	Kinabalu	111
2.	Marudu	299
3.	Bandau	108
4.	Kola Belud	201
5.	Tuaran	103
6.	Jambongan	53
7.	Kinabatangan	145
8.	Keningau	11
9.	Penampang	11
10.	Tanjong Aru	13
11.	Papar	11
12.	Kimanis	27
13.	Limbawang	128
14.	Padas	11
15.	Tawau	24
16.	Silam	21
17.	Samporna	63
	JUMLAH:	1,340

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pemulihan Rumah Rakyat termiskin di Daerah Kinabatangan adalah didirikan di beberapa buah kampung seperti di Kampung Sentosa Jaya, Kampung Menggaris, Kampung Batu Putih, Kampung Singgamata dan di Kampung Bukit Garam. Sepanjang pengetahuan Kementerian

ini hanya rumah-rumah yang dibina di Kampung Bukit Garam sahaja adalah di atas tanah 'Country List' (C.L.) iaitu milik Encik Gusla bin Madalih. Pembinaan rumah-rumah tersebut sama ada di atas tanah sendiri, tanah orang lain atau Kerajaan adalah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak tuan tanah yang berkenaan.

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada tapak di Bukit Garam ianya tidak membawa sebarang masalah kerana kelulusan bagi menggunakan tanah tersebut sebagai tapak untuk membina 10 buah rumah keluarga termiskin tersebut telah diperolehi terlebih dahulu secara bertulis daripada pemilik tanah berkenaan iaitu Encik Gusla bin Madalih.

**HOSPITAL DI DAERAH
SONG — PEMBINAAN**

12. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan berhasrat untuk membina sebuah hospital daerah di Daerah Song, Bahagian Kapit, Sarawak di kawasan Parlimen saya yang sudah dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Adalah tujuan Kerajaan untuk menyediakan sebuah Hospital Daerah bagi tiap-tiap daerah dalam negeri - tetapi ini akan dibuat secara berperingkat. Dalam Rancangan Malaysia Kecnam, empat Hospital Daerah telah diluluskan bagi Negeri Sarawak untuk Daerah Bau, Betong, Simunjan dan Daro. Bagi Daerah Song, sebuah hos-

pital telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam tetapi oleh kerana kekurangan peruntukan, cadangan projek ini telah ditangguhkan. Kementerian Kesihatan akan mencadangkan semula projek ini dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keenam yang akan datang.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN — BIDANGKUASA

14. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah bidangkuasa "Lembaga Pembangunan Labuan" yang baru ditubuhkan itu jika dibandingkan dengan bidangkuasa Majlis Perbandaran Labuan. Adakah benar bahawa L.D.A. akan mengambil semua urusan dan bidangkuasa Majlis Perbandaran Labuan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Bidangkuasa Lembaga Pembangunan Labuan (LPL) adalah seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 22(1) Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992. Dengan penguatkuasaan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992, bidangkuasa Majlis Perbandaran Labuan (MPL) hanya merangkumi perkara-perkara di dalam Suratcara MPL yang tidak diletak di bawah Seksyen 22(1) Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992.

Berhubung dengan pengambilan kuasa dari MPL adalah tidak benar bahawa Lembaga Pembangunan Labuan akan mengambilalih semua urusan dari bidangkuasa Majlis Perbandaran Labuan.

PELAJAR SEKOLAH MENJADI PELACUR PART TIME — TINDAKAN

16. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa sebilangan pelajar sekolah

menjadi pelacur secara 'part time' dan apakah tindakan Kementerian berhubung dengan masalah ini.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan tiada menerima apa-apa laporan berkaitan dengan kegiatan ini daripada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun sebagai tindakan pencegahan, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi penekanan terhadap pembinaan akhlak pelajar-pelajar yang dilakukan secara formal melalui Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam dan secara tidak formal melalui aktiviti kokurikulum, Khidmat Bimbingan dan Kaunseling dan disiplin sekolah. Di samping itu, Surat-surat Pekeliling Ikhtisas juga diedarkan ke sekolah-sekolah seperti, pekeliling bilangan 1/1984 dan pekeliling bilangan 1/1985.

PENGETUA SEKOLAH MENENGAH DAN RENDAH — JAWATAN KOSONG

18. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kedudukan terakhir jawatan-jawatan kosong bagi pengetua-petgetua di sekolah-sekolah menengah dan rendah di Sarawak dan apakah sebab-sebabnya bagi kelewatan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut. Adakah ianya disebabkan oleh kekurangan calon-calon yang sesuai atau sebab-sebab lain;
- (b) jumlah keseluruhan guru-guru sementara yang menjalani latihan di pelbagai maktab-maktab latihan perguruan di Sarawak jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan guru-guru bagi tahun 1993 kepada 1995;

- (c) jumlah pengambilan guru-guru pelatih yang dianggarkan di Sarawak daripada guru-guru sementara bagi tahun 1993 kepada 1995;
- (d) jumlah keseluruhan guru-guru bersara di seluruh negara dan di Sarawak masing-masingnya yang digaji semula atas dasar kontrak; dan
- (e) bolehkah Kementerian menimbang untuk menghantar kontrak menggaji semula kepada guru-guru yang akan bersara dalam tempoh enam bulan sebelum mereka bersara dan memberi mereka masa untuk menimbang dan menerima atau menolaknya supaya perkhidmatan-perkhidmatan mereka di sekolah tidak terganggu.

Dr. Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan terakhir kekosongan jawatan bagi Pengetua dan Guru Besar di sekolah-sekolah di Sarawak sehingga November 1992 ialah 176. Urusan Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Bukan Siswazah telah diuruskan dan urusan penempatan akan dibuat setelah Lembaga Kenaikan Pangkat meluluskan kenaikan pangkat pegawai-pegawai berkeenaan. Bagaimanapun, tempat-tempat kosong tersebut mempunyai Penolong Kanan atau Guru Kanan yang menjalankan tugas-tugas Pengetua atau Guru Besar.
- (b) Calon-calon yang mengikuti kursus perguruan sepenuh masa

adalah terdiri daripada bekas guru sementara dan juga calon-calon lepasan SPM dan STPM. Jumlah yang dijangka akan diambil berkursus di maktab-maktab perguruan di Sarawak dari tahun 1993 hingga 1995 ialah seramai 3150 orang iaitu 1050 orang setiap tahun.

- (c) Kementerian Pendidikan masih menjalankan program Kursus Dalam Cuti (KDC) selama 7 semester di Sarawak bagi guru sandaran yang mempunyai kelayakan akademik yang disyaratkan serta pengalaman mengajar tidak kurang dari 3 tahun. Di samping itu, mereka mestilah masih berkhidmat di sekolah-sekolah pada masa membuat permohonan dan menjalani latihan. Sejak tahun 1989 hingga tahun 1992, seramai 812 orang sedang menjalani latihan. Pada tahun 1993 hingga 1995, dijangkakan seramai 750 orang akan diambil berkursus iaitu 250 orang setiap tahun.
- (d) Proses pengambilan pegawai Kerajaan yang bersara wajib untuk perlantikan semula secara kontrak masih dalam tindakan Kementerian Pendidikan. Seramai 400 orang calon telah ditemuduga dan seramai 262 orang termasuk 2 orang calon dari Sarawak yang telah ditemuduga dan diperakukan untuk latihan. Adalah dijangka mereka akan memulakan perkhidmatan pada awal sesi persekolahan 1992/93.
- (e) Perlantikan semula secara kontrak guru-guru hanya dibuat setelah mereka bersara wajib berdasarkan bidang atau peng-

khusus dan kekosongan jawatan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan tidak dapat menawarkan kontrak untuk latihan semula kepada guru-guru sebelum mereka bersara wajib.

RUMAH PANJANG KOS RENDAH DI SARAWAK — CADANGAN

20. Tuan Joseph Mauh Ak Ikeh minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membina rumah panjang kos rendah di Sarawak;
- (b) memandangkan rumah kos rendah di seluruh Sarawak tidak begitu mencukupi dan apakah tindakan Kerajaan untuk menghadapi perkara tersebut; dan
- (c) mengapakan rumah kos rendah di seluruh negeri Sarawak lebih mahal harganya berbanding dengan harga rumah kos rendah di Semenanjung Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek perumahan awam kos rendah rumah panjang telah dan akan dilaksanakan di negeri Sarawak bagi memenuhi permintaan penduduk tempatan. Perumahan jenis ini akan diteruskan pembinaannya dari masa ke semasa mengikut keperluan.
- (b) Pembinaan perumahan awam kos rendah di Sarawak terus diutamakan oleh Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan dua jenis projek/skim iaitu Projek

Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK). Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6) sebanyak 15 projek baru akan dilaksanakan di Sarawak untuk menambah bekalan perumahan kos rendah di negeri berkenaan.

- (c) Harga rumah-rumah awam kos rendah di Sarawak adalah sama dengan negeri-negeri di Semenanjung iaitu tidak melebihi \$25,000 seunit. Sepatutnya tiada masalah perbezaan harga rumah awam kos rendah antara Sarawak dan negeri-negeri Semenanjung.

MASALAH PEMBALAKAN KAYU SECARA HARAM

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah seriusnya masalah pembalakan kayu secara haram di negara kita;
- (b) adakah betul beberapa negeri telah melebihi paras pembalakan yang ditetapkan dalam tahun 1990 dan tahun 1991, dan sila beri nama tiga negeri yang paling berdosa dalam hal ini, serta kelebihan pembalakan mereka dari segi 'acreage' ataupun 'tonnage' dalam tahun-tahun tersebut.
- (c) adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negeri Sarawak dan Sabah, pembalakan haram telah dijalankan oleh pemegang-pemegang lesen pembalakan sendiri, yang menebang luar dari kawasan yang telah dilctapkan oleh Jabatan Perhutanan, dengan akibatnya memusnahkan 'water catchment area' serta mcmbalak jenis-jenis kayu terlindung seperti Engkabang; dan

- (d) apakah langkah sedang diambil untuk mengawal pembalakan haram seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):

- (a) Walaupun perangkaan mengenai kes pembalakan haram melibatkan kontraktor/pengusaha individu ataupun syarikat menunjukkan peningkatan dari segi bilangannya dari tahun ke tahun dalam tempoh 1988 - 1991 tetapi bilangan yang bcr tambah ini adalah dikenalpasti antaranya bcr punca daripada sistem pngesanan yang bcr tambah baik yang boleh mengesan kegiatan yang berlaku lebih cepat dan meluas berbanding dengan kedudukan pada masa lalu. Mereka yang dikesan terlibat bagaimanapun telah dikenakan tindakan sewajarnya mengikut sistem undang-undang yang ada pada masa ini.
- (b) Hanya beberapa negeri didapati masih melebihi paras pembalakan yang ditetapkan. Dalam tahun 1990, tiga buah negeri yang menjalankan pembalakan melebihi catuan tebangan tahunan ialah Kelantan dengan lebih sebanyak 52,796 hektar diikuti dengan Pahang sebanyak 43,562 hektar dan negeri Perak sebanyak 37,279 hektar.

Pada tahun 1991, tiga buah negeri yang mencatatkan jumlah pembalakan melebihi dari paras yang ditetapkan di mana Kelantan masih mendahului negeri-negeri lain dengan lebih sebanyak 23,075 hektar

diikuti dengan negeri Pahang sebanyak 12,264 hektar dan negeri Perak sebanyak 4,188 hektar. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan dalam jumlah pembalakan yang melebihi dari paras yang ditetapkan dalam tahun 1991 berbanding dengan tahun 1990.

- (c) Pihak Kerajaan memang sedar bahawa pembalakan haram di kawasan-kawasan yang tidak sepatutnya dibalak boleh mengakibatkan kesan buruk kepada kawasan persekitaran khususnya kawasan tadahan. Kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak telah mengesan beberapa kes pembalakan haram di kawasan lesen sendiri di mana penebangan dibuat sebelum mereka bekerja dalam blok-blok tebangan yang ditentukan. Namun kejadian tersebut adalah terkawal. Bagi kesalahan yang telah dikesan, mereka yang bertanggungjawab telah dikenakan denda dan tindakan undang-undang sewajarnya.
- (d) Langkah-langkah yang lebih ketat telah, sedang dan akan diambil untuk mengawal kegiatan pembalakan daripada terus berlaku secara tidak terkawal di negara ini menerusi:-
- (i) pelaksanaan sistem pembalakan yang teratur, antaranya dengan menghadkan pembalakan di kawasan Hutan Simpanan Kekal mengikut catuan tebangan tahunan yang ditetapkan dan merancang kawasan pembalakan supaya tidak bcr taburan;

- (ii) pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 terutamanya dari segi u n d a n g - u n d a n g pencegahan dan penguatkuasaan sediada supaya dengan ini, penalti yang lebih berat dikenakan untuk menghukum mereka yang terlibat.
- (iii) penyusunan semula Jabatan Perhutanan dengan keutamaan diberi kepada usaha mengukuhkan bidang penguatkuasaan dan pemuliharaan hutan;
- (iv) mempertingkatkan teknik kawalan dan pengawasan menerusi penggunaan "remote sensing", pesawat udara dan kerjasama pihak polis dan tentera untuk membantu di dalam k e r j a - k e r j a penguatkuasaan bagi kawasan terpencil dan di pendalaman serta bagi kes-kes yang melibatkan penceroboh-penceroboh yang merbahaya dan dikhuatiri ditengkapi dengan senjata api;
- (v) mengadakan latihan atau kursus penyiasatan dan p e n g u a t k u a s a a n , pendakwaan dan tatacara mahkamah serta membina semangat bagi semua peringkat pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan;

- (vi) melengkapkan kemudahan dan alat-alat perhubungan untuk memastikan pengawasan yang lebih berkesan.

KAPAL PERANG AMERIKA SYARIKAT DIBAIKI DI LUMUT

22. Datuk Haji Abdul Manan bin Othman minta Menteri Pertahanan menyatakan sehingga kini, sudah berapa banyak kapal-kapal perang Amerika Syarikat yang dibaiki di Lumut.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Sehingga kini sebanyak 5 buah kapal dari Pasukan Tentera Laut Amerika Syarikat telah dibaiki di Naval Dockyard Sdn. Bhd. Kapal-kapal tersebut adalah seperti berikut:

- (a) USS Barbaura Country (LST).
- (b) USNS Sioux (Tugboat).
- (c) USS Tusca Loosa (LST).
- (d) USS Fort McHendry (LCD).
- (e) USS Sehnectody (LST).

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA — PENGAMBILAN ANGGOTA BARU

23. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol adakah benar Kementerian Pertahanan menghadapi masalah bagi mendapat sumber tenaga manusia untuk mempertingkatkan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kita. Jika benar, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

7.72.92

14. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berhenti dari perkhidmatan, mengikut perkhidmatan dan pangkat sejak tahun 1985 dan berapakah di antaranya yang bersara secara lebih awal;
- (b) apakah benar ATM khususnya Tentera Darat, menghadapi masalah mendapatkan pengambilan anggota baru; dan
- (c) jika benar, apakah sebabnya dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

2.12.92

6. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab-sebabnya tidak ada sambutan di kalangan pemuda-pemuda Malaysia terhadap pengambilan rekrut baru di dalam angkatan tentera. Apakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah ini?

7.12.92

17. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) benarkah Kementerian Pertahanan menghadapi masalah untuk mendapatkan anggota-anggota baru berkhidmat di dalam Angkatan Tentera kerana kebanyakan belia-belia di negara ini tidak mempunyai minat untuk menyertai pasukan tersebut; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Jelevu bertarikh 1hb Disember, 1992, Padang Terap bertarikh 2hb Disember, 1992 dan Tanjong Karang bertarikh 7hb Disember, 1992 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Masalah mendapatkan anggota baru untuk masuk berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kini telah pun sampai ke tahap yang kritikal dan jika tren ini berterusan ianya akan menjadi lebih serius dan boleh memberi kesan yang buruk terhadap perancangan pembangunan ATM khususnya dan negara amnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim pengambilan anggota baru dalam Angkatan Tentera Malaysia terbahagi kepada dua kategori:

- (a) Pegawai — ATM memerlukan lebih kurang 350 pegawai bagi tiap-tiap tahun untuk pelbagai Cawangan di dalam tiga perkhidmatan. Pengambilan pegawai masakini dibuat melalui dua skim iaitu skim SPM dan skim Ijazah dan Diploma. Sejak dua tahun kebelakangan ini, ATM telah mula menghadapi kesukaran untuk mendapatkan calon berkelayakan untuk memenuhi keperluan ini.
- (b) Lain-lain Pangkat - bagi anggota lain-lain pangkat, ATM memerlukan lebih kurang 7,300 orang anggota baru bagi tiap-tiap tahun untuk mengisi kekosongan di ketiga-tiga Cawangan Perkhidmatan berikutan dengan persaraan atau pemberhentian biasa dan selain kekosongan yang sedia ada.

Masalah mendapatkan calon untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia bukanlah fenomena ganjil atau luar biasa kerana ianya ada hubungkait dengan masalah kekurangan tenaga kerja yang dihadapi oleh negara pada masakini. Perkembangan ekonomi negara yang pesat terutama Sektor Perindustrian membuka persaingan yang hebat yang mana ATM terpaksa hadapi. Oleh yang demikian, ATM terpaksa mengubah 'approach' supaya dapat menarik minat belia-belia lepasan sekolah menengah dan pengajian tinggi lebih cenderung berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia:

- (a) Mengikis anggapan bidang tentera hanya memegang senjata dan membuat operasi di hutan. Bidang kerjaya yang mencabar dengan berbagai Cawangan Teknikal dan kepakaran diberi pendedahan yang maksima melalui pameran, ceramah kerjaya di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi.
- (b) Mendedahkan peluang peningkatan individu termasuk peluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi sama ada untuk pegawai mahupun Iain-lain pangkat.
- (c) Mendapatkan pengiktirafan kursus-kursus teknikal yang dianjurkan oleh ATM di peringkat Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Langkah ini adalah untuk menjamin masa depan di bidang awam selepas tamat perkhidmatan lebih terjamin.
- (d) Masalah perumahan diberi perhatian yang serius.

SISTEM PERGERAKAN LALU-LINTAS DAN KEMUDAHAN AWAM DALAM KUALA LUMPUR

24, Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan bagi tujuan mempertingkatkan dan memperbaiki sistem pergerakan lalulintas dan kemudahan dalam Kuala Lumpur.

- (a) berapa banyak rombongan lawatan sambil belajar ke seberang laut dibuat oleh kakitangan DBKL sepanjang 5 tahun lalu dan namakan negara dan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi perjalanan itu;
- (b) adakah DBKL menganggap lawatan itu sebagai berjaya, jika ya, sila sebutkan rancangan-rancangan yang dicadangkan oleh pegawai-pegawai yang telah kembali dari lawatan keluar negeri dan berapa banyak rancangan, dengan menyatakan butir-butir setiap rancangan yang telah diluluskan untuk dilaksanakan; dan
- (c) apakah kedudukan terakhir projek-projek seperti Aerobus, sistem transit laju ringan dan monorel. Apakah sebab-sebab mengenyepikan atau melengahkan mana-mana projek ini. Apakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan keretapi bawah tanah dalam Kuala Lumpur, jika tidak, mengapa.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Di antara tahun 1988 hingga bulan September 1992, sebanyak 25 rombongan lawatan sambil belajar keluar negeri telah dibuat oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Pengangkutan Bandar, Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur. Negara-negara yang dilawati ialah Jerman, Perancis, Taiwan, Jepun, Kanada, Amerika Syarikat, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Turki, Australia, Indonesia, Brunei dan Hong Kong.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya membiayai perbelanjaan bagi 17 rombongan tersebut dengan kos sebanyak lebih kurang RM207,000. Lain-lain perbelanjaan rombongan adalah dibiayai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga pihak penganjur.

- (b) Lawatan-lawatan keluar negeri adalah sangat berfaedah kepada Bahagian Pengangkutan Bandar, DBKL di mana ianya dapat memberikan pendedahan di dalam sistem-sistem pengangkutan baru yang dilaksanakan di negara-negara lain. DBKL merancang untuk melaksanakan mod sistem pengangkutan baru yang mana pengalaman dan pengetahuannya tidak dapat diperolehi di dalam negeri. Antara kebaikan lawatan-lawatan ini adalah:-
- (i) meluaskan pengetahuan pegawai-pegawai bagi membolehkan Bahagian pengangkutan Bandar merangka dasar-dasar baru dan mewujudkan skim-skim baru yang sesuai bagi Kuala Lumpur.
 - (ii) memberi peluang untuk mempelajari kesilapan dan masalah-masalah yang dihadapi di lain-lain negara supaya kita tidak mengulangi kesilapan yang sama.
 - (iii) mengumpul maklumat mengenai pembangunan dan teknologi terbaru dalam sistem pengangkutan bandar.

(c) Kedudukan projek-projek pengangkutan awam yang dicadangkan di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

(i) *Sistem Monorel*

Pada tahun 1989 projek Aerobus telah digantikan dengan Projek Sistem Monorel. Pada peringkat permulaan, laluan Sistem Monorel akan menghubungkan Terminal Bas Jalan Tun Razak - Pasar Budaya - Puduraya - Bukit Bintang. Kajian pelaksanaan projek tersebut telah pun disiapkan.

Pada asalnya, projek ini telah diluluskan supaya dilaksanakan sepenuhnya oleh DBKL. Walau bagaimanapun, pada 29hb Oktober 1991 Kerajaan telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan secara penswastaaan dan sebuah Syarikat dari Singapura, Lum Chang Holdings Ltd. akan melaksanakan projek ini. Walau bagaimanapun, cadangan yang telah dikemukakan oleh Syarikat tersebut masih belum diluluskan oleh Kerajaan.

(ii) *Sistem Transit Laju Ringan (LRT)*

Pada tahun 1991, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan fasa pertama Sistem LRT iaitu dari Ampang ke Pusat Bandar sepanjang 12 km. Laluan fasa pertama ini akan dilaksanakan secara penswastaaan sepenuhnya oleh Syarikat Sistem Transit Aliran Ringan

Sdn. Bhd. (STAR). Laluan pertama ini dijangka akan mengambil masa selama 3 tahun untuk disiapkan.

Kerajaan bukan dengan sengaja mengeneipi atau melengahkan projek ini, tetapi Kerajaan terpaksa merancang projek-projek ini dengan teliti bagi memastikan kejayaannya apabila dilaksanakan kelak kerana projek ini mempunyai implikasi kewangan yang tinggi.

Buat masa sekarang, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk melaksanakan sistem keretapi bawah tanah kerana didapati ianya memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Bagi mengurangkan kos, cadangan projek adalah berasaskan kepada sistem-sistem yang 'elevated'.

KAPAL-KAPAL KARGO MENGANGKUT BAHAN NUKLEAR

25. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) apakah Malaysia akan menghalang kapal-kapal kargo yang menggunakan Selat Melaka dan Laut China Selatan bagi tujuan mengangkut bahan nuklear dan bahan yang boleh menjejaskan alam sekitar;
- (b) apakah Kerajaan sudah berunding dengan negara jiran bagi mengatasi masalah tersebut;
- (c) apakah Malaysia bercadang untuk mengenakan caj kepada kapal-kapal yang menggunakan laluan Selat Melaka dan Laut China Selatan; dan

- (d) apakah tindakan Malaysia bagi meningkatkan keselamatan pengguna yang melalui perairan Antarabangsa Selat Melaka.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):

- (a) Di bawah Undang-undang Kelautan Antarabangsa (UN Convention on the Law of the Sea) 1982, hak "innocent passage" dan "transit passage" oleh kapal-kapal di Selat Melaka dan Laut China Selatan adalah terjamin. Ini bermakna Malaysia tidak boleh menghalang kapal berkenaan sekiranya kapal-kapal menggunakan perairan Malaysia tersebut membuat "innocent passage" dan "transit passage". Namun begitu, di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, terdapat peruntukan yang mencukupi bagi menentukan kapal-kapal berkenaan adalah selamat dan "seaworthy".
- (b) Mengenai soalan kedua, ini adalah isu antarabangsa dan Kerajaan belum lagi mengadakan rundingan dengan negara-negara jiran mengenai perkara ini.
- (c) Di bawah Undang-undang Kelautan Antarabangsa yang sama juga, negara pantai tidak boleh mengenakan apa-apa caj atau levi ke atas laluan lautan wilayahnya, kecuali levi-levi itu dikenakan berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah negara itu. Oleh yang demikian, satu Persidangan Antarabangsa sedang diusahakan untuk diadakan dengan negara-negara jiran untuk meninjau cara-cara yang boleh menjamin dan

menyelenggara langkah-langkah keselamatan pelayaran dan pembersihan di perairan Selat Melaka.

(d) Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu laluan kapal bagi menjamin keselamatan perairan Selat Melaka seperti:

- (i) pemasangan alat-alat bantuan pelayaran dengan izin, navigational aids seperti rumah api, tanda arah suar (beacon) dan pelampung suar (buoys) di beberapa buah tempat;
- (ii) menyediakan laluan pelayaran khusus, dengan izin, traffic separation scheme untuk kapal-kapal lain;
- (iii) mewujudkan kerjasama di antara negara-negara "littoral" untuk menentukan tindakan yang lebih bersepadu terhadap masalah keselamatan dan pembersihan di perairan Selat Melaka; dan
- (iv) meminda dan memperketatkan lagi undang-undang kebangsaan yang mempunyai tujuan untuk menentukan tahap keselamatan kapal-kapal serta mengawal dan mencegah pencemaran.

DERMA TABUNG BANTUAN RAKYAT BOSNIA—JUMLAH

26. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah derma Tabung Bantuan Rakyat Bosnia telah dikutip oleh semua penganjur-penganjur sehingga hari ini.

Nyatakan nama-nama penganjur yang menjalankan kutipan derma tersebut. Bilakah bantuan derma tersebut akan disampaikan kepada Kerajaan Bosnia.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi pertanyaan berkaitan dengan perkara ini telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 28-10-1992. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan bagi pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Maran.

KAPAL AKATSUKI MARU MEMBAWA NUKLEAR PLUTONIUM MELALUI SELAT MELAKA

27. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia tentang pelayaran kapal Akatsuki Maru yang membawa bahan nuklear plutonium melalui Selat Melaka dan kapal Nagasaki Spirit yang membawa minyak mentah dan menyebabkan tumpahan minyak di perairan Malaysia.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Mengikut Undang-undang Laut Antarabangsa, laluan transit (transit passage) oleh kapal-kapal melalui Selat Melaka adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah memaklumkan melalui saluran diplomatik kepada Kerajaan Jepun kebimbangannya terhadap risiko malapetaka sekiranya kapal Akatsuki Maru menggunakan perairan Selat Melaka. Kerajaan Jepun telah memberi jaminan bahawa langkah-langkah keselamatan yang cukup telah diambil termasuk mengikut satu jalan laut yang jauh daripada pantai.

Mengenai kes Nagasaki Spirit, Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminta gantirugi daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas kejadian itu.

HOSPITAL DAERAH MACHANG—CADANGAN PEMBESARAN

28. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk membesarkan Hospital Daerah Machang, Kelantan dengan menubuhkan wad, memandangkan penggunaan katil hospital tersebut melebihi 100%.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Penggunaan katil (BOR) di Hospital Daerah Machang belum melebihi 100%. Mengikut perangkaan Kementerian ini, kadar penggunaan katil yang direkodkan pada tahun 1991 ialah 59.7% sementara pada tahun 1992 (sehingga Ogos) ialah 66.4%. Daripada data ini, tidak perlu ditambah wad baru bagi Hospital Daerah Machang.

PENUNTUT PINTAR CHANG TING MING

29. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai seorang penuntut berotak geliga (genius) Chang Ting Ming:

(a) sama ada Kerajaan telah meluluskan biasiswa untuk menampung perbelanjaan menghabiskan pendidikan ijazah sarjana dan doktorat seperti yang dilaporkan dalam suratkhbar oleh pemimpin MCA dan bilakah ia diberikan;

- (b) apakah jenis dan jumlah bantuan yang diberikan dan adakah ia mencukupi untuk menampung pendidikannya ke Cambridge University di England; dan
- (c) sama ada pihak Kerajaan bersedia mengkaji semula dan menubuhkan satu Tabling Biasiswa Khas untuk pelajar-pelajar berotak geliga dan pintar yang menghadapi kesulitan kewangan agar mereka boleh mencapai potensi sepenuhnya dan kalau tidak, mengapa.

Dr. Leo Michael Toyad:

- (a) & (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terpaksa menjalankan kajian yang teliti bagi meluluskan permohonan biasiswa pelajar yang berkenaan. Hasil daripada kajian tersebut, Kerajaan telah mengeluarkan surat tawaran kepada pelajar yang berkenaan pada 29hb September, 1992. Walau bagaimanapun sehingga kini, Jabatan Perkhidmatan Awam belum lagi menerima Surat Pengesahan Penerimaan Tawaran dan juga Perjanjian Biasiswa dari pihak pelajar. Alasan di atas secara langsung telah menjelaskan sebab-sebab mengapa kelewatan kelulusan permohonan biasiswa pelajar berkenaan telah berlaku.
- (c) Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan satu tabung biasiswa khas untuk pelajar-pelajar berotak geliga. Sehubungan dengan itu Kerajaan akan meneruskan dasar-dasar yang sedia ada dalam memberikan bantuan biasiswa kepada penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1993

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1993

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1993 dan Usui Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1993 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (*Hari Kedua*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B.1, B.2, B.3, BA, B.5, B.6, B.7,
B.8,B.9,B.10,B.11,B.12 dan
B.13, (Jadual)—*

*Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran
Pembangunan 1993)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang hendak sambung? Ada lagi 10 minit.

3.36 *ptg.*

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 110000 - Maksud Bekalan 7 - DBKL, Lembaga Penasihat. Dalam semua bandaraya besar di seluruh dunia, jawatan Datuk Bandar adalah satu jawatan yang dipilih umum, tetapi di Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, jawatan ini adalah jawatan lantikan. Inilah sebabnya DBKL dipenuhi dengan begitu banyak skandal. Harus diingat bahawa DBKL menerima hasilnya daripada orang awam atau, maka dengan itu ianya tidak boleh dibenarkan untuk menikmati kemewahan yang dikecualikan daripada prinsip akauntabiliti awam, dengan izin, public accountability. Malah Perdana Menteri sendiri juga dikehendaki datang ke Parlimen untuk memperolehi kelulusan bagi cadangan Belanjawan Jabatannya sendiri. Tetapi bagi DBKL ia tidak perlu memperolehi kelulusan daripada sesiapa pun untuk belanjawan mereka dan sebaliknya ia diamanahkan dengan tabung awam. Bagaimanakah tabung awam boleh berada dalam keadaan selamat apabila Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Lembaga Penasihatnya tidak dipilih oleh rakyat dan tidak ada sebarang public accountability. Di bawah struktur DBKL pada masa ini, harapan tunggal orang awam adalah terletak kepada penyeliaan dan perimbangan, check and balance, dengan izin, oleh Lembaga Penasihat DBKL.

Senarai Ahli Lembaga Penasihat DBKL sekarang ini adalah seperti berikut; Datuk Bandar menjadi Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasanya adalah terdiri daripada Wan Mat Wan Sulaiman - Jabatan Perdana Menteri; Riduan Abdul Hamid - Ahli Peniaga; David Chua Kok Tee - Pemaju Pcrumahan; Zakaria Saleh - Ahli Peniaga; Yong Poh Kun - Ahli Peniaga; Dato' V.K. Tangarajan - Ahli Peniaga; Haji Abdul Majid bin Hamid - Arkitek dan Lee Lam Thye - Pengarah Syarikat-syarikat. Orang-orang yang tersebut di atas hanya boleh mewakili diri mereka sendiri atau kepentingan sempit mereka masing-masing.

Untuk mencapai kesimpulannya, kita hanya perlu meneliti latar-belakang dan pertalian di antara mereka. Apa yang mereka lakukan adalah untuk menjaga keahlian mereka dan adalah hanya untuk melindungi kepentingan kuasa pemerintah, power that be, dengan izin. Oleh yang demikian mereka terpaksa menjaga kepentingan Perdana Menteri dan kepentingan awam pula diletakkan pada kedudukan yang kedua dan keutamaan mereka. Inilah sebabnya mengapa terdapat begitu banyak skandal yang berlaku dalam DBKL. Misalnya, isu pembelian 23 buah kereta Volvo; pembelian pinggan-mangkuk bersadur emas yang berharga kira-kira \$600,000 di mana pesanan asalnya adalah \$2 juta; penjualan lebih daripada 500 ekar tanah utama di Bukit Kiara kepada Kuala Lumpur Golf and Country Club Sdn. Bhd - suatu syarikat asing, pada kos \$59,725 seekar dan sebuah syarikat yang dikuasai oleh Tan Sri Vincent Tan pada harga \$39,000 seekar.

Demi kepentingan negara dan untuk tujuan penyeliaan dan perimbangan, saya ingin mencadangkan supaya semua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara automatik (ex-officio) menjadi Ahli Lembaga Penasihat dan Ahli-ahli yang lain pula dipilih oleh penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Saya menyeru kepada Kerajaan supaya meminda Akta Wilayah Persekutuan dengan segera untuk memenuhi kehendak prinsip akauntabiliti awam. Dalam tempoh sementara waktu pula, semua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik ke Lembaga Penasihat dengan segera kerana mereka adalah Wakil Rakyat yang sebenar. Jika Ahli Parlimen adalah diamanahkan oleh rakyat untuk mewakili mereka dalam badan yang tertinggi di negara iaitu parlimen, saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa mereka harus diasingkan daripada

keahlian dalam Lembaga Penasihat. Saya amat pasti bahawa Ahli Parlimen mempunyai hak yang lebih besar dan lebih layak daripada nama-nama yang tersebut di atas untuk menjadi ahli Lembaga Penasihat.

Kedua, saya ingin mencadangkan bahawa semua mesyuarat Lembaga penasihat dibuka kepada kehadiran orang awam seperti Majlis Perbandaran kerana peranan Lembaga Penasihat adalah serupa dengan peranan Majlis Perbandaran. Harus diingatkan bahawa perkara yang dibincangkan dalam Lembaga Penasihat adalah perkara yang berbentuk perkhidmatan sosial. Oleh itu, adalah tidak perlu untuk merahsiakan mesyuaratnya kerana tidak terdapat perkara keselamatan negara yang dibincangkan dalam Lembaga Penasihat.

Masa sudah sampai untuk sebuah Kerajaan yang terbuka dan ini adalah juga sejajar dengan aspirasi orang awam. Ini juga akan membekalkan satu bentuk penyeliaan dan perimbangan melalui satu masyarakat yang dimaklumi oleh semua keputusan yang diambil oleh Lembaga Penasihat dan Lembaga Penasihat akan lebih memerhati pandangan orang awam. Ini juga bererti pada akhirnya, Datuk Bandar akan secara tidak langsung lebih mengambil perhatian atas pandangan dan aspirasi orang awam.

Jika Kerajaan tidak dapat melaksanakan kedua-dua cadangan yang asas ini dengan segera, maka demokrasi bukan sahaja mati dalam DBKL tetapi juga di seluruh negara. Lagi pun masyarakat kita akan menyaksikan lebih banyak skandal-skandal DBKL.

Sekali lagi saya menyeru kepada Kerajaan supaya menerima cadangan saya yang ikhlas ini dengan melantik Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke dalam Lembaga Penasihat dengan segera dan juga menjadikan

semua mesyuaratnya terbuka kepada kehadiran orang awam sebagai langkah berani yang pertama untuk mendemokrasiakan DBKL. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, penjualan tanah utama di Bukit Kiara. Baru-baru ini, saya telah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tentang isu penjualan 365 ekar tanah utama di Bukit Kiara oleh DBKL kepada Kuala Lumpur Golf and Country Sdn. Bhd. kepada harga kos RM59J25 dan lebih daripada 270 ekar kepada Bukit Kiara Equestrian Club yang dimiliki oleh Tan Sri Vincent Tan pada harga RM39,000 sahaja seekar. Kedua-dua bidang tanah tersebut telah pun dijual oleh Kerajaan pada harga yang amat rendah kepada sebuah syarikat asing dan sebuah syarikat yang dikuasai oleh Tan Sri Vincent Tan yang amat rapat dengan kepimpinan Barisan Nasional.

Adalah diketahui bahawa ramai Menteri dan pegawai tertinggi Kerajaan adalah ahli kelab Tan Sri Vincent Tan. Sama ada mereka memperolehi keahlian mereka dengan percuma atau sebaliknya, hanya mereka dan Tuhan sahaja yang tahu.

Seorang Ahli DAP: Jawab, jawab.

Tuan Wee Choo Keong: Adalah amat kesal sekali bahawa tidak ada seorang Menteri pun termasuk Menteri Kewangan yang saya amat hormati mahu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh saya ke atas penjualan tanah tersebut. Mereka memilih untuk mencari perlindungan di belakang Timbalan Tuan Yang di-Pertua supaya *tidak* ada soalan selanjutnya yang boleh dibangkitkan. Adalah amat malang sekali bahawa Timbalan Tuan Yang di-Pertua membenarkan dirinya dipergunakan oleh Menteri menteri yang tidak bertanggungjawab. Adalah

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perkara ini tidak boleh disentuh.

Tuan Wee Choo Keong: Apa?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perkara ini dalam perbahasan Jawatankuasa. Kerusi Tuan yang di-Pertua tidak ada kena-mengena dengan perbahasan ini.

Tuan Wee Choo Keong: Timbalan itu ialah pemimpin MCAIah, saya tukar. Adalah hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa tanah di Bukit Kiara tersebut bernilai dalam lingkungan RM 1,000,000 seekar. Bagaimanakah Kerajaan boleh menjual 275 ekar tanah tersebut kepada Tan Sri Vincent Tan pada harga RM39,000 seekar dan 365 ekar lagi kepada harga kos, seekar RM59,725 kepada sebuah syarikat dikawal oleh orang asing?

Sebelum kedua-dua penjualan ini, tiada laporan penilaian atau tender terbuka telah dibuat oleh Kerajaan. Bagaimanakah kepentingan negara boleh dilindungi apabila penjualan aset negara telah dilakukan dengan harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran dan dengan cara yang amat tidak berbentuk perniagaan. Terdapat orang yang telah pun menerima manfaat berjuta-juta ringgit daripada kedua-dua jualan murah terbesar abad ini. Negara ini telah mengalami kerugian beratus-ratus juta ringgit kerana ketamakan segelintir orang yang diamanahkan dengan tugas untuk menjaga harta negara telah bertindak dengan sikap yang amat tidak bertanggungjawab. Jika ini bukanlah amalan rasuah, maka tidak ada nama lain yang dapat diberikan. (*Tepuk*)

Memandangkan faktor faktor yang jelas ini, bagaimanakah kita sebagai Wakil Rakyat yang diikat oleh ikrar tugas

kita untuk melindungi kepentingan negara tanpa mengira keahlian parti sanggup bersikap "ada mata enggan melihat, ada telinga enggan mendengar dan ada hati yang tidak berkesedaran". Kita masih dengan bangga berada dalam Dewan yang mulia ini memanggil diri sebagai Yang Berhormat (*Tepuk*) dan dengan mem-babi-butu menyokong tindakan "merogol" tanah negara kita oleh peniaga yang tidak mencintai negara (*Tepuk*) ataupun unpatriotic bersama dengan orang asing.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Saya gulung sedikit lagi. Kita semua harus meletakkan diri kita melampaui kepentingan parti masing-masing demi kepentingan negara dan menyeru Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja dengan segera untuk menyiasat kedua-dua skandal penjualan tanah tersebut yang merugikan negara dengan beratus-ratus juta ringgit dan pada masa yang sama membekukan dengan segera semua aktiviti-aktiviti syarikat kepunyaan orang asing itu iaitu Kuala Lumpur Golf and Country Club sementara menunggu hasil siasatan Suruhanjaya Diraja. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lumar.

3A7 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lumar): Terima kasih, Tuan Yang Di-pertua. Saya ingin membuat beberapa pertanyaan di bawah Maksud Bekalan 1 - Setiausaha Parlimen Malaysia. Saya ingin bercakap di bawah Butiran 010100 - Pentadbiran.

Saya ingin bertanya iaitu bilakah agaknya pihak Parlimen akan menggubalkan satu peraturan yang baru untuk menggantikan atau meminda Peraturan Mesyuarat yang sedang digunakan pada masa sekarang? Berlatarbelakangkan apa yang telah berlaku selama ini di Dewan yang mulia ini, yang mana selalu berlakunya tidak kesopanan dan kebiadaban yang berlaku di sini dan nampaknya ada juga kadangkala Tuan Yang Di-pertua sendiri....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (**Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin**): Yang Berhormat, Bayan Baru minta jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Batang Lumar sama ada Yang terhormat setuju atau tidak, peraturan yang ada sekarang, sama ada dipinda atau tidak, dia tidak akan membawa kcsan dan makna sekiranya peraturan ini tidak diikuti dengan sepenuhnya terutama mereka yang mempengerusikan atau mengawalseliakan Majlis Mesyuarat mana-mana Majlis Mesyuarat. Kalau dipinda, tidak dipindakah, kalau ia tidak diikut cara yang adil, cara yang betul, cara yang berdemokratik, tidak guna dipinda! Ini pandangannya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah di atas soalan Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi. Saya memang setuju. Kalau Bayan Baru sentiasa buat macam itu, buat pindaan sekalipun kita tidak guna - saya setuju itu. Jadi, yang saya kata di sini pemindaan supaya dibcri kuasa kepada pihak Yang di-Pertua agar kalau ada pcrangai yang tidak sopan, tidak santun, kita boleh angkat dia kluar terus kalau tidak dengan cara diminta, mungkin dengan cara

kekerasan yang berpatutan pun boleh dibuat. Jadi, ini salah satu cadangan mungkin boleh dibuatkan supaya Dewan ini boleh dihormati sedikit oleh Ahli-ahli Dewan terutama sekali kalau masa perbincangan, kita berlagak sebagai di padang football, di padang sukan yang tidak baik. Saya sudah pernah tengok daripada pertengahan tahun lepas. Saya tengok dah. Jadi, bukan daripada sini. Daripada Yang Berhormat sendiri yang buat. Kalau Yang Berhormat tidak buat itu, tidak apalah tetapi rakan-rakan yang Berhormat bersorak macam penyokong pemain football di Amerika. Inilah soalan-soalan yang berbangkit. Jadi, saya fikir kalau kita mempunyai fikiran yang waras, saya tidak ada jadi suatu masalah. Kita menggubalkan satu peraturan yang baru supaya kekerasan yang boleh dibuat untuk "mengangkat" mana-mana Ahli, tidak kira siapa, termasuk Ahli-ahli Parlimen daripada Kerajaan kalau berlaku perkara-perkara yang kita tidak berkesopanan. Tetapi saya fikir tidak akan berlaku kepada kami melainkan bagi mempertahankan kewibawaan keunggulan Dewan ini sendiri.

Jadi, saya ingin bertanya sama ada kita menggubalkan satu peraturan baru untuk mengatasi masalah sebagaimana yang telah kita pandang dan berlaku di Dewan ini selama setahun hingga sekarang belum lagi dapat diatasi bahkan Tuan Pengerusi sendiri pernah diperkecil-kecilkan, apa perkataan dan arahan tidak didengar ataupun tidak diambilkira. Jadi, bagi saya sendiri, insya-Allah, walaupun ada dengan peraturan sebegini, kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, saya akan duduk. Tetapi yang masalahnya orang yang dipanggil duduk tetapi tidak mahu duduk itu. Jadi, itu yang pertama soalan saya.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Jelutong minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, adakah rakan saya dari Batang Lapar.... (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Batang Lupar bukan Batang Lapar.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, Lupar. Ya ada perbezaan. (*Ketawa*) Adakah beliau sedar tugas Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini adalah untuk jadi orang tengah, orang yang tidak mengambil kira jikalau seseorang Menteri, khasnya contoh yang saya telah berikan. Baru-baru ini, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos - tiga kali, Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini, ada menggunakan perkataan "babi". Itu ada dalam *Hansard*. Terus terang ada di sana. Adakah Tuan Yang di-Pertua bertanggungjawab untuk mempertahankan peraturan-peraturan dalam Dewan ini untuk mengambil tindakan ke atas dia (*Tepuk*) oleh kerana dia ada langgar peraturan-peraturan. Dia keluar dari Dewan ini dan pergi ke luar untuk berlawan. "Parliamentary gangsterism" dalam Dewan ini. Adakah itu dipertahankan oleh kerusi, (*Tepuk*) Tuan Pengerusi dalam Dewan ini?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ingat Yang Berhormat dari Jelutong sudah habis cakap. Jadi, insya-Allah, saya akan jawab soalan itu. Jadi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, saya memang bersetuju. Peraturan dibuat dan digubalkan untuk mengatasi soalan-soalan apa sahaja yang membangkitkan yang tidak ada kesopanan, tidak baik atau tidak mendatangkan atau menurunkan maruah dan kedudukan Dewan yang mulia ini.

Jadi, soalnya Tuan Pengerusi itu bukan macam saya. Kalau macam saya, bolehlah saya turun dan angkat dia keluar. Siapa sahaja, termasuk Yang Berhormat dari Jelutonglah boleh saya angkat keluar kalau dia tak dengar cerita. Inilah soalan yang kuasa masih diberi dahulu di bawah undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang tertentu. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat dari Jelutong bersetuju dengan soalan saya ini supaya pada mesyuarat yang akan datang, dengan undang-undang yang ada, kita boleh mengatasi masalah, termasuk macam mana perangai-perangai pihak DAP yang telah berlaku beberapa persidangan yang lalu. Itu soalan yang penting ini, bukan soalan yang Menteri itu cakap macam itu - semua sekali. Siapa yang mempunyai perbuatan tidak baik, kita boleh mengatasi dengan menggunakan peraturan yang ada dan kita bakal akan menggubalkan. Itu pertanyaan saya tadi. Sekarang sudah pindah ke tempat lain kerana masa ini panjang sangat.

Ini soalan yang kedua yang saya ingin bangkitkan.

Di dalam Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara kita, saya memang memuji penerapan itu memang banyak dibuat di sana sini tetapi tidaklah dengan serta-merta dengan begitu semua perubahan yang kita hendak buat. Memang ada kelambatannya yang berpatutan. Jadi, soalan saya ini mungkin nampak kecil tetapi dipandang dari segi halusnya tidak begitu kecil. Umpamanya, adakah rancangan pembangunan Dewan Parlimen ini, kita hendak binakan saluran paip air - tempat orang yang hendak kencinglah atau tempat semua ada saluran air supaya senang kita, tidak payah kita buka, keluar daripada sini pergi ke sebelah sana hendak membasuh. Hendak cuci tangan ataupun hendak cuci apa benda. Jadi, saya berharaplah cadangan ini begitu serius agar saluran

paip diadakan di mana-mana tempat yang kita boleh, minta maaf, maknanya "where we ease ourselves" supaya tidak payah terbuka, kita hendak menyeberang ke sebelah lagi, barulah kita boleh menyucikan diri. Itu soalan yang kedua.

Ingin saya berpindah ke tajuk lain, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya bukan hendak cerita panjang sangat tetapi membukakan satu soalan yang tertentu sahaja. Sebelum saya berpindah daripada soalan Parlimen tadi, saya ingin juga bagi rakan-rakan yang lain, mengucapkan terima kasih kerana ada naik sedikit elau Ahli Parlimen. Adalah sedikit yang kita boleh menggunakan, dapat juga memanfaatkan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Dan Ahli Parlimen dari Sarawak, saya memang ada lebih sedikit mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang mana telah meluluskan satu rancangan untuk menukarkan peruntukan untuk perhotelan, penginapan ataupun in lieu of penggunaan untuk travelling ke Sarawak pada hujung minggu. Ini telah juga diluluskan. Saya mengucapkan terima kasih, bagi Ahli Parlimen daripada Sarawak dan Sabah.

Sekarang saya berpindah kepada maksud B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya. Ini tidak boleh dinafikan. Saya mengucapkan berjuta-tahniah kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya yang mana telah mengendalikan pilihanraya yang begitu baik semenjak 1990, sebagaimana yang saya sendiri dahulu sebab itu saya tidak payah sebutlah. Masa Pilihanraya 1990 dan pilihanraya yang berikut pula, tahun 1991 di Sarawak, Jadi, pengendalian ini adalah cekap dan cukup baik dan cukup teratur bahkan masa pilihanraya saya, ada pelawat-pelawat daripada luar negeri (observers) telah melihat sendiri macam mana kita

mengendalikan pilihanraya kita dan mengatakan tidak ada lagi benda yang boleh dikatakan atau dikomplen atas pengendalian pilihanraya tersebut.

Ada satu lagi perkara yang ingin saya bawa ke tengah sini ialah berhubung dengan pendaftaran baru pengundi-pengundi. Baru pun, saya ingat baru habis tarikh pendaftaran pengundi-pengundi baru tetapi pendaftaran pengundi baru ini adalah dikendalikan oleh pihak Suruhanjaya menerusi Majlis-majlis Daerah, Majlis Daerah Kecil, terutama sekali di luar bandar. Jadi, di kalangan masyarakat yang telah menerima hakikatnya tentang kepentingan untuk mendaftar diri dan menggunakan hak-hak mereka sebagai pemilih yang berdaftar mungkin mereka ini datang sendiri ke pejabat-pejabat tertentu untuk mendaftar diri mereka sendiri. Tetapi di tempat-tempat kawasan luar bandar, terutamanya, banyaklah pengundi-pengundi yang sudah layak mengundi tidak mendaftar kerana kalau mereka hendak turun daripada rumah-rumah, daripada kampung-kampung, daripada rumah panjang, di pedalaman pergi ke pejabat, mungkin kalau di Sarawak, ada kalanya daripada rumah panjang dan rumah panjang yang terpencil, memakan ataupun membuang masa selama satu hari ataupun dua hari, barulah sampai ke Pejabat Daerah Kecil untuk mendaftar sendiri.

Dengan sendiri, exercise untuk mendaftar pengundi-pengundi di luar bandar ini menjumpai perjalanan buntu dan tidak mendapat penerimaan daripada masyarakat di luar bandar. Bukan masyarakat yang tidak ingin menerima tetapi kalau sehari ataupun dua hari, mereka tidak menjalankan perladangan ataupun kebun mereka, kemungkinan ini menjadi satu kerugian kepada mereka. Jadi, pertanyaan saya kepada pihak Suruhanjaya, adakah merangkakan satu tindakan ataupun program untuk

mendaftar pengundi-pengundi yang layak didaftar, terutama sekali di luar bandar. Agar sebahagian besar masyarakat di luar bandar boleh memainkan peranan dan boleh mengundi dan boleh mendaftar sebagai pengundi dan menggunakan hak-hak mereka bila masa pilihanraya diadakan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat).

Jadi, saya berharaplah jawapan yang tertentu dan tindakan yang wajar diambil supaya mereka ini tidak akan terbelakang daripada menggunakan hak-hak mereka yang tertentu.

Jadi, saya berpindah juga kepada Maksud Bekalan 5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya harap Tuan Pengerusi, percakapan saya ini tidak sama sekali menunjukkan soalan kedaerahan tetapi adalah juga saya ingin ketengahkan di sini soalan, kenapakah tidak ada pegawai-pegawai dari Sarawak yang boleh menduduki atau yang telah didudukkan untuk menduduki jawatan Ketua Setiausaha (KSU) di mana-mana Kementerian ataupun Jabatan-jabatan tinggi di Semenanjung Malaysia. Kalau ada masalah, adakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang tertentu agar pegawai daripada Sarawak boleh menduduki tempat yang saya sebutkan tadi?

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada Maksud Bekalan 7 Jabatan Perdana Menteri iaitu dalam Butiran 010700 Biro Tatanegara. Dalam Biro Tatanegara ini saya ingin bertanya apakah rancangan Biro ini ataupun Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai patriotik, nilai-nilai kewarganegaraan dan cintakan negara yang telah dan akan dirancang oleh Biro ini supaya perasaan-perasaan yang tidak cintakan kepada negara, yang tidak taat kepada negara ini tidak berlaku di kalangan mereka ataupun tidak kenal apa yang perlu ditaat ataupun dihormati.

Umpamanya, kalau diadakan satu-satu upacara yang mana Lagu Kebangsaan negara ataupun lagu kebangsaan negeri dimainkan, masih ramai orang berkeliaran, orang berjalan, orang berbincang dan orang tidak menghormati lagu-lagu negara. Jadi, daripada sini sepatutnya kita memupukkan perasaan cinta kepada negara dengan menghormati lagu negara ini dahulu.

Jadi, dahulu pihak penjajah boleh mengajar anak-anak kita di zaman dahulu termasuk saya sendiri pada tahun 50-an dan awal tahun 60-an diajar menyanyi sebelum kemerdekaan 1963 di Sarawak. Kita diajar menyanyi God Save the Queen dan tiap-tiap kali lagu God Save the Queen itu dimainkan sama ada bermain ataupun berjalan di mana-mana, kita diajar oleh guru-guru pada ketika itu supaya berdiri tegak dan menghormati lagu God Save the Queen. Jadi,

Tuan Tan Kok Wai: Melebihi 15 minit.

Tuan Pengerusi: Ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis cerita hal ini. Jadi, saya berharaplah penghormatan kepada . . . dia takut dengar cerita taat kepada negara, dia sudah takut. Jadi, saya berharaplah dan saya tekankan di sini barang siapa yang membantah percakapan saya ini memang menunjukkan tidak taat. Jadi, saya berharaplah jangan membantah. Masa saya bercakap hal taat kepada negara, sudah ada orang membantah, cakap masa sudah habis. Jadi," saya berharaplah persoalan taat kepada negara, loyal to the King and Queen ini, mesti kita tunjukkan. Jadi, saya berharaplah tindakan yang wajar dibuat daripada menerusi sekolah-sekolah dan Biro ini merancang supaya orang-orang kita taat kepada negara dan rela

memperjuangkan negara-negara ini di mana-mana sahaja. Jadi, itulah penegasan saya dan saya berharap supaya dalam melaksanakan program Kerajaan agar perkara ini jangan dibiarkan begitu sahaja.

Sebagai penggulung, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di dalam Bekalan Butiran 020000 ini Unit Perancang Ekonomi, berapa banyakkah badan Kerajaan akan diprivatisekan ataupun diperbadankan pada tahun-tahun yang akan datang ataupun dalam masa rangka 5 tahun yang akan datang? Adakah Bintulu Port Authority ataupun Pelabuhan Bintulu akan juga diprivatisekan? Apakah rancangan supaya membawa orang-orang Sarawak terlibat sama di dalam rangka perbadanan Bintulu Port itu nanti?

Dengan itu, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Baram.

4.05 ptg.

Tuan Harrison Ngau Laing (Baram): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 45, Buku Belanjawan Persekutuan 1993 di bawah Maksud B. 11 Badan Pencegah Rasuah, di bawah Butiran 020000 sampai 060000 iaitu di bawah Program Pendakwaan, Penyiasatan, Pencegah, Latihan dan Perisikan - sekali gus.

Pada 8hb. November tahun ini, *The New Straits Times* melaporkan satu kenyataan yang telah dibuat oleh Director General Anti Corruption Agency kita, Tan Sri Zulkipli Mahmood di mana antara lain beliau mengatakan dan saya quote:

"ACA does not wait for report or directive to probe cases. We work independently and take not instruction from any sector to check on irregularities and corrupt practices."

Di sini saya ingin membangkitkan beberapa kes rasuah khususnya di kawasan saya di Baram. Saya minta pihak ACA dapat terus cepat dan serius menjalankan siasatan dan mengambil tindakan atas kes-kes ini. Walaupun pihak ACA tidak usah menunggu laporan atau directive untuk bertindak, biar saya membantu mereka melaporkan kes-kes ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali kes Koperasi Rakyat Apoh Berhad. Koperasi ini pada awal tahun 1983 telah diberi dan juga memegang 5% saham dalam sebuah syarikat iaitu Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. oleh Kementerian Perhutanan Negeri Sarawak. Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. pada masa itu telah diberi satu konsesi balak di kawasan hutan di Sungai Apoh, Baram. Setelah mendapati konsesi balak ini, syarikat tersebut melantik sebuah kompeni iaitu Merlin Timber Sdn. Bhd. sebagai kontraktornya dan kompeni inilah yang telah mengerjakan kawasan ataupun konsesi balak yang dilesenkan kepada Syarikat Sen Sen Sawmill bagi pihaknya. Dari segi operation atau overhead costs atau expenses untuk mengerjakan konsesi balak yang dilesenkan kepada Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. semuanya ditanggung oleh Syarikat Merlin Timber Sdn. Bhd. sebagai kontraktor. Ini bermakna Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. sebagai licensee, goyang kaki, tidur di rumah sahaja, tidak susah bekerja hanya check log production, sesudah itu menerima komisen daripada Syarikat Merlin Timber Sdn. Bhd. Konsesi balak ini telah pun dikerjakan oleh Merlin Timber Sdn. Bhd. lebih kurang 8 tahun. Sekarang syarikat kontraktor yang bekerja di kawasan konsesi balak yang sama adalah satu kontraktor yang lain yang baru iaitu Himpunan Hijau Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi, apa yang selalu ditanya dan yang ingin diketahui oleh ahli-ahli Koperasi Rakyat Apoh ialah dari masa mereka memegang 5% saham dalam Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. dari tahun 1983 sampai sekarang, koperasi mereka ini tidak ada menerima satu sen pun dividen. Meeting Board of Directors atau shareholders Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. pun, wakil mereka tidak dijemput atau diberitahu sekali. Apabila Syarikat Himpunan Hijau took over, dengan izin, kerja untuk membalak kawasan konsesi balak Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. selama ini Koperasi Rakyat Apoh juga tidak diberitahu apa-apa pun.

Tuan Pengerusi, sebenarnya ada juga satu koperasi, iaitu Koperasi Temalar Bhd. yang mempunyai 5% saham seperti Koperasi Rakyat Apoh Bhd. dalam Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. Lebih kurang 3 tahun yang lepas, Koperasi Temalar Bhd. telah menjual balik 5% saham mereka ini kepada Syarikat Sen Sen Sdn. Bhd. dan koperasi ini mendapat lebih \$400,000 daripada hasil jualan saham tersebut. Ahli-ahli Koperasi Rakyat Apoh Bhd. adalah penduduk 6 buah rumah panjang, iaitu Long Bumang, Long Wat, Long Atip, Long Bedian dan termasuk 2 buah rumah panjang saudara kita kaum Penan, iaitu Long Buang dan Long Belok.

Saya juga diberitahu Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. is in the process of being dissolved, dengan izin, dan ada beberapa ahli Board of Directors dan shareholders telah memegang permanent resident status di negara yang tertentu dan ada besar kemungkinan mereka ini akan pindah ke negara tersebut dan lari dari tanggungjawab mereka terhadap skandal saham Koperasi Rakyat Apoh ini. Oleh

itu, saya minta pihak ACA dapat mengambil tindakan yang cepat dan serius terhadap skandal ini seperti yang telah dikatakan oleh Director-Generalnya, iaitu "the agency does not wait for report or directive to probe cases. ACA works independently and takes no directive from any sector to check on irregularities or of corrupt practices."

Saya cadang pihak Bahagian Commercial Crime Polis Diraja Malaysia, Inland Revenue Department dan pihak Registrar of Companies Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian dan Jabatan Koperasi beri bantuan kepada ACA terhadap kes ini.

Saya memberi jaminan, saya sendiri sebagai Wakil Rakyat dari kawasan Baram serta Lembaga Pengarah dan ahli koperasi tersebut akan memberi kerjasama dan sokongan yang penuh kepada pihak ACA dalam perkara ini.

Kes yang kedua ialah kes lagi satu syarikat balak, iaitu Sarawak Plywood (Malaysia) Sdn. Bhd. yang telah diberi dua konsesi balak sejumlah tidak kurang 300,000 ekar di kawasan saya di Baram. Jika Ahli-ahli Dewan yang mulia ini datang melawat penduduk-penduduk di rumah-rumah panjang di kawasan saya di Baram, penduduk-penduduk di sana akan mengatakan Company Sarawak Plywood (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah company masyarakat kita orang Hulu, iaitu kaum Kayan, Kenyah, Kelabit dan Penan. Kami di Baram menganggap company Sarawak Plywood (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah company kepunyaan masyarakat orang Hulu oleh kerana semasa lesen kawasan ataupun konsesi balak yang berkenaan dipohon dahulu, semua ketua masyarakat di Baram diminta menandatangani satu permohonan itu. Ketua-ketua masyarakat

orang Hulu seperti Temenggong, Pemancar, Kaunselor, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung semasa itu diberitahu lesen balak ini nanti adalah untuk semua penduduk-penduduk di kawasan Baram. Tetapi selepas itu apa yang terjadi, saya ingin merujuk kepada satu affidavit, Encik Jok Jau Evong dalam satu kes: Jok Jau Evong, Ding Lawai dan Aban Mering Jok dari Uma Bawang, Baram versus Marabong Lumber Sdn. Bhd., Sarawak Plywood (M) Sdn. Bhd. dan Government of the State of Sarawak di Mahkamah Tinggi Borneo di Kuching, kes No. 256 Tahun 1988 dan kepada rekod dalam fail Registrar of Companies yang dirujuk dalam affidavit Encik Jok Jau Evong. Di sini saya ingin baca beberapa paragraph affidavit dan rekod Registrar of Companies yang dirujuk dalam affidavit berkenaan untuk makluman

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jika perkara itu masih dalam perbicaraan

Tuan Harrison Ngau Laing: Sudah selesai!

Tuan Pengerusi: Sudah selesai!

Tuan Harrison Ngau Laing: Ya. Dirujuk dalam affidavit berkenaan untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan khususnya pihak ACA.

Paragraph yang kedua affidavit tersebut mengatakan seperti ini:

"I refer to paragraph 4 of the said Supplementary Affidavit and state that between 1974 and 1985 a major shareholder of the 2nd Defendant (Sarawak Plywood (M) Sdn. Bhd.) was Sejati Sdn. Bhd.

Sejati Sdn. Bhd. is a company controlled by Datuk Harris bin Mohd. Salleh, the former Chief Minister of the State of Sabah, through Datin Rupiah binti Bachee Khan who is the wife of Datuk Harris.

In 1985, Sejati Sdn. Bhd. sold its 2,362,498 shares in the 2nd Defendant, i.e. Sarawak Plywood (M) Sdn. Bhd. to Jakarta Sdn. Bhd. for RM1.00. Jakarta Sdn. Bhd. is controlled by Puan Aishah Zainab Mahmud".

Paragraph ke-10:

"The above very clearly shows that the said licence was issued because of the 2nd Defendant, i.e. Sarawak Plywood (M) Sdn. Bhd.'s, close links, at all material times, with key political leaders.

I again refer to paragraph 4 of the said Supplementary Affidavit, specifically to the Defendant's statement that the 3rd Defendant was satisfied with the 2nd Defendant's capital and financial arrangement.

The 2nd Defendant had accumulated loss of \$14,348,076 as the 31st December 1978, accumulated loss of \$6,374,018 as at 30th September 1979 and further accumulated loss of \$1,352,875 as at 31st December 1980. Copies of the relevant financial accounts obtained from the Registrar of Companies are annexed herewith in a bundle and marked as "JJE-11".

The above shows that the 2nd Defendant was in financial difficulties at the time that it obtained the said licence".

Paragraph 14 (a):

"Further, the 2nd Defendant did not carry out most of the logging operations by itself. It contracted its operations to various timber contractors - e.g. Interhill Sdn. Bhd., Syarikat Liku Sdn. Bhd., Tinjar Bersatu Sdn. Bhd., Lemitting Industries Sdn. Bhd., Rimbunan Hijau Sdn. Bhd., and Marabong Lumber Sdn. Bhd.

This also shows that the 2nd Defendant was not generating much employment out of its own activities.

The 2nd Defendant also retrenched a large number of its bumiputera employees in 1983, 1985 and 1988."

Tuan Pengerusi, walaupun dalam kes ini pihak plaintif tidak berjaya atas sebab teknikal di bawah Limitation Act, tetapi fakta-fakta dalam affidavit dan rekod Registrar of Companies ini lebih jelas untuk pihak ACA bertindak ataupun menjalankan siasatan. Oleh sebab penipuan yang telah dilakukan, rakyat Malaysia di kawasan saya, Baram tidak dapat menerima apa-apa hasil dari sumber-sumber hutan dalam konsesi atau kawasan hutan tersebut. Nama baik dan maruah pemimpin dan ketua masyarakat orang Hulu, khususnya di kawasan Baram telah jatuh dan tercemar oleh sebab kes ini.

Kami masih ingat pada masa pilihanraya yang lepas, Kerajaan kita sekarang Barisan Nasional berjanji dalam manifesto yang bertajuk "Cita-cita Barisan Nasional" dan saya quote:

"Sarawak adalah didiami oleh masyarakat berbilang kaum terdiri daripada banyak kumpulan etnik. Adalah menjadi dasar dan amalan

Kerajaan Barisan Nasional untuk mempertahankan hak-hak dan kepentingan minoriti etnik kita bagi memastikan mereka di bawa ke dalam kegiatan-kegiatan penting Kerajaan disertai sepenuhnya untuk faedah mereka sendiri."

Saya minta kepada pihak ACA supaya menyiasat perkara ini, sebab kami sudah tertipu oleh pihak yang tertentu ini.

Tuan Pengerusi, pada kes yang ketiga, saya ingin merujuk kepada laporan akhbar *The New Sunday Times* pada 12hb April, 1987 yang bertajuk "Who owns what in Sarawak: Names revealed in run-up to polls". Laporan ini mengatakan, I quote:

"The people of Sarawak are being given a glimpse of "who owns what" of the State's timber and mining wealth, as supporters of Chief Minister Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud and the former Yang Di pertua Negeri reveal one another's holdings.

The list of names in companies to which licences to leases on concessions have been awarded read like a *Who's Who in Sarawak*.

This emerged as campaigning for the Sarawak elections, scheduled for April 15 and 16, went into full gear.

This withdrawal of licences to 25 concessions just a day after an attempt was made to oust Datuk Taib, had given rise to speculation that the licences belonged to Tun Rahman and his associates.

On Wednesday, the Chief Minister defended his action, saying that it had been to prevent the "wealth of the State from being concentrated in the hands of a few individuals."

The next day, Tun Rahman revealed the names of companies and associates of Datuk Taib with timber concessions."

Tuan Pengerusi, oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak dapat membaca semua laporan mengenai kes-kes ini sampai habis. Walau bagaimanapun, saya percaya laporan ini jelas menunjukkan banyak instances of hanky-panky, dengan izin, dalam perkara iaitu pemberian lesen balak dan pengurusan sumber hutan kita dalam negara ini. Saya difahamkan pihak ACA telah menjalankan siasatan terhadap kes-kes ini. Oleh itu saya harap perkara mengenai siasatan ini dapat dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini untuk makluman kita semua. Siasatan terhadap kes-kes ini has a lot of bearing, dengan izin, not only for the ACA untuk menjalankan siasatan, tetapi juga dengan hasrat negara untuk memerangi the so-called kempen anti kayu tropika di luar negeri. Di Malaysia, kita sibuk menuduh satu pihak dengan satu pihak mensabotajkan ekonomi kita, tetapi the truth, the reality and the facts remain seperti yang dilaporkan dalam *The New Sunday Times* Editorial pada 12hb April, 1992 ini yang bertajuk "Of Penans, timber revenue and jobs" dan saya quote:

"Of course, it is morally wrong that we are destroying our forests and giving nothing to our country in return. A few men are enriching themselves beyond their wildest dreams as the expense of so many, including our future generations. But these men think to themselves: Why shouldn't when others are corrupt.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat baca apa itu?"

Tuan Harrison Ngau Laing: Laporan. Saya quote dari *New Sunday Times* dan saya teruskan:

"When corruption permeates all levels of our society, what future can we and our children hope for."

"Corruption has become a culture in our country so much so that the man in the street is no longer bothered by it. It is for journalists such as yourselves to highlight the seriousness of this disease and save our country from it."

"Our politicians have been ferocious when it comes to defending the logging industry against the environmentalists. This is to be expected as they are protecting the goose that lays the golden eggs. Surely you have realised that comments on how well our forests are being managed are seldom accompanied by pictures of a concession area before and after it has been logged?"

"According to the Malaysian Timber Industry Board, log exports by Sarawak in the first eight months of last year totalled 10,225,631 cubic metres worth RM2.02 billion."

"With that kind of money, it is not surprising that putting a brake on logging is a difficult task. But let us pray that Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama will have better luck in his latest attempt on behalf of the Federal Government to persuade the State Government to tighten conditions on the granting of timber concessions."

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Harrison Ngau Laing: Baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

4.21 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin menyentuh Parlimen iaitu di bawah Bekalan B. 1.

Tuan Pengerusi, mungkin inilah kali yang terakhir Parlimen di bawah Maksud Bekalan B. 1 oleh kerana kedaulatannya telah dilucutkan oleh Kerajaan (*Tepuk*) dan mungkin pada masa akan datang, peruntukan untuk Parlimen di bawah Maksud Bekalan B. 8 Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 010000, Aktiviti 010200 Mengurus dan Mentadbirkan Hal-hal berkaitan Dengan persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan syabas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Parlimen oleh kerana selama ini mereka telah memberi sumbangan yang cemerlang kepada Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun saya ingin menyentuh sedikit perkara yang harus diperingatkan atau diperbaiki oleh Parlimen ini.

Misalnya, soalan-soalan bagi jawab mulut yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini kadang-kadang tidak sempat dijawab oleh Menteri-menteri dan saya haraplah pegawai-pegawai boleh memberikan jawapan itu secara bertulis kepada kita, oleh kerana kita haruslah menggunakan maklumat itu untuk kita memberitahu apakah kejadian dalam perkara yang kita bangkit dalam soalan-soalan itu kepada rakyat kita. Misalnya, Tuan Pengerusi, Pertanyaan Mulut saya pada 21-10-92 dan juga pertanyaan Mulut pada 4-11-92 dan

5-11-92, sungguhpun tidak dapat dijawab secara mulut dalam Dewan tetapi sehingga hari ini saya tidak dapat satu naskah jawapan bertulis supaya saya boleh beritahu kepada pengundi-pengundi saya apa yang telah berlaku.

Juga, Tuan Pengerusi, satu pertanyaan saya pada 22-10-92 telah hilang, tetapi saya pun hingga ke hari ini tidak diberitahu sama ada pertanyaan saya itu telah ditolak atau sebaliknya. Saya tidak tahu. Saya berharaplah ini boleh diperbaiki dalam masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan Pertanyaan-pertanyaan Mulut juga. Tiap-tiap hari saya tidak faham bagaimana Aturan Urusan Mesyuarat disusun. Saya berharap mungkin Yang Berhormat Menteri apabila menggulung nanti boleh memberitahu kita bagaimana soalan itu diatur-susunan setiap hari oleh kerana kadang-kadang kita nampak selalu soalan kita tidak timbul dan selalu diletak di belakang.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap bilik ketua Pembangkang boleh dilengkapi dengan alat yang lebih moden. Misalnya, bilik Pembangkang masih tidak mempunyai mesin Fax. Juga bilik Ketua Pembangkang patut dibekalkan dengan komputer, mesin fotostat, mesin pendua dan sebagainya. Saya berharaplah perkara ini boleh diambil kira dan boleh dapat diatasi di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi iaitu saya bercadang di sini supaya setiap kali mesyuarat Parlimen bermula, lebih baik kita mengaturkan satu kursus untuk semua Ahli Parlimen yang baru. Oleh kerana nampaknya ada banyak Ahli-ahli Parlimen mungkin termasuk saya

mungkin tidak faham mengenai prosedur atau urusan dalam Parlimen ini. Sebagai Wakil Rakyat apabila mereka menjalankan tugas tetapi jika mereka tidak faham bagaimana hendak menjalankan tugas mereka, ini merupakan satu kerugian kepada negara kita.

Berkenaan dengan urusan Parlimen.

Tuan Haji Badruddin bin Amirulddin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Jerai bangun Yang Berhormat.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh diberi lebih masa, saya boleh layanlah.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Haji Badruddin bin Amirulddin: Sedikit sahaja.

Tuan Chian Heng Kai: Kalau boleh beri masa .. .

Tuan Pengerusi: Lazimnya tidak boleh.

Tuan Chian Heng Kai: Kalau tidak boleh, saya minta maaf. Lain kalilah.

Tuan Haji Badruddin bin Amirulddin: Lain kali? Ini saya baru punya pasal.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, satu perkara yang akhir berkenaan dengan Parlimen. Saya berharaplah ini Tuan Pengerusi sebagai Ketua Parlimen ini boleh menjemputlah RTM atau TV3 datang ke sini untuk siaran langsung mengenai Persidangan Parlimen, oleh kerana mungkin kali ini

yang akhirlah Tuan Pengerusi memegang sebagai Ketua Parlimen. (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, mungkin pihak Kerajaan memang tidak akan bersetujulah oleh kerana kalau RTM datang sini mungkin tidak elok kerana nampaknya kerusi di sana kosong-kosong (*sambil menunjuk ke arah meja hadapan*), semua kosong di depan ini. (*Ketawa*) Ini akan memalukan pihak Kerajaan. Tetapi walau bagaimanapun, saya berharap Tuan Pengerusi, tidak payahlah membela pihak Kerajaan sebab Tuan Pengerusi sebagai seorang yang adil.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Maksud B. 4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya, Butiran 010000.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya bagaimanakah Suruhanjaya Pilihanraya ini mempersempadankan kawasan-kawasan Parlimen ini. Oleh kerana mereka ada mencadangkan supaya kawasan-kawasan pilihanraya negeri Pulau Pinang ditambah kerusinya, tetapi kerusi Parlimen tidak ditambah. Saya ingin tahu bagaimana mereka menjalankan tugas mereka. Saya juga ingin bertanya, sebelum mereka memberi cadangan, adakah mereka berbincang dengan Kerajaan Negeri? Bolehkah mereka berbincang dengan semua parti termasuk parti Barisan Nasional dan semua parti-parti Pembangkang sebelum membuat cadangan?.

Tuan Pengerusi, seorang Ahli Parlimen telah menyentuh berkenaan dengan pendaftaran pengundi yang baru sahaja tamat. Di sini saya mahu menyebutkan bahawa sehingga hari ini nampaknya pendaftaran pengundi merupakan lebih sebagai satu halangan daripada menggalakkan mereka untuk pergi dan mendaftar. Selalunya apabila pengundi-

pengundi baru sampai ke tempat pendaftaran, mereka tidak mendapati seorang pegawai pun. Sungguhpun perkara ini saya telah bangkitkan melalui telefon menerusi kerani saya kepada pegawai yang menjaga perkara ini, mereka kata kerani ada. Tetapi sebenarnya tidak ada. Ini satu percanggahan yang susah untuk menentukan siapa yang bercakap betul dan siapa yang tidak. Di sini saya mencadangkan supaya menjalankan urusan pendaftaran pengundi sepanjang tahun; kedua, mendirikan sebuah pejabat dan beberapa tempat tetap untuk pendaftaran pengundi di setiap kawasan pilihanraya Parlimen; ketiga, pejabat dan tempat pendaftaran pengundi dibuka lapan jam sehari. Saya harap cadangan saya ini dapat diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, satu perkara berkenaan dengan Butiran 010200 - Operasi Pilihanraya. Selama ini sungguhpun dalam urusan pilihanraya ada beberapa bantahan, tetapi nampaknya bantahan-bantahan tidak dapat diperbaiki. Misalnya, di kawasan Parlimen saya iaitu kawasan Parlimen Bukit Mertajam, pada pilihanraya 1990, ada dua perkara yang saya hendak kemukakan. Perkara yang pertama, di sebuah sekolah bernama Sekolah Jalan Kebun Sirih, salah sebuah pusat mengundi. Apabila saya melawat pusat undi tersebut, saya lihat ada dua Election Agents mewakili Barisan Nasional yang duduk dalam bilik tersebut, Saya minta Presiding Officer, dengan izin, supaya salah seorang Election Agent dari Barisan Nasional itu keluar tetapi beliau enggan menerima aduan saya. Apabila saya melawat sekali lagi, orang tersebut masih ada di dalam. Saya pun tidak tahu mengapa perkara ini berlaku dan Presiding Officer itu tidak mahu melayan atau menerima aduan saya. Mungkin

beliau tidak faham dengan peraturan. Saya berharaplah supaya Suruhanjaya Pilihanraya sebelum menjalankan urusan pilihanraya, mengadakan kursus latihan yang lebih mendalam kepada semua pegawai-pegawai yang berkenaan.

Satu perkara lagi yang saya pernah bangkitkan di Dewan yang mulia ini iaitu keputusan pilihanraya. Misalnya, dalam satu tempat membuang undi, apabila Counting Agent saya, meminta laporan keputusan pilihanraya di tempat itu, Presiding Officer (KTM) enggan memberikannya. Perkara seperti ini macam manakah kita hendak komplek atau mengadu kerana perkara itu telah lewat dan mungkin keputusan telah diumumkan. Misalnya, bagaimana keadaannya kalau saya kalah dan kalau mungkin ada berlaku kecurangan. Maka saya berharap perkara ini diambil perhatian oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyentuh berkenaan dengan B. 7, Butiran 150000 - Biro Pengaduan Awam. Saya tidak faham apakah kuasa Biro Pengaduan Awam ini oleh kerana kadang-kadang ada aduan dan mereka kata mereka tidak ada hak untuk menyelesaikannya. Adakah Biro ini hanya untuk menyelesaikan perkara yang kecil-kecil sahaja? Perkara-perkara seperti kewarganegaraan, pasport dan lain-lain adalah sangat penting dan perkara-perkara yang penting ini mereka tidak ada hak untuk menyiasat dan di sini saya ada sepucuk surat daripada Biro Pengaduan Awam. Ada seorang telah menulis sepucuk surat meminta Biro menyiasat berkenaan dengan permohonan kewarganegaraan orang itu. Tetapi Biro Pengaduan Awam telah menjawab mengatakan Biro tersebut tidak ada hak untuk menyiasat perkara ini. Kalau ada perkara-perkara tertentu dan Biro ini tidak ada hak untuk menyiasat, maknanya itu adalah satu perkara yang tidak begitu

baik. Saya harap perkara yang saya bangkitkan itu dapat dijawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pagoh.

4.38 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 1, muka surat 23, Butiran 010000 - Urusan Parlimen dan juga Program serta Aktiviti 010100 - Pentadbiran Am dan 010200 - Mengurus dan Mentadbirkan Hal Ehwal Berkaitan Dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, Dewan Rakyat adalah satu tempat tinggi kedudukannya dan juga mertabatnya. Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah bertanggungjawab bagi menjaga keunggulan Dewan sepanjang masa. Rakyat sentiasa meletakkan pandangan yang tinggi kepada Dewan Rakyat. Sebarang kejadian dan perlakuan di Dewan ini menjadi perhatian dan penilaian serta ukuran rakyat kerana Ahli Dewan dipilih oleh rakyat. Kalau nama Dewan tercemar kerana perlakuan kita yang keterlaluan dan tidak berperaturan, semua Ahli Dewan akan turut terlibat. Adalah malang bagi mereka yang tidak berdosa menjadi mangsa keadaan dan perlakuan yang tidak mengikut peraturan. Dewan bukan tempat mencari publisiti semata-mata. Dewan adalah tempat mulia untuk perbincangan dan perbahasan secara sihat dan juga rasional.

Saya tertarik hati dengan cadangan rakan saya dari Padang Tetap. Yang Berhormat dari Padang Terap mencadangkan walaupun secara sinis iaitu supaya diadakan kandang bagi menenangkan keadaan khususnya apabila timbul keadaan yang memerlukan kawalan terhadap mana-mana Ahli Yang Berhormat yang sudah terlalu terikut

dengan perasaan. Mungkin sudah sampai masanya cadangan ini dipandang secara serius. Kalaupun perkataan "kandang" itu agak keterlaluan, tetapi ada tujuan dan motif yang baik dan jelas. Kandang boleh juga ditakrifkan sebagai sebuah bilik khas untuk bertenang. Selepas waktu bertenang, seseorang Ahli yang Berhormat boleh menyertai perbahasan seperti biasa. Kuasa penentu boleh diberikan kepada Yang di-Pertua Dewan dan tindakan ini adalah meliputi semua Ahli-ahli Dewan. Langkah ini tidak patut dianggap sebagai tindakan untuk memalukan. Sebaliknya jadikan dan anggaplah ia sebagai satu tindakan dan langkah wajar yang membantu memelihara keharmonian Dewan, sesuai dengan Dewan yang dihormati.

Tuan Pengerusi, memandangkan pentingnya kedudukan Dewan Rakyat ini, maka rakyat perlu dapat mengikuti seberapa luas perjalanan Dewan Rakyat, sesuai dengan Kerajaan yang bersifat "Kerajaan dari rakyat untuk rakyat". Oleh itu, persidangan Parlimen patutlah mendapat keutamaan dari segi liputan, baik di akhbar iaitu di media cetak, mahupun di media elektronik termasuk radio dan khususnya TV. Saya rasa keadaan pada masa ini masih perlukan banyak ruang lagi demi kepentingan rakyat.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai Parlimen juga saya ingin membuat syor supaya keadaan di dalam Kantin Parlimen perlu diupgradakan, dengan izin. Kantin di Parlimen bukan sahaja untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Parlimen dan seluruh kakitangannya, tetapi juga untuk pelawat luar dan dalam. Maka adalah sudah sampai masanya kalau Kantin ini diubah wajah, diperelokkan dan dicantikkan, terutama dari segi kebersihan, dari segi pakaian pekerja dan pelayan Kantin yang lebih seragam dan lebih baik dan juga dari segi kerusi meja

di kantin yang sekarang ini saya anggap sama tarafnya dengan keadaan kantin-kantin di sekolah. Sesuai dengan kedudukan dan imej kantin Parlimen, perkara ini saya pandang patutlah diambil perhatian secara serius.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi mengenai Parlimen, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kakitangan Parlimen yang sentiasa bekerja dengan penuh dedikasi, tidak kira waktu malam ataupun siang iaitu di waktu pejabat ataupun di luar waktu pejabat, lebih-lebih lagi kepada jurutulis-jurutulis yang mencatat perjalanan mesyuarat dan disunting untuk *Hansard*, dengan izin. Saya ingin mengesyorkan supaya kebajikan mereka ini diberi perhatian sewajarnya. Kerja lebih waktu untuk menyiapkan *Hansard*, dengan izin, patut diberi ganjaran dengan bayaran lebih masa yang berpatutan supaya kerja mereka mendapat insentif, galakan dan ganjaran yang setimpal dengan tanggungjawab yang diperlukan dan dilaksanakan setiap hari.

Dari segi Khutub-khanah pula di Parlimen ini, saya mengucapkan syabas, kerana telah ada inisiatif oleh pihak pentadbir untuk memaklumkan bahan-bahan yang ditambah dari satu masa ke satu masa untuk makluman, dan penggunaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya cadangkan supaya peruntukan lebih besar diadakan untuk keperluan Ahli-ahli dan saya juga berpendapat Perpustakaan di Parlimen ini kedudukannya perlu dikaji semula, sama ada tempat ini sesuai dan mudah untuk penggunaan Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang masa. Tidak mungkinkah Perpustakaan ini diletakkan di tingkat yang sama dengan kedudukan kedua-dua Dewan yang ada sekarang,

iaitu Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Tujuannya ialah supaya lebih mudah penggunaannya kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli-ahli Dewan Negara.

Mengenai telefon, Tuan Pengerusi, sekarang ini terdapat tiga telefon khas untuk penggunaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat jumlah yang ada ini iaitu tiga buah adalah tidak mencukupi, kerana keahlian Dewan semakin hari semakin bertambah. Dan kalau kita ambil dari segi ratio, satu telefon untuk penggunaan lebih kurang 60 orang. Keadan ini tidaklah munasabah. Saya cadangkan supaya jumlah ini ditambah lagi, bukan tiga, tetapi menjadi sekali ganda lagi sekurang-kurangnya, untuk penggunaan Ahli-ahli Dewan. Dan bukan itu sahaja, saya juga ingin mengesyorkan untuk kepentingan Ahli-ahli Dewan yang kita faham banyak mempunyai urusan-urusan bukan sahaja di masa mesyuarat, tetapi juga di luar waktu mesyuarat terutama dengan urusan tanggungjawab Ahli-Ahli Parlimen mengenai kawasan-kawasan yang mereka mewakili. Pada waktu sekarang ini, penggunaan telefon khas hanya bermula pada pukul 2.30 petang dan tamat pada pukul 6.30 petang. Saya cadangkan supaya waktu itu mestilah diawalkan, bukan 2.30, tetapi kita dibenarkan menggunakan telefon ini lebih awal, mungkin setengah jam lebih awal, sebab Ahli-ahli Dewan kebanyakannya, walaupun bukan 100% datang lebih awal, mungkin setengah jam lebih awal, tetapi mereka tidak dapat membuat apa-apa urusan kerana telefon yang digunakan tidak lagi dibuka, hanya pada pukul 2.30 petang dan seterusnya tamat pada pukul 6.30 petang. Jadi, saya minta dilonggarkan penggunaannya, dibuka

lebih awal dan ditutup lebih lewat sedikit dari waktu penggunaan sekarang.

Dan yang akhir, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai menara Parlimen yang ada sekarang. Menara Parlimen yang ada sekarang adalah untuk kegunaan Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan semua Ahli Dewan dan mencukupi bilik-bilik yang diperuntukkan kepada semua. Tetapi mengikut pandangan saya, penggunaan bilik-bilik ini setakat ini hanya lebih kurang 1% sahaja dan kebanyakan Ahli Dewan tidak menggunakan bilik-bilik ini. Jadi, kalau kita telah menyediakan bilik dengan peruntukan yang banyak, tetapi tidak setimpal dari segi penggunaannya, maka perbelanjaan itu akan menjadi sia-sia, jadi membazir. Maka perlulah satu kajian semula supaya menara Parlimen dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh Ahli-ahli Dewan. Saya ingin mencadangkan supaya Tuan Pengerusi sendiri mengkaji semula dari segi penggunaan menara Parlimen ini, sama ada ia sesuai untuk digunakan bagi bilik-bilik Ahli-ahli Yang Berhormat atau sebaliknya digunakan mungkin untuk penginapan Ahli-ahli Parlimen sendiri yang kebanyakannya tinggal di hotel-hotel yang terpaksa membayar lebih. Kalau ini boleh difikirkan, ini juga boleh membantu Ahli-ahli Parlimen yang bersidang dan dapat menggunakan tempat ini dengan cara yang lebih ekonomi di bilik-bilik ini. Juga mungkin boleh difikirkan untuk tujuan bilik-bilik rujukan, untuk restoran atau tempat-tempat makan yang lebih selesa dan lain-lain penggunaan.

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang ingin saya sampaikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pengkalan Chepa.

4.48 *ptg.*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 1 muka surat 23. Butiran 010000 Urusan Parlimen, Program 010200 yang peruntukannya berjumlah \$15,191,700.

Walaupun acapkali disebut pada masa-masa yang lepas, tetapi hari ini sekali lagi saya ingin membangkitkan di sini, pertamanya mengenai masalah soalan-soalan sidang Dewan yang dibangkitkan oleh Wakil Bukit Mertajam sebentar tadi, kerana soalan-soalan yang dikemukakan ini banyak tidak memuaskan hati orang yang berkenaan seperti yang telah dibangkitkan oleh Wakil Bukit Mertajam.

Kalau kita tengok dalam buku yang disenaraikan itu, soalan nombor 1 ataupun soalan nombor 5, tetapi bila hari bersidang menjadi nombor 20, menjadi nombor 30, apakah sebab keadaan seperti ini berlaku, mungkinlah ada sesuatu usaha dari luar.

Yang kedua, kadang-kadang satu orang itu hari-hari soalnya keluar. Tetapi satu orang itu sebulan tidak keluar, dua bulan tidak keluar lagi. Soalan yang dihantarkannya sama banyak, sama mustahak. Saya harap perkara seperti ini tidak berlaku dan tidak payahlah Wakil-wakil Rakyat campur tangan untuk mengganggu dan mencari kepuasan diri, sedangkan soalan siapa pun bila dibentang di sini masing-masing boleh mendapat perhatian, boleh mendapat pertimbangan dan sebagainya, yang perlunya apa yang dikemukakan itu memberi manfaat, memberi faedah walau daii maria pihak. Tetapi apa yang berlaku, betullah seperti apa yang saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, masalah jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Saya sendiri begitu tidak puas hati dengan jawapan-jawapan yang diberi oleh pihak Kerajaan, kadang-kadang lain ditanya, lain dijawab. Kadang-kadang tidak dijawab langsung apa yang dibangkitkan. Dan selalunya mereka bukan menjawab soalan, tetapi membaca jawapan. Ini terbukti bila kita lihat nampak pihak Kerajaan yang bertanggungjawab memberi jawapan itu tidak mampu dan tidak munasabah duduk di kerusi untuk menghadapi Pembangkang. Dan ada juga, saya mengucapkan terima kasihlah pihak yang berkenaan itu bersedia dan boleh memberi jawapan, kalau tidak bertulis, kalau tidak apapun, mereka mampu. Tetapi yang susahnyanya, tulis pun tidak mampu lagi. Dia tidak menjawab soalan, dia baca jawapan. Sebab itulah bila orang soal perkara yang lain, dia tidak tahu, macam manakah parti Kerajaan boleh melantik, boleh meletak orang semacam ini untuk menghadapi Pembangkang, seolah-olah Pembangkang ini tidak tahu menilai, tidak ada bahan, tidak ada hujah untuk menegur dan mengkritik Kerajaan. Tuan Pengerusi, saya harap perkara seperti ini tidak berlaku.

Yang ketiganya, hari ini jelas, Dewan yang mulia ini sekarang telah bertukar menjadi gelanggang gusti ataupun gelanggang tinju. Sampai Menteri boleh bertempuk, boleh melaung, keluar tepuk dada mengajak bertumbuk. Sudahlah mengeluarkan kata-kata kesat sebagaimana Tuan Pengerusi sendiri selalu menegur dan melarang tiap-tiap perkataan, apa yang disebut unparliamentary dan sebagainya tetapi Menteri mencontohi kepada penyokong-penyokong Kerajaan supaya boleh melakukan, tetapi yang susahnyanya bila pihak Pembangkang mengeluarkan kata-kata yang lebih kurang, pihak Kerajaan

tidak boleh membiar diri, seperti saya dua, tiga hari baru-baru ini, saya terkejut, saya pun hendak dihukum, hendak digantung, sebab sepatah perkataan yang dia tidak faham. Dia kata, saya kata: "Puak-puak ini tidak mahu Al-Quran". Dua hari bangun mencadangkan untuk bawa Usul hendak gantung saya. Saya datang ke sini bukan membawa nafsu, bukan membawa perasaan, tetapi bawa hati, bawa mata, bawa fikiran untuk menilai sesuatu. Dan saya mengaku apa yang saya kata kena dalam *Hansard* ada, tetapi saya kata itu setelah saya....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta maaflah, saya jelas dahulu. Dan jenis inilah yang selalu menggagunya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tarik balik!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya ingin menjelaskan, saya sebut perkataan itu kerana dua alasan. Pertama, Menteri Kewangan tidak mahu memberi jalan kepada saya. Dan satu masa dia beri ruang, saya cuba hendak minta penjelasan, mengemukakan pertanyaan. Tetapi bila saya baca ayat Al-Quran, mereka tepuk buat *Bool* Macam mana, lalu saya kata: "Puak-puak ini tidak mahu Al-Quran." Sebab itu saya sudah mengatakan, bila orang baca Al-Quran tolong dengar dan pasang telinga, mudah-mudahan kamu mendapat rahmat. Tetapi orang baca Al-Quran, *dia Bool* dia sorok, ini bukti dia tidak mahu Al-Quran. Begitu juga kita nampak jelas, kalau mahu Al-Quran, tentulah Wakil-wakil perempuan dalam Dewan ini yang mewakili UMNO

pakai telekung, pakai tutup aurat, sebab Quran kata haram buka aurat, tetapi dia boleh dedah aurat, ini bukti tidak mahu Al-Quran, ini yang berlakunya.

Saya tidak hendak menyentuh perkara yang bukan-bukan dan bukan hendak memburuk, hak yang baik - baiklah, seperti sahabat saya dari Pagoh tadi. Saya hormat, bercakap pun baik, cara pun baik, tetapi boleh tengok hari ini, contoh "bapa borek anak rintik". Mana "Kepimpinan Melalui Teladan"?

Tuan Pengerusi, lebih-lebih lagi tengok hari ini, akhir-akhir hari ini Menteri tidak masuk Dewan, Timbalan Menteri tidak masuk Dewan, kita melaung Wawasan 2020 untuk melahirkan kerja yang cemerlang dan sikap yang berkualiti. Apakah cemerlang macam ini, kalau mesyuarat macam ini, buat Dewan di rumah pun tidak mengapa, hantar borang dan isi. Hantar borang dan isi - setuju atau tidak bersetuju? "Bersetuju". Saya kalau tidak ada dalam ini, saya balik, saya tidak duduk. Tetapi pihak Kerajaan bukan balik, pergi duduk bersebang, duduk berborak di kantin dan di lobby, semua sekali. Bunyi loceng hendak mengundi baru penuh. Kalau ada Menteri tiga orang, tiga masuk, mereka boleh berganda tiga, boleh masuk lagi. Bukan itu tujuan Dewan ini. jadi, saya harap benda-benda semacam ini tidak harus berlaku.

Tuan Pengerusi, begitu juga urusan dan laporan mesyuarat sidang Dewan dan gambar-gambar Ahli....

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Arau bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta maaf Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (6). Mengeluarkan sangkaan jahat kepada Menteri wanita yang tidak pakai tudung, yang kononnya mereka menolak Al-Quran kerana tidak pakai tudung. Point of order, menuduh bahawa orang yang tidak pakai tudung itu menolak Al-Quran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, inilah contoh yang dia tidak faham.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, benda ini benda sensitif, tidak patut.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, itu ucapan saya.

Tuan Pengerusi, satu lagi urusan . . .

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, biarlah!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, apakah boleh dia menghukum bahawa Menteri wanita yang tidak pakai tudung menolak Al-Quran?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak hukum dan saya tidak menuduh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Hukumlah tadi, sebab Pak Nik kata menolak Al-Quran.

Tuan Pengerusi, perkara ini sensitif, ini telah kali yang kedua. Kali yang pertama menuduh puak-puak ini, orang-orang UMNO menolak Al-Quran. Yang

keduanya, Menteri wanita yang tidak pakai tudung termasuk Timbalan Menteri menolak Al-Quran kerana tidak pakai tudung.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya bercakap mengikut Islam, tidak pakai tudung ini haram. Haram itu hukum Islam. Kita orang Islam, kalau kita patuh, apa lagi hendak ditentang? Tidak jelas lagi benda macam itu, saya tidak kata kepada sesiapa.

Tuan Pengerusi: Biarlah, biarlah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cukuplah, janganlah pusing-pusing.

Tuan Pengerusi, satu lagi, urusan dan laporan mesyuarat sidang Dewan dan gambar-gambar Ahli tidak ada tempat dalam TV. Tetapi laporan Perhimpunan Agung UMNO disiarkan terus-menerus, juga gambar-gambar kartun, hari-hari disiarkan secara program. Ini terbukti bahawa harga kartun lebih mahal daripada Wakil Rakyat termasuk Menteri sendiri dan laporan parti UMNO lebih berhak mendapat tempat di dalam TV.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada muka surat 32 Maksud B. 7 Butiran 050000 Bahagian Hal Ehwal Islam yang diperuntukkan sebanyak \$73,753,500. Dalam buku Program Hal Ehwal Islam muka surat 47 ada menyebut beberapa aktiviti dari Urusetia A dan B, dan saya amat tertarik dengan aktiviti-aktiviti yang tersebut.

Tuan Pengerusi, tetapi malangnya saya nampak dan saya lihat usaha Kerajaan gagal.

Yang saya dapat bukti, contohnya banyak. Walaupun dalam buku Program

dan Prestasi itu baik dan saya memang akui kalau dapat dilaksanakan semua program-program itu, insya-Allah, kita akan berjaya dan kita akan dapat melihatnya. Tetapi oleh kerana apa yang berlaku pada hari ini ialah malang dan dukacita, ia tidak seperti apa yang dikehendaki dalam buku Prestasi itu. Banyak perkara-perkara yang bercanggah terutama sekali dalam usaha mentarbiah dakwah pendidikan. Saya tidak tahu kepada siapa yang Kerajaan tuju dalam usaha dakwahnya dan dalam usaha kefahaman Islam. Sebab hari ini, kalau kita hendak melaksanakan usaha kefahaman Islam untuk rakyat, untuk orang bawah, tetapi sedangkan kita sendiri tidak mengambil tanggungjawab itu dengan banyaknya contoh yang berlaku, maka tidak ada erti.

Saya sudah berapa kali sebut dalam Parlimen ini, sebagai contoh, sebagai bayangan, terutama sekali dalam pendidikan Islam. Saya harap kalau ada peruntukan, kalau termasuk diri saya tidak apa, biar ada kursus kefahaman Islam kepada wakil-wakil rakyat. Biar dia sendiri faham Islam, biar dia sendiri sanggup, biar dia sendiri terima, lepas itu dicontohkan kepada masyarakat. Misalnya, kaum wanita, hak yang diberi peluang oleh Islam itu bukan untuk memegang jawatan dan bukan untuk jadi pemimpin, tetapi untuk menjadi ibu mithali ataupun untuk menjadi ummahat-al-mukminin. Bukan untuk sesuatu jawatan. Kalau jawatan ini tidak perlu, tetapi bila kita tidak dapat mencontohi dan tidak dapat membuktikan sebagai ibu mithali, ataupun ummahat-al-mukminin, maka tidak ada erti seluruh aktiviti dan kegiatan kita. Inilah apa yang saya dapat tegur kepada pihak Kerajaan, tetapi pihak Kerajaan tidak boleh ditegur. Bila tegur sedikit, melenting - seperti saya dengan

menteri Kewangan baru-baru ini.

Dia serang alim ulama jumud atau tidak jumud, tetapi bila saya pukul balik dia melenting. Jadi, jangan kata saya melenting. Inilah yang jadi masalahnya. Saya tidak pernah tegur, tidak pernah kritik, lebih-lebih lagi Menteri Kewangan, saya hormat. Tetapi apabila dia cabar dan dia serang, takkanlah saya hendak tidur (*Ketawa*), sementelah pula dia serang itu adalah tidak betul.

Tuan Shahidan bin Kassim: Habis itu, Yang Berhormat kata dia dan Menteri arak judi?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apa tidak berjudikah? Betul.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang terhormat. Jangan pedulikan sesiapa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Wakil Arau tidak puas hati dengan saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab Yang Berhormat kata dulu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya minta kalau boleh, usaha Kerajaan untuk berdakwah dan untuk pendidikan biarlah melibatkan semua sekali, terutama sekali Wakil-wakil Rakyat, Menteri-menteri, Pegawai-pegawai dan semua orang terlibat. Kerana orang inilah yang akan menjadi contoh kepada masyarakat. Baik orang-orang ini, maka dengan sendirinya yang lain akan menjadi baik. Tetapi kalau kita hendak tegur orang, hendak kritik orang, sampai bila tidak boleh jadi baik. Larang orang menghisap rokok, tetapi kita merokok, larang orang berjudi tetapi kita berjudi, larang orang minum arak tetapi

kita minum arak, larang orang buat itu, larang orang buat ini, tetapi kita yang lebih dahulu membuatnya. Bila hendak jadi? Takkanlah salah teguran saya itu! Saya tegur dengan hujah dengan Quran, dengan hadis, dengan syair, bukan bercakap secara Menteri-menteri Kerajaan.

Tuan Pengerusi. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya pindah lagi kepada muka surat 34 -Butiran 160000 - Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang berjumlah \$5 juta dan Butiran di muka surat yang sama - 200000, Institut Kemahiran Islam (IKIM) yang berjumlah \$2.5 juta dan muka surat 36 - 020000, Maahad-Tahfiz, yang berjumlah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Satu minit lagi? Tuan Pengerusi, secara ringkasnya, dalam masalah Tabung Haji ini, saya ada buat soalan dalam Dewan ini untuk mendapatkan penjelasan mengenai berita yang heboh seluruh negara mengenai orang yang tidak dapat wukuf. Tetapi pihak berkenaan menjawab "tidak payah jawab benda ini sebab perkara ini tidak timbul, tidak berlaku", sedangkan orang yang berkenaan itu sendiri bila balik dan sampai ke tanah air, dia memberitahu bahawa dia tidak dapat wukuf, tetapi pihak Menteri Kerajaan sendiri menjawab "tidak ada apa-apa, tidak ada berlaku". Macam mana berlakunya keadaan yang seperti ini, apa salahnya kalau kita beritahu yang betul.

Inilah satu daripada contoh yang saya sebut sekejap tadi, bahawa pihak Kerajaan - kalau jawab pun tidak tepat dan juga selalu tidak memberi jawapan.

Begitu juga dengan Institut Kemahiran di mana saya tengok dalam buku Prestasi ini amat baik tetapi untuk mengisi kehendak Kerajaan, kalau boleh biarlah kerajaan tubuh badan penyelidikan yang bebas, yang tidak terpengaruh dan dipengaruhi oleh mana-mana parti dan keputusan yang dibuat oleh badan ini mestilah diterima oleh Kerajaan, misalnya, suatu contoh yang besar pada hari ini ialah ASN/ASB. Kerajaan hendak melaksanakan hasrat penerapan nilai-nilai Islam tetapi sampai hari ini fatwa mengenai ASB/ASN tidak dapat dikeluarkan oleh Kerajaan, sedangkan Dewan Ulama sudah bermesyuarat, terutamanya di Kedah dahulu, sudah dikeluarkan fatwa bahawa ianya adalah haram. Bila keluar "haram", Kerajaan buat tidak tahu - bila bercakap "Islam", tetapi bila jadi kenyataan, lari. Ulama mana yang hendak bersidang dan ulama mana yang hendak keluar fatwa kalau Kerajaan tidak mahu patuh dan saya sudah cakap dahulu, ulama dan umarak mestilah bekerjasama dan berganding bahu. Apa yang ditunjukkan oleh Ulama, Kerajaan mesti terima dan begitulah juga, apa sahaja tanggungjawab Kerajaan mestilah dapat sokongan Dewan Ulama. Kalau tidak, tidak boleh selesai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kota Setar.

5.06 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga bangun untuk membincangkan Bekalan 1, Butiran 010000 — Berhubung dengan urusan Parlimen. Saya bersetuju dengan banyak pendapat-pendapat yang telah dikeluarkan di mana akhir-akhir ini dalam Parlimen kita banyak perkara-perkara yang berlaku seperti yang dikatakan oleh Ahli dari Pengkalan Chepa, tetapi perkara ini saya rasa bukanlah di sebelah pihak sahaja, tetapi kesemua yang berkaitan, sebab saya biasa mengemukakan Usul 18(1) berhubung dengan perkataan-perkataan yang 'unparliamentary' dan saya lihat di akhir-akhir ini banyak perkataan-perkataan yang tidak harus disebut oleh kanak-kanak sekolah pun, ataupun oleh orang-orang yang tidak berpelajaran, tetapi kita terdengar di dalam Dewan ini perkataan-perkataan seperti 'babi' dan 'celaka' Saya rasa negara ini adalah 'too democratic', sebab Yang Berhormat dari Pembangkang, terutamanya, boleh datang ke Dewan ini memaki Menteri dengan perkataan 'celaka' dan selepas itu mempertikaikan bahawa perkataan 'celaka' itu tidak ada dalam senarai 'unparliamentary'. Saya rasa ini amatlah menyedihkan sebab dalam Persidangan Parlimen ini kita selalu melihat penonton- penonton adalah terdiri daripada kanak-kanak dan murid-murid sekolah ataupun daripada Pegawai-pegawai Kerajaan. Kata-kata yang kesat ini datangnya daripada Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh Rakyat. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Tuan Pengerusi supaya Dewan ini menetapkan jika sekiranya perkataan ini keluar, jangan tunggu dia tarik balik, tetapi hambat terus keluar. Jangan dok beri kepada pihak yang lain, misalnya, kalau Pembangkang keluarkan perkataan itu jangan tunggu pihak Kerajaan menuntut ditarik balik — hambat keluar dahulu, biar dia tenang di luar, lepas itu kalau dia hendak masuk, kita beri.

Saya setuju dengan cadangan sahabat saya daripada Padang Terap supaya dibuat kandang untuk menyejukkan. Buatlah di sebelah mana pun, dekat dengan Tuan Pengerusi pun tidak apa, supaya semua orang boleh lihat kepada orang yang panas.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Ahli dari Larut.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Kandang itu, kandang yang tak nampak pesalah ataupun kandang yang dibuat dari cermin?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kandang yang dari cermin, di Ipoh banyaklah (*Ketawa*) ataupun belah-belah zoo. Jadi, kita buat macam kandang saksi, cukuplah. Jadi, saya rasa, kalau kita dok tunggu pihak yang lain minta tarik balik, lepas itu kita dok bertengkar, lepas itu hendak keluar di luar pun sampai hendak bertumbuk, saya rasa ini bukanlah tempatnya. Buang masa dan merugikan masa. Saya harap Tuan Pengerusi, yang juga sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan, minta perkara ini kita ambil tindakan yang tegas. Saya sokong sebab saya tidak pernah kata perkataan-perkataan yang macam ini. Hambat dia keluar dahulu, lepas itu biar dia sejuk di luar

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang soalan-soalan mulut. Saya hendak menegurkan di sini tentang soalan tambahan. Saya minta Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu, Tuan Yang di-Pertua, supaya memberi soalan tambahan ini kepada orang yang asal menyoal. Sebab selalunya kita tengok, ada kawan-kawan yang tidak pernah buat soalan, dia tui kawan-kawan punya sahaja. Kita tanya penat-penat, lepas itu Menteri jawab, kita tidak puas hati, orang lain dapat. soalan

tambahan. Bukan kita hendak gambar kita dalam televisyen, tetapi orang-orang yang tidak pernah buat soalan ini, tiba-tiba mukanya di dalam televisyen. Kita buat soalan asal, lepas itu kita tidak puas tentang jawapan Menteri, tengok-tengok gambar orang lain. Orang yang tidak pernah buat soalan - ramai, Tuan Pengerusi. Orang yang dok tui soalan orang. Dok tumpang tui, orang Kedah kata.

Jadi, saya harap supaya Tuan Pengerusi, yang juga selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan minta arah Timbalan-Timbalan Speaker supaya soalan tambahan priority diberi kepada orang yang menyoal supaya kalau kadang-kadang bila jawapan itu kita tidak puas hati, kita dapat tanya lagi. Ini saya tengok, selalunya orang lain dapat dahulu. Kadang-kadang kawan yang tanya asal itu tidak dapat lansung.

Jadi, Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah berhubung dengan Bekalan 7, muka surat 32 Butiran 050000 — Bahagian Hal Ehwal Islam dan juga muka surat 34 Butiran 200000. Saya hendak bercakap sekali berhubung dengan kedua-dua perkara ini.

Sekarang ini kita dapati ada golongan-golongan ataupun badan-badan dakwah, untuk lebih terang lagi saya berani sebutkan di sini iaitu satu badan yang bernama Arqam. Saya rasa akhir-akhir ini, badan ataupun pertubuhan Arqam ini amat menyeleweng. Sebab kita tengok, saya pun terdengar juga khutbah di salah sebuah masjid di sini yang mengatakan bahawa pertubuhan ini telah amat yakin, mereka ini telah berdakwah merata-rata dengan meyakinkan diri mereka bahawa Allahyarham Kiai Muhammad Suhaimi, yang pernah tinggal di Kampung Telok Pulau, Kelang dan yang telah meninggal dunia dalam tahun 1925, kononnya sedang bertapa di Hutan Ketunggu, Jawa

Timur, Indonesia dan akan muncul atau hidup semula sebagai Imam Mahadi. Ini sedang rancak didakwah. Saya tidak tahulah, kot barangkali Pengkalan Chepa setuju tetapi saya rasa dia pun tidak setuju.

Mereka ini juga telah mendakwa yang Kiai Suhaimi ini pernah berjumpa Rasulullah s.a.w. di dalam Kaabah dan banyak lagi dakwaan-dakwaan mereka yang amat betentangan dengan ajaran Islam. Akhir-akhir ini pula mereka mengatakan bahawa Ustaz Ashaari akan mengambilalih jawatan Perdana Menteri Malaysia. Ini yang mengerunkan kawan saya macam Seremban. Dia cukup takut. (*Ketawa*) Hari itu dia takut hudud. Sungguhpun dia tidak mencuri, dia takut. Tambah pula yang mencurikan? (*Ketawa*)

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Cheong: Siapa yang takut hudud? Saya minta penjelasan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini bukan hudud. Saya kata, Ustaz Ashaari ini akan muncul sebagai Perdana Menteri Malaysia menggantikan Perdana Menteri kita. Ini saya rasa bimbang oleh sebab barangkali pengikut-pengikutnya yang amat taksab atau fanatik akan mengambil tindakan-tindakan yang boleh dikatakan ataupun tindakan kasar supaya mereka ini hendak Ustaz Ashaari ini menjadi Perdana Menteri.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya tidak tahu bila dan ini saya harap bahagian yang berkenaan, Jabatan Perdana Menteri ataupun Hal Ehwal Islam ini supaya mengambil tindakan dalam hal ini; kita tahu badan Arqam ini kita tidak boleh haramkan sebab dia satu badan yang tidak berdaftar. Tetapi kita mesti menyekat pertubuhan ini untuk berdakwah yang saya agak sesat sebab dua kalimah syahadat mereka pun,

mereka telah tambah. Saya melihat mereka telah tambah dengan beberapa nama. Kalau kita setakat ini, mereka tambah pula di hujung itu nama Al-Abu **Bakar**, Al-Osman, Al-Omar, Al-Ali, Al-Mahadi. Dua kalimah syahadat mereka ditambah di hujungnya. Jadi, saya rasa ini adalah amat menyedihkan dan satu perkara yang sesat.

Jadi, sebelum perkara ini membahayakan saya mintalah supaya diambil perhatian dan tindakan. Kita sudah ada Bahagian Hal-Ehwal Islam dan kita ada Institut Fahaman Islam.....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Silalah.

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu. Al-Arqam ini bukanlah satu pertubuhan yang baru. Sudah lama. Yang Berhormat tadi sebut bahawa pertubuhan ini tidak berdaftar. Kerana apa selama ini Kerajaan tidak pernah pun mengambil sebarang tindakan sama ada dahulu mahupun sekarang yang dikatakan belum berdaftar, Kerajaan tidak berani mengambil tindakan? Saya hendak tahu, apa sebabnya? Apa sebabnya Kerajaan takut sangat kepada Al-Arqam ini?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Janganlah marah. Nanti kena "jual" susah. Kalau sudah tidak berdaftar, kita hendak mengambil tidakan melalui undang-undang macam mana? Macam gangster juga— kita tahu. Kot Chow Kit Roadkah, kot Bukit Bintangkah. Saya tunjuk itu, bukanlah dia ketua. Di Bukit Bintang itu kita tahu gangster ada tetapi dia tidak berdaftar. Macam Arqam ini saya tahu mereka tidak berdaftar tetapi

saya harap Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Islam ataupun Institut Kefahaman Islam ini mencari jalan supaya kita dapat menghapuskan perkara ini, supaya kalau Institut Kefahaman Islam ini dapat mengambil tindakan, dapat memberi kefahaman yang baik, tidak timbullah masalah. Sebab kita tahu, sekarang ini banyak — ada yang menuduh setengah orang menolak Quran, ada yang menuduh orang.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sensitif.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, apakah Yang Berhormat dari Kota Setar sedar, menjelang pilihanraya umum yang lalu, Ketua Bahagian UMNO Bachok telah mengundang Ketua Al-Arqam untuk memberi ceramah dalam dewan di Bachok. Kenapakah beliau berbuat demikian?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Itu kena tanya dialah. Jangan tanya saya. Saya bangkitkan ini supaya Hal Ehwal Islam, saya bukan ada kuasa hendak tangkap Arqam. Saya bangkit perkara ini macam Yang Berhormatlah juga supaya kita.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dahulu Arqam sokong Barisan, tidak apalah, okaylah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bila Arqam sokong Barisan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sekarang bila Arqam mengambil sikap tidak mahu menyokong Kerajaan, ignored.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bila yang Arqam meyokong Kerajaan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Seolah-olah Kerajaan sekarang mempunyai sikap talam dua muka.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, boleh bincang macam inikah?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berdialog di sini. Yang Berhormat, teruskan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dia ikut point of order mana, dia boleh bangkit bertengkar macam ini?

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan di sini supaya pihak yang berkenaan akan mencari jalan supaya perkara-perkara ini dapat kita jauhi ataupun kita dapat mengelak, membendung perkara-perkara macam ini supaya dalam masyarakat kita, terutama sekali masyarakat Islam tidak wujudlah orang-orang yang suka memfitnah sesama manusia ini macam ramai yang dalam Dewan ini. Orang-orang yang suka menghina sesama Islam, orang yang suka menuduh orang-orang Islam yang lain menolak Quran, orang yang buat fatwa macam-macam ini dapat kita hindarkan. Jadi, saya berharaplah pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan dalam hal ini iaitu saya sudah dengan harapan yang penuh bahawa pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jerai.

5.20 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): Terima kasih, Tuan Pengerusi Bismillaahir-Rahmanir-Rahim. Saya ingin bincangkan Maksud B. 1, muka surat 23 — Butiran 010000 dan Butiran Kecil, 01000 dan 01200.

Tuan Pengerusi, kita hari ini atau kelmarin telah banyak berbincang tentang disiplin di dalam Parlimen dan hormat-menghormati di antara satu sama lain. Dan ada juga yang telah mencadangkan tadi daripada pihak-pihak Pembangkang supaya Wakil-wakil Rakyat yang baru ini diberi kursus. Saya bersetuju kerana saya terbaru sekali. Tetapi saya juga ingin menekankan bahawa Ahli-ahli Pembangkang yang lama pun perlu dihantar ke kursus berkali-kali lagi kerana bagi saya, saya faham tentang disiplin di dalam Parlimen dan saya senantiasa akur dan menghormati serta biasa menarik balik kerana terlanjur kata. Tetapi kita dapat lihat pihak Pembangkang memanglah tujuan dan matlamat mereka Pembangkang.

Kita ini sebagai manusia yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa-Taala dengan akal dan fikiran perlulah menggunakan akal dan fikiran ini. Kalaulah sesuatu benda yang dibentangkan itu mendatangkan manfaat kepada kita, apakah maksud dan matlamat kita membangkang memutar tuli, mengatakan antara satu sama lain? Dan sebagai manusia, saya faham; Kadang-kadang kita hilang kesabaran dan yang saya lebih-lebih manghairankan ialah kadang-kadang orang-orang ini yang berjawatan peguam apabila masuk ke dalam mahkamah begitu sopan dan santun menghormati dan akur kepada hakim. Tetapi apabila mereka datang ke Dewan Rakyat ini, mereka telah berubah corak, tidak langsung menghormati Tuan Yang di-Pertua dan tidak langsung menghormati Dewan Rakyat.

Jadi, di sini mereka menggubal undang-undang tetapi mereka tidak menghormati Dewan Rakyat, tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua dan tidak menghormati Ahli-ahli Parlimen ini. Tetapi di luar, di mahkamah, mereka lebih akur kerana saya biasa mencadangkan,

Tuan Pengerusi, supaya diadakan jail di sini. (*Ketawa*) Bukan sekat kandang kerana setengah-setengah ini bukan....., kandang ini kalau kita hendak kerbau ataupun lembu, kita boleh kandang. Tetapi ini lebih teruk daripada kerbau dan teruk daripada lembu.

Jadi, tempatnya bubuh jail, bubuh air-conditioner selama 2 jam, sudah sejuk barulah hantar ke sini. Dan saya amat marah apabila seorang yang saya anggap sebagai ayah, sebagai orang tua, sebagai orang yang faham tentang agama sanggup bangun dan hari ini mengulangi bahawa kami, Ahli-ahli UMNO ini tidak mahu menerima Al-Quran. Saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak mengangkat diri saya. Saya 5 kali sembahyang dalam sehari. Insyallah, kita tidak akan cuba buat kerja-kerja yang dilarang oleh agama Islam. Tetapi janganlah kita sesama Islam bangun di sini walaupun dengan cara lembut atau tidak lembut mengatakan bahawa kami tidak mahu terima Quran. Perkara ini tidak boleh diterima dan patutnya dia balik buat sembahyang sunat taubat dan memohon ampun kepada Allah subhanahu wa-Taala. Di Parlimen, di Dewan tidak tarik balik pun tak mengapa, tetapi dengan Tuhan itu bila dia akan tarik balik selagi kita tidak minta ampun dan bertaubat?

Jadi, janganlah—kita orang-orang Islam, sedangkan dalam Islam mengatakan kita kalau orang itu buat fitnah kepada kita, kalau orang itu mengatakan kepada kita pun, kita berdoa kepada Allah Subhanahu wa-Taala memohon agar Tuhan ini mengubah sikap orang itu dan bukan kita mengata balik. Jadi, janganlah kerana kita dok sangka kita ini anak-anak muda ini tidak erti bahasa.

Sungguhpun saya tidak pergi ke Universiti Islam, saya tidak mengaji mendalam tentang hal agama Islam tetapi

bapa saya orang Islam, emak saya orang Islam dan saya orang Islam. Saya belum lagi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu. Jadi, jaga bahasa (*Ketawa*) kerana kadang-kadang yang kata itu terdahulu gugur daripada yang dok ada ini. Jadi, kita kenal hormat-menghormati.

Kadang-kadang, kita membuat kesimpulan dengan begitu mendadak, kita hendak tarik balik, kita dok berasa kita orang tua, kita malu. Tetapi dalam agama Islam, tua muda, kalau tidak betul, kita kena tegur. Tuhak kata tegur dengan tangan, tegur dengan mulut dan tegur dengan hati. Itu jelas dan kita kena menerima kesilapan kita. Dalam Islam, kita kena buat macam itu—bertolak ansur. Jadi, janganlah kita memandang satu golongan itu kerana tidak bersama kita, apa sahaja yang kita buat ini, kerja yang tidak diredai oleh Allah Subhanahu wa-Taala. Janganlah kerana kita tidak bersama. Kita sanggup memfitnah, sanggup mengkafirkan sesama agama, sesama keturunan dan sesama bangsa ini. Ini tidak adil. Dan bukan di Parlimen, tempat kita hendak menjatuhkan seseorang itu daripada menjadi seorang Islam. Biar kerja ini kepada Tuhan, bukan kerja kita. Kalau dia tidak tutup kepala, itu dia dengan Tuhan. Tidak semestinya dia tak tutup kepalanya itu bukan beragama Islam. Kalau kita hendak kajilah perangai orang-orang itu, kadang-kadang Tuhan akan berubah, bukan kita manusia. Kita boleh berikhtiar dan kita boleh berusaha. Tetapi Allah Subhanahu wa-Taala akan mengubah hati perut orang itu. Rasulullah sendiri pun, dia tidak mampu. Jadi, kita kena terimalah benda itu. Takkan kerana kita tidak membuat sesuatu—kita hendak buat. Jangan kata dan terus tuduh kita kafir. Ini apa cerita? (*Ketawa*)

Jadi, balik buat sunat taubat, minta ampun kepada Tuhan. Saya tidak mahu tengok Pak Nik ini kena bakar. (*Ketawa*)

Kesian untuk orang tua-tua macam ini, kita umur-umur lanjut macam ini kena perbetul. Kalau tidak betul, tegur. Sebenarnya Parlimen, Tuan Pengerusi, adalah tempat yang kita tegur-menegur, bukan tempat untuk kita beri sakit hati di antara satu sama dengan lain. Kadang-kadang membangkit macam orang sudah kalut. Apa pula marah? Apa fasal? Khabarlah, elok-elok! Tetapi kadang-kadang sampai macam orang baru lepas daripada kandang kata "Moo! Moo!", saya pun naik terkejut. Sabar, sabarlah, elok-elok. Saya minta Menteri berkenaan cubalah perbetulkan keadaan macam ini, macam ini. Ini dengan marah, dengan perasaan, kot tak dapat ibu di rumah wallahu-aklam. Tetapi bukan caranya. Biarlah orang muda nak tegur, tidak apalah. Jadi, buat elok-eloklah minta macam saya kata minta elok-elok, orang beri kerana kalau kita minta secara kasar, siapa hendak beri? Di mahkamah pun, kadang-kadang hakim dia bertimbang rasa, kita kata Yang Arif, dia pun bertolak ansur. Kita ini manusia. Ada hati. Orang merayu. Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan capak dasar.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak! Hendak balik ke ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu khusus sedikit, ya?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini tentang Parlimen, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu umum sangat!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, kalau kita tidak jaga ini.... Tuan Pengerusi, beberapa kali mereka melawan? Ah! Saya tidak boleh tengok benda-benda macam itu. Kita bubuh, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah heretkan Kerusi dalam perbahasan. Jangan libatkan Kerusi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak! Tidak! Saya hendak cerita cara dia buat kepada Tuan Pengerusi. Saya tidak gamak macam itu. Jikalau Tuan Pengerusi kata "tarik balik", saya tarik balik. Kalau Tuan Pengerusi kata "keluar", saya keluar. Hak ini disuruh keluar, dia tidak mahu keluar. Suruh tarik tak mahu tarik. Tuan Pengerusi, beri chance pula kadang-kadang. (*Ketawa*) alasan yang itu, yang ini, kasihankan kawan-kawan itu. Okay, Tuan Pengerusi. Saya hendak berbaliklah.

Kemudian fasal TV ini semua, memanglah Kerajaan kita berusaha. Kadang-kadang kawan saya bernasib baik, dia keluar gambar di televisyen. Jadi, tidak apalah kita kira macam inilah. Dalam agama Islam, kita buat kerja dengan ikhlas. Tuhan nampak apa yang kita buat. Jadi, walaupun tidak keluar dalam televisyen, ini tidak bermakna kita tidak ada calon. Jadi, kalau kita buat kerja dengan ikhlas Tuhan nampak; daripada Member of Parliament, Wakil Rakyat, dia naik Setiausaha Parlimen, perlahan-lahanlah (*Ketawa*) yang ini bukan kerja kita. Ini kerja Allah Subhanahu wa-Taala. Jadi, janganlah pihak-pihak PAS pun dok bising. Pihak PAS tidak payahlah hendak jadi Menteri pun. Setakat negeri pun dah celaru. Jadi, hak itu biarkanlah. Kemudian kita pula, Tuan Pengerusi, janganlah ada sangkaan buruk.

Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap kali pilihanraya. Parti-parti Pembangkang pun macam itu juga. Parti DAP pun macam itu. Parti PAS mengutip, tukang kutip datang. Habis gelang, subang telinga pun telah dikutip untuk pilihanraya. Kita beritahu kepada rakyat "calonlah saya!" Mudah-mudahan saya

akan dapat membela nasib tuan-puan di kampung-kampung. Tetapi kita main dok di sini, apa pun kita tak buat. Kita dok tuduh menuduh antara satu sama lain, tetapi yang saya kira hak yang mereka senyap, apabila elaun Wakil Rakyat di tambah.

Hak itu senyap sunyi. Hak itu mereka faham, Tuan Pengerusi. Hak yang lain mereka kurang hendak faham. Jadi, tidak bolehlah. Jadi, kalau yang baik itu, yang bagus itu kita sokong untuk kebaikan kita bangsa Malaysia yang ada di tanahair kita yang cukup bertuah dan cukup baik. Negeri lain tidak ada macam Malaysia. Hendak cari mana lagi? Tidak upayalah, inilah sebuah negara yang paling baik dan kita buatlah Parlimen ini satu tempat yang cukup bermaruah. Sekali sekala kita melawak, tidak mengapa Tuan Pengerusi, hendak bagi orang jangan lena. Kadang-kadang mari lena, jadi kita beri sedikit jokes ini, supaya dia orang terjaga.

Lagi satu kita hendak Wakil-wakil Rakyat terutama sekali pihak Pembangkang. Tadi dia kata tinggal Dewan, pergi duduk di kantin, di kantin pun kita dengar, tambahlah mereka kata dan terus kita masuk. Tetapi ada juga Wakil-wakil Rakyat pihak Pembangkang apabila semasa dia bercakap, bercakap, bercakap kemudian dia ambil fail, keluar dan balik. Dia tidak mahu dengar orang lain bercakap. Jadi, one way. Macam mana kita hendak menjadi pemimpin kalau kita hanya mahu orang dengar cakap kita tetapi kita tidak mahu dengar orang cakap kepada kita. Ini bukannya cara, macam mana boleh one way, dia kena dua way-two ways, dengan izin, jadi baru boleh. Ini kita mari, kita bahas, bahas, bahas selepas itu kita keluar nyong, nyong, nyong balik — puas hati semua, mana boleh macam itu! Lepas itu pergi cakap di kampung, "hamba sudah cakap tetapi dia orang tidak faham". Tidak faham apa, kita tidak tunggu! Tunggu! Ini hendak jawab balik. Kita kena sabar sedikit, kita orang Islam.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak habis. Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Abang, ini satu negeri tetapi dia pergi ke tempat lain, orang Kedah tidak mahu. Ya.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jerai tadi memang benar. Ada yang datang keluar duduk di kantin, ada yang datang tunggu di luar dan masuk dan ada yang datang kepil fail dan balik selepas berucap. Ini semua betul. Tetapi saya hendak tahu dan hendak tanya. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang Menteri-menteri ini yang sengaja tidak hadir di Parlimen? Takkanlah hari-hari semua ada official duty atau official function? Tetapi tidak datang. Menteri Sumber Manusia baru hari ini saya nampak. Tolong beritahu, manakah maruah, tugas dan tanggungjawab mereka sebagai Wakil Rakyat lebih-lebih lagi Menteri. Mengapa mereka lari daripada Parlimen, kononnya hari-hari ada official function, mustahil! Saya terima kalau Perdana Menteri ada perkara penting di sana sini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Ahmad bin Nor: Yang ini dia tidak tegur.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tadi minta penjelasan.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia tegur yang lain sahaja, yang di depan hidung dia tidak nampak.

Tuan Pengerusi (Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucaplah.

Tuan Ahmad bin Nor: Yang ini yang saya marah Jerai. Jawab! (*Ketawa*).

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, perangai ini yang saya kata tadi. (*Ketawa*) Tidak pasal-pasal dia marah dekat saya, sampai naik angin. Hak ini kena bubuh dalam sangkar, gantung, tarik sangkar naik ke alas dan duduk di atas. Sebenarnya, beginilah Kerajaan Barisan Nasional, bila dia memilih seseorang itu menjadi calon dan apabila dia memilih seseorang itu memegang sesuatu jawatan, yang di bawah ini sahaja boleh menjawab soalan-soalan Pembangkang itu, tidak payah Menteri! Oleh kerana kaliber, kebolehan dan sebagainya. Jadi, tidak semestinya Menteri tidak duduk di sini, Kabinet ataupun Kementerian itu tidak berjalan. Inilah cara kita buat kerja. Menteri buat yang itu, Wakil Rakyat buat yang ini, Timbalan Menteri sekian dan Setiausaha Parlimen sekian. Hak PAS lainlah, had Pembangkang lainlah, dia kira hendak bangkang! (*Disampuk*) Ha! betul-betul bodek sekali Pembangkang ini — ini bubuh yang putih ini. Selalu bubuh bila orang itu mati. (*Ketawa*) Ini hidup-hidup lagi, bubuh buat apa? Tidak pasal-pasal. Itulah Tuan Pengerusi, hendak kata childish itu, semua sudah tua-tua. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat masa berjalan dan ada satu minit lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Lepas itu bodek pula Tuan Pengerusi, pasal dia kata tadi bodek, scbab itu saya hendak bubuh bodek.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada seminit lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia bodek dekat bos, bos depalah! Bos depa pun bercelaru.

Tuan Pengerusi, saya hendak berbalik, ini mustahak. Saya minta sedikit lagi sebab hendak perbetul Parlimen.

Tuan Pengerusi, berkenaan muka surat 45, Butiran 030000 dan 040000 Badan Pencegah Rasuah. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan agar kalau bolehlah, Badan Pencegah Rasuah ini diberikan satu mandat di mana mereka ini boleh menyamar untuk memasuki sesuatu syarikat, sesuatu agensi-agensi seolah-olah mereka ini untuk bersama-sama dengan rakan kongsi syarikat, agensi ataupun badan-badan tertentu. Kerana dengan ini kita dapat memperbetulkan keadaan dan sistem. Kita dapat terus mengesan jika berlakunya penyelewengan atau akan berlakunya penyelewengan. Jadi, saya ingat peruntukan khas yang diberi untuk mereka melaburkan di dalam sesuatu syarikat-syarikat besar dan juga laburkan di dalam agensi-agensi Kerajaan. Jadi, dengan cara tidak langsungnya kita akan dapat memastikan bahawa seandainya berlaku penyelewengan, dia orang dapat menahan ataupun dapat mengesan di peringkat awal.

Saya juga mengesyorkan kalau boleh, bagi seseorang itu kalau hendak memegang jawatan-jawatan terpenting ataupun kenaikan pangkat, satu rekomendasi daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR) ini amatlah diperlukan untuk memastikan seseorang itu bersih supaya apabila diletakkan di satu-satu tempat itu, mereka ini akan dapat menjalankan pentadbiran dan pengurusan dengan baik dan menguntungkan negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin berbalik kepada satu lagi muka surat 23 Butiran 050000 Hal Ehwal Islam.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Seminit lagi, ini pasal....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, cukuplah. Saya sudah beri seminit tadi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya akur kepada Tuan Pengerusi, berdisiplin dan saya duduklah. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi kerana memberi keadilan masa kepada saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Terima kasih, Lanang.

5.36 ptg.

Tuan Jason Wong Sing Nang (Lanang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan 12 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, muka surat.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Muka surat berapa?

Tuan Jason Wong Sing Nang: Muka surat 46 dan Maksud Bekalan 13 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum Yang Berhormat berucap, ingin saya memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selepas Lanang berucap saya izinkan seorang lagi berucap sebelum pengulangan dibuat.

Tuan Jason Wong Sing Nang: Tuan Pengerusi, perkara hangat yang dipernyatakan di Sabah dan Sarawak akhir-akhir ini ialah Perjanjian 20 apabila Sarawak dan Sabah menyertai pada tahun 1963 dan ini telah diperbincangkan oleh kebanyakan warganegara khususnya di Sabah dan Sarawak. Isu ini telah menjadi perkara tuduh-menuduh atau dengan izin, "finger pointing affairs".

Tuan Pengerusi, Perjanjian 20 itu ialah dokumen yang telah dilupakan oleh kebanyakan rakyat Sarawak dan Sabah dan perkara ini boleh dikatakan tidak diketahui oleh rakyat di Semenanjung

Malaysia. Akan tetapi, dokumen ini merupakan dokumen asal yang dipersetujui oleh kaum-kaum di Sarawak dan di Sabah semasa rancangan untuk menubuhkan Malaysia pada tahun 1963. Sebarang ketegangan antara negeri di Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia dengan Kerajaan Pusat mengenai soalan perhubungan antara Semenanjung dan Malaysia Timur akan ditentukan oleh Perjanjian 20 itu.

Tuan Pengerusi, kita mesti memandang isu ini secara praktikal. Pengasas negara kita telah bekerja kuat untuk mengelakkan pertelingkahan dan perselisihan. Kita mesti mengamalkan perpaduan dan kita jangan menjadi mangsa sejarah. Perjanjian 20 menjaga perkara seperti agama, kebebasan, pendidikan, perwakilan di Parlimen, pengawalan terhadap imigrasi, kedudukan kaum bumiputera, kewarganegaraan dan Perlembagaan Negeri. Walau bagaimanapun, dokumen ini amat berbeza kerana tiada peruntukan mengenai tindakan undang-undang yang boleh diambil oleh Sabah dan Sarawak dalam keadaan dokumen ini dicabar. Tahun-tahun seterusnya melihatkan banyak syarat dalam Perjanjian 20 itu telah dipindahkan.

Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini isu Perjanjian 20 ini sekali lagi dicabar dalam bentuk forum, perbincangan terbuka dan pindaan. Ini telah menimbulkan banyak perhatian masyarakat umum khususnya, rakyat Sabah dan Sarawak. Tetapi kita mesti ingat Perjanjian 20 adalah perjanjian yang mulia dan tidak harus dicabar. Perjanjian ini tidak boleh dipermainkan sepanjang masa. Perjanjian ini juga menjadi satu kepercayaan, tiada sesiapa pun boleh menyoal pengawalan asas yang diadakan atas keadilan dan demokrasi. Asas itu telah dipersetujui oleh pengasas negara kita.

Tuan Pengerusi, Ketua Peguam Negeri Sabah, Datuk Stephen Foo menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mesti dipanggil untuk sebarang pindaan terhadap Perjanjian 20 itu pada 16 November, 1992. Dia menyatakan, I quote, dengan izin:

"If a review was agreed upon, all details in the Inter-Governmental Committee Report, the State Constitution and all correspondence in the formation of Malaysia would have to be examined and discussed by both the Federal and State Governments.

The rights protected in the Constitution cannot be taken away without the consent of the State Government".

Ketua Peguam Negeri itu juga menyatakan bahawa aspek-aspek tertentu mengenai Perjanjian 20 itu boleh dipinda, tetapi mengadakan perbincangan antara ahli-ahli politik tidak membawa sebarang faedah. Perjanjian 20 itu dimulakan dalam report IGC pada tahun 1962 yang telah dimasukkan ke dalam Malaysia Agreement pada tahun 1963 dan Perlembagaan.

Tuan Pengerusi, Ketua Peguam Negeri itu selanjutnya menyatakan 5 daripada 20 syarat itu telah tiada dan 5 atau 6 syarat lagi seperti penggunaan Bahasa Malaysia atau agama dan kewangan telah diambil oleh pindaan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri di bawah Tun Mustapha dan Datuk Maris. Kita hanya mempunyai 10 atau lebih syarat yang tinggal seperti imigrasi dan secara Borneo (Borneonisation).

DAP mencadangkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sarawak dan Sabah untuk menubuhkan Jawatankuasa persediaan untuk meminda Perjanjian 20 terhadap penubuhan Malaysia. Perkara seperti kewangan, imigrasi dan secara Borneo patut dipinda. Sebarang cadangan untuk

menidakan keperluan pasport untuk rakyat Semenanjung Malaysia memasuki Sarawak dan Sabah patut dipertimbangkan atas pertentangan orang ramai di Sarawak dan Sabah. Ini mungkin merupakan syarat terakhir di dalam perjanjian 20 itu.

Tuan Pengerusi, kita percaya pemimpin kita akan lebih bersifat negeri seperti mereka yang telah mengasaskan Perjanjian 20 pada tahun 1962, suatu jawatankuasa seperti itu yang boleh membincangkan masalah Kerajaan Pusat dan Negeri.

Tuan Pengerusi, salah satu daripada Perjanjian 20 itu ialah Program Secara Borneo (Borneonisation). Syarat 8 menyatakan: Secara Borneo di dalam perkhidmatan awam mesti dibuktikan secepat mungkin. Walau bagaimanapun, sejak 20 tahun yang lampau, sejauh manakah Kerajaan Pusat telah mematuhi syarat mustahak ini adalah dalam kekeliruan. Ramai rakyat Sarawak berfikir bahawa Kerajaan Pusat telah gagal mematuhi Program Secara Borneo ini dan mereka berasa amat hampa dan sedih.

Dari segi pembangunan infrastruktur, Sarawak sekurang-kurangnya 20 tahun di belakang Semenanjung Malaysia. Tetapi dari segi hasil pendapatan cukai, Sarawak merupakan penyumbang terbesar. Di manakah terletaknya keadilan dan demokrasi? Keadilan untuk siapa? DAP berharap Kerajaan Pusat akan memandang perbezaan antara Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung Malaysia dan mengelakkan tertimbulnya ketegangan dan perselisihan antara Timur dengan Selatan.

Tuan Pengerusi, sesiapa yang membaca dokumen-dokumen tentang penubuhan Malaysia, orang itu tidak teragu menyatakan bahawa 16 September, 1963 bersamaan hari Isnin,

Sarawak telah mencapai kemerdekaan dalam Malaysia. **Saya** ingin merujuk kepada pengumpulan dokumen dan rencana di dalam buku peringatan yang diterbitkan oleh Encik Ho Ah Chon yang bertajuk 'The Formation of The Federation of Malaysia'. Perkara ini dibahaskan di dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak. Dalam ucapannya kepada Dewan Undangan Negeri Sarawak, Gabenor Sarawak, Sir Alexander Wendall menyatakan, I quote:

"As this is my last occasion on which I shall have the honour to appear before you, I intend today to make a personal testimony. Sarawak is not North Kalimantan, never has been and never will be. Sarawak has no need for any one to liberate her. She has made her own choice of freedom."

Dalam ucapan Gabenor Sarawak menyatakan, I quote:

"We should not take credit for ourselves. We are on the springboard of development, a springboard created by the skill, care and patience of those who have gone before. It is for you to take the next great leap ahead, and you will not fail. You reach the throne of independence with wellknown, welltrained partners at your side."

Tuan Pengerusi, maka sekarang generasi baru Sarawak menyoal mengapa Hari Kebangsaan adalah pada 31 Ogos dan bukan pada 16 September. Sabah telah mengisytiharkan 16 September sebagai Hari Kebangsaan. Kerajaan Sarawak juga perlu mengikut kerana perkara ini ialah perkara sejarah.

Tuan Pengerusi, sesiapa tidak dapat menulis sejarah semula. Tetapi kita mesti menghormati sejarah dan menyatakan kenyataan. Akhirnya, saya berharap Kerajaan Pusat akan mempertimbangkan Hari Kebangsaan pada 16 September. Ini sangat penting, tiada sesiapa boleh bermain politik. Setiap rakyat di Sarawak dan Sabah boleh menyaksikannya.

Tuan Pengerusi, dengan itu, saya mengakhiri ucapan saya. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sungai Petani.

5.50 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap tentang Butiran 010000, Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat) Yang Berhormat, muka surat berapa?

Che Ibrahim bin Mustafa: Muka surat 23. Dewan yang mulia ini adalah simbol keagungan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Dewan ini adalah tunggak dan akar tunjang kewujudan demokrasi dan sesuai dengan statusnya itu Dewan yang mulia inilah menjadi tempat untuk para Wakil Rakyat yang mewakili rakyat di seluruh pelusuk negara berbincang, berbahas dan mengambil satu keputusan yang jitu serta bernas. Dewan yang mulia ini sebenarnya menempatkan ahli-ahli yang berwibawa, matang dan punya integriti dan credibility yang tersendiri. Lantaran itu amat tidak waras sekiranya Dewan yang mulia ini sering dinodai dengan perlakuan-perlakuan sumbang yang tidak selaras dengan status dan kedudukannya itu. Rakyat pasti tidak dapat menerima hakikat bahawa Ahli yang bersusah payah mereka pilih dan tunjukkan itu hanya sanggup menjadi tukang gocoh dan kaki pukul di dalam Dewan. Rakyat tentu kecil hati dan kecewa betapa wakil yang mewakili mereka dalam Dewan yang bermartabat tinggi hanya bijak mencerca, memaki hamun dan mengeluarkan kata-kata kesat dan keji sahaja.

Rakyat pasti hampa dan kecewa melihat Ahli-ahli Yang Berhormat itu bctegang leher macamlah anak-anak bertikam lidah ketika tewas bermain guli,

Tuan Pengerusi, inilah imej yang ada pada kita. Malah, masyarakat cukup berasa hairan, anih bin ajaib memandangkan bapak-bapak dan orang-orang dewasa di dalam Dewan yang mulia ini bergocoh macam kanak-kanak sekolah di tengah padang bola sepak.

Dewan Rakyat adalah Dewan yang mulia. Kemuliaannya secara mutlak adalah bergantung kepada bagaimana Dewan ini dimuliakan. Dewan ini akan terus menjadi mulia jika perbahasan yang berlaku di dalamnya tetap kekal pada tahap kematangan yang jitu di samping hujah-hujah mampan yang dilontarkan. Dewan tempat menggubal undang-undang yang tertinggi ini tetap berada pada tahap yang teratas dalam hirarki pentadbiran negara. Jika Ahli-ahlinya sedar hakikat ini dan situasi beginilah seharusnya melingkari perbahasan kita dewasa ini. Sekaligus Dewan ini akan mengelusur jauh ke bawah seandainya suara yang saling tingkah-meningkah di dalamnya adalah suara gesit, sumbang dan tidak memancarkan idealisma yang unggul sebagai ahli politik yang matang. Dewan ini pasti dipandang enteng jika kusyen-kusyen empuk untuk para ahlinya berhujah dialihkan menjadi gelanggang gusti untuk bergocoh.

Walaupun majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat sudah matang menggunakan hak dan kebebasan mereka untuk bersuara, namun masih terdapat sebilangan Wakil Rakyat yang sering bertindak di luar batasan, malah kadangkala jauh melampaui tatasusila Timur sendiri hanya semata-mata untuk meraih publisiti murahan. Dewan yang digunakan sebagai institusi untuk menggubal undang-undang telah berubah fungsinya menjadi tempat untuk membakar semangat dan melepaskan geram terhadap Kerajaan dengan membelakangkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ahli-ahli yang kurang bertanggungjawab telah mengeksploitasi keheningan suasana Dewan untuk menimbulkan ghairah politik tanpa mempertimbangkan implikasinya. Dan inilah sebenarnya apa yang telah berlaku kini.

Kita sebenarnya tidak mahu mempersoalkan hak Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen, namun dalam melaksanakan tugas itu kita wajar bijak membezakan di antara kebebasan dan sempadan. Walaupun kita semua punya hak untuk mengkritik dan mengambil apa jua tindakan, namun sebagai tokoh politik yang berwibawa, hak keistimewaan Parlimen serta Dewan yang mulia ini tidak wajar dikorbankan begitu sahaja. Mematuhi peraturan, akur kepada tata tertib Dewan serta menghormati Dewan serta kuasa-kuasanya adalah antara nilai-nilai yang wajar diambil kira. Bebal, bongkak, angkuh dan takbur belum tentu membuktikan kehandalan kita. Banyak lagi ciri-ciri lain yang boleh diadunkan agar kita menjadi ahli politik yang berwibawa.

Dengan bersaksikan kebenaran di samping fakta-fakta yang konkrit apa jua isu boleh dibentang dan dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, kesucian Dewan wajar dipelihara. Kemuliaan Dewan juga seharusnya dikekalkan. Janganlah atas retorika usang demokrasi dan ketidakadilan, kesucian serta keharmonian perbahasan Dewan dinodai serendah-rendahnya. Seluruh negara dan generasi muda yang masih mentah yang kadangkala turut hadir menghayati perbahasan di dalam Dewan ini tidak wajar dikorbankan begitu enteng atas prinsip-prinsip perjuangan yang masih kabur. Untuk memelihara kesucian Dewan Rakyat dan menghindari kejadian yang memalukan, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan wajar dikaji semula untuk memberi lebih kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua, agar dapat mengendalikan persidangan Dewan dengan lebih terkawal. Tingkah-laku Ahli-ahli Parlimen wajar dikawal bagi menjamin ketenteraman Dewan daripada tempat untuk melepaskan geram kepada fium yang boleh merangsang segala

dasar untuk kepentingan negara serta rakyat. Amanat rakyat yang memberi mandat wajar diambil kira dan amanah ini sewajarnya dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab ketika berada di Dewan yang mulia ini. Malah jika perlu kuatkuasa undang-undang yang lebih tegas wajar diambil untuk memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat menghormati Peraturan-peraturan Dewan yang mulia ini.

Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian diminta jawab.

5.56 *ptg.*

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Arau, Padang Terap, Nilam Puri, Sungai Besi, Bukit Bintang, Batang Lupar, Sungai Petani, Baram, Bukit Mertajam, Pagoh, Kota Setar, Jerai dan Lanang yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Kepala Perbekalan Jabatan Perdana Menteri. Ada di antaranya yang menyampaikan pandangan-pandangan yang baik, ada juga yang melahirkan rasa hati dan juga memberikan fakta-fakta yang tidak betul seperti Ahli Parlimen Pengkalan Chepa.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada Kerajaan atau Pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dengan mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri tahun 1993. Di atas segala pandangan dan teguran begitu juga syor-syor Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau, Padang Terap dan Nilam Puri telah menyentuh tentang beberapa perkara mengenai Jabatan Parlimen. Antara perkara-perkara yang disentuh adalah:-

- (i) supaya Kerajaan membina bangunan baru bagi menempatkan Dewan Rakyat yang sudah sesak terutama dengan penambahan 12 kerusi Parlimen yang baru diluluskan;
- (ii) kakitangan Parlimen hendaklah diberi insentif yang lebih baik dari kedudukan sekarang;
- (iii) pakaian seragam kakitangan Parlimen diubahsuai kepada bentuk pakaian yang lebih menarik dan sesuai dengan kedudukan Parlimen.
- (iv) menyarankan supaya diadakan kandang; kandang orang salah dalam Dewan untuk kurungan sementara Ahli-ahli menunggu ketenteraman Dewan.
- (v) mengadakan kemudahan riadah untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen seperti mengadakan satu kompleks sukan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya mengucapkan banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang pcka dengan hal-hal yang perlu di Parlimen. Pihak Pengurusan Parlimen memang ada rancangan untuk menyusun semula organisasi Jabatan tersebut supaya sesuai dengan keperluan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan buat masa ini belum ada cadangan untuk membina bangunan baru. Ruang Dewan yang ada sekarang masih boleh menampung pertambahan kerusi dengan sedikit pengubahsuaian. Rcka-bentuk susunan ruang yang diubahsuai sedang dalam penyiapan oleh pihak JKR.

Berhubung dengan insentif kakitangan Parlimen, saya percaya pihak yang bertanggungjawab yang menentukan syarat-syarat dan terima opsyen akan mempertimbangkan semua aspek secara adil, setimpal dan tidak pula terkeluar dan mengikut peraturan.

Berhubung dengan pakaian seragam kakitangan Parlimen, dasar Kerajaan mengenai perkara ini tidak menggalakkan pakaian seragam yang terlalu berbeza-beza dari segi bentuk, warna, mutu dan had perbelanjaan membuatnya. Kerajaan telah menyeragamkan peraturan dan dasar mengenai pakaian seragam kakitangan Kerajaan melalui beberapa Pekeliling Am seperti SPA Bil. 4 Tahun 1983, SPA Bil. 7 Tahun 1990 dan SPA Bil. 11 Tahun 1990.

Berkaitan dengan kandang seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap dan Pagoh, begitu juga dari Jerai dan Kota Setar, cadangan ini memang praktikal, tetapi agak kurang sesuai dengan budaya dan tradisi kita. Sebenarnya masalah perang mulut dan perasaan yang sekali-sekala berlaku di Dewan ini boleh diatasi jika Ahli-ahli Dewan inginkan dengan syarat-syarat berikut:

Pertamanya, semua ahli-ahli berusaha mengawal perasaan dan mendisiplinkan diri daripada menyentuh atau mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati Ahli-ahli yang lain; kedua, menghormati kedudukan dan keputusan Yang di-Pertua; ketiga, memahami, mentafsir dan mengamalkan kehendak Peraturan-peraturan dengan betul; dan keempat, tidak menyalahgunakan demokrasi bersuara dalam Dewan ini untuk kepentingan peribadi atau kumpulan.

Bagaimanapun, jika keadaan akan datang memerlukan, insya-Allah kandang ini boleh difikirkan untuk dijalankan seperti yang disyorkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat

Menyentuh soal kemudahan riadah, kita perlu memikirkan perkara ini secara mendalam terutamanya dari segi cost effectiveness dan maximum utilisation. Tidak ada ertinya Kerajaan membina satu kompleks sukan.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit. Saya bukan cadangkan kandang. Saya bersetuju dengan cadangan Padang Terap. Saya juga cadangkan supaya apabila seseorang itu mengeluarkan kata-kata kesat, Yang di-Pertua ataupun Pengerusi tidak payah minta sebelah pihak yang berlawan ini menarik balik. Saya cadangkan supaya terus dihambat keluar, jangan tunggu sebelah pihak lagi minta supaya ditarik balik. Bila sebut sahaja perkataan yang unparliamentary, Pengerusi atau Yang di-Pertua mengambil tindakan yang tegas. Itu sahaja.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Itu adalah hak Pengerusi atau Yang di-Pertua Dewan untuk menentukan kedudukan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Walaupun cadangan itu pada pandangan saya adalah satu pandangan yang baik tetapi ianya terletak atas budibicara Pengerusi yang mempengerusikan Dewan ataupun Yang di-Pertua yang menjalankan tugas pada hari yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, tidak ada ertinya kita membina satu kompleks sukan yang jarang-jarang digunakan, seperti Gymnasium yang terdapat di Parlimen sekarang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat berkenaan juga telah menyentuh mengenai peranan Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Pegawai Kemajuan Negeri diberi semula kuasa seperti di niasa yang lepas supaya peranannya untuk menjalankan aktiviti penyelarasan, pelaksanaan projek-projek lebih berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab Unit Penyelaras Pelaksanaan termasuk Pejabat Kemajuan Negeri (PKN) untuk menyelaras pelaksanaan dan penyusunan projek-projek Kerajaan di bawah DEB. Tugas-tugas ini tidak pernah ditarik balik daripada tanggungjawab UPP dan PKN di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN), bahkan tanggungjawab ini telah diperkukuhkan di bawah Arahan No. 1/1991 di mana UPP memainkan peranan yang aktif sebagai Urusetia kepada Majlis Pembangunan Negara dan Jawatankuasa Kerja Majlis Pembangunan Negara bagi menyelaras, mengesan dan menilai strategi dan pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan Kerajaan. Tugas PKN tidak hanya semata-mata ditumpukan kepada mem-pengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tender Projek Persekutuan di peringkat negeri sahaja, tetapi di bawah Arahan No. 1/1991 ia juga menjadi Urusetia kepada Majlis Pembangunan Negeri yang berfungsi untuk menentukan serta menyelaras, mengesan dan menilai strategi pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Urusan Tabung Haji, Ahli Yang Berhormat dari Arau mencadangkan supaya dikaji semula penempatan jemaah Haji di Tanah Suci. Syarikat swasta yang dibenarkan membawa jemaah haji ke Tanah Suci hendaklah menyerahkan bank guarantee yang jumlahnya sama banyak dengan jumlah wang naik haji yang dikenakan kepada bilangan keseluruhan jemaah haji yang pergi ke Tanah Suci melalui mereka.

Suka saya memberi penjelasan bahawa tempat tinggal jemaah haji dari Malaysia di Tanah Suci terdiri daripada apartment-apartment yang selamat dan selesa yang mempunyai kemudahan asas secukupnya dan tidaklah terlalu jauh

daripada Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah. Tetapi jika sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah tempat perkemahan jemaah haji Malaysia di Mina, ianya ditetapkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi sendiri. Namun demikian, walaupun jaraknya agak jauh sedikit dari tempat melontar Jamrah, namun ianya mempunyai kelebihan yang tersendiri iaitu terletak di kawasan yang agak eksklusif tanpa bercampur dengan jemaah haji negara-negara yang lain.

Berkenaan dengan pengendalian jemaah haji swasta, bank guarantee sejumlah \$100,000 yang dikehendaki diserahkan oleh setiap syarikat yang diluluskan adalah memadai, kerana Lembaga Urusan Tabung Haji akan memastikan bahawa sebelum jemaah haji berangkat ke Tanah Suci, tiket penerbangan pergi balik dan rumah-rumah tempat penginapan telah pun diperolehi. Yang menjadi masalah bukannya syarikat-syarikat yang diuruskan oleh Tabung Haji tetapi syarikat yang beroperasi senyap-senyap secara haram.

Saya juga hendak menjelaskan mengenai kenyataan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengenai bakal-bakal haji yang mendakwa diri mereka tidak sempat berwuquf di Padang Arafah. Sukalah saya menjelaskan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak pernah menerima sebarang aduan yang mengatakan bahawa mereka tidak dapat wuquf di Padang Arafah. Bakal-bakal haji yang tidak dapat berwuquf di Padang Arafah ini seharusnya mengemukakan pandangan mereka ataupun membuat komplek kepada pegawai-pegawai Tabung Haji di Tanah Suci Mekah. Saya hendak menafikan bahawa kejadian ini berlaku kepada jemaah-jemaah haji yang melalui Tabung Haji, tetapi berkemungkinan bahawa bakal haji yang tidak dapat wuquf ini adalah terdiri daripada mereka yang pergi ke Tanah Suci dengan melalui syarikat-syarikat swasta yang tidak diluluskan oleh Kerajaan,

Seterusnya, Yang Berhormat dari Arau juga meminta Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri mewujudkan penguatkuasaan undang-undang terutama terhadap orang Islam yang menuduh orang Islam lain menolak Al-Quran. Inilah yang saya sebutkan tadi bahawa suatu penipuan fakta yang jelas yang disebutkan oleh Ahli Parlimen Pengkalan Chepa dan Nilam Puri kelmarin di dalam Dewan ini. Saya telah membaca *Hansard* pada muka surat 106. Ahli-ahli Dewan Rakyat ini tidak pernah "Boo", tidak pernah menyorak semasa Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membaca ayat suci Al-Quranulkarim. Rujuklah kepada muka surat 106. Saya hendak baca *Hansard* muka surat 106, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, beliau membaca ayat Al-Quran dan kemudian menyambung, "puak-puak ini saya tahu mereka tidak mahu Al-Quran". Selepas itu barulah disampuk. Saya rasakan bahawa ini satu penipuan yang jelas dan nyata yang telah dilakukan dalam Dewan Rakyat ini oleh seorang yang bertaraf Tok Guru yang mengaku golongan daripada orang-orang alim ulama yang tidak harus disebutkan sebagai satu kenyataan yang tegas di dalam Dewan Rakyat ini.

Kita tahu bahawa mereka akan berceramah di luar, menyebutkan bahawa Ahli-ahli Barisan Nasional terutamanya UMNO menyorak apabila beliau membaca Al-Quran. Saya hendak menyebutkan di sini bahawa pemimpin UMNO akan sedia menerima teguran-teguran dari siapa sahaja asalkan teguran itu mempunyai asas yang sempurna. Kalau teguran itu dipenuhi dengan fitnah, sifat sombong dan bongkak seperti yang disebut oleh rakan-rakan saya tadi, sudah pasti kita tidak dapat menerima. Di sini saya hendak sebutkan di depan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, beliau dengan rasa sombong telah menyebut, "Menteri tak faham, tak mengerti", bermakna sifat takabur terletak di dalam diri Ahli Yang Berhormat. Saya hendak

menyebutkan sedikit hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, dengan izin, "Tidak akan masuk syurga seseorang itu sekiranya di dalam dirinya terdapat walaupun sebesar zahrah sifat takabur". Ini, memperbodohkan orang! Orang tidak ada ilmu! Adakah ini sikap seorang alim, seorang ulama? Saya bercakap ini atas perasaan saya sebagai seorang Islam. Kita menerima teguran-teguran yang disebutkan 'bilhikmah'. Orang PAS membaca, kami ahli UMNO baca, faham. Ini di dalam Dewan kalau di luar belum tentu lagi. Kalau beliau berceramah di kampung saya Paya Kecut, mungkin bahasanya lebih hebat, "jahiliah, jahil, firaun, thagut" — itu yang saya boleh sebut. Yang Berhormat Nilam Puri pula menggunakan perkataan "babi", "barua", "yahudi" dalam perhimpunan di Mamali dua tahun dahulu. Dalam tape kita boleh dengar. Itukah bahasa pemimpin Islam? Saya rasa orang-orang PAS haruslah mengkaji.....

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun. Hendak beri jalankah?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Adakah Kerajaan menyedari bahawa puak-puak yang mengkafirkan orang-orang UMNO, khususnya di Terengganu dan sehingga ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat, sudah 7 tahun, 29 buah kelab PAS telah mendirikan sembahyang Jumaat. Apakah hukumnya dan apakah tindakan yang patut Kerajaan buat? Kalau di Dewan ini saya tidak hairan, tetapi ini mem-permainkan Jumaat — dua dalam satu mukim.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya sedar kerana saya ini orang ahli politik Ahli Parlimen kampung. Saya tahu kita dengar ceramah PAS, tape orang Pas ceramah dalam kereta saya

banyak. Macam bahasa yang disebutkan tah mahu Al-Quran ini biasa sahaja, Tuan Pengerusi. Dahulu bahasa 'kafir' biasa sahaja bagi mereka. Dan memang kita faham bahawa terdapat beberapa tempat sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di Terengganu inilah masalah yang berlaku. Masalah perpecahan yang dilakukan.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Nanti, nak habis, satu ayat sahaja, saya beri insya-Allah..... perpecahan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS dalam negara kita. Silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar baru sahaja saya berucap dua hari untuk mengelak dari sebarang kekeliruan dan untuk membersihkan daripada fitnah. Saya minta pihak Kerajaan adakan satu meja, bawa hujah-hujah, cari kebenaran, dapat keputusan kita terima. Sekarang Yang Berhormat sanggup atau tidak? Jangan buat fitnah, jangan buat tuduhan. Saya tak pernah kata Menteri bodoh. Dalam keadaan saya ada di sini, dia boleh buat fitnah. Kalau berasa sanggup cabaran saya, saya rasa boleh selesai. Buat satu program, pacak hari, beri tarikh, panggil semua sekali yang berkenaan untuk kaji supaya kita dapat melihat sesuatu kebenaran. Kalau setuju alhamdulillah. Tak perlu kita kata itu, kita kata ini, tak perlu. Saya bukan seorang ulama. Saya tak masuk universiti. Saya tak ada certificate.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, memanglah perkataan 'bodoh' itu tak disebutkan. Tetapi Timbalan Menteri 'tak erti, tak faham', sama 'bodoh' atau tidak? Samalah dengan perkataan 'bodoh', masya-Allah. Ini yang susah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pengkalan Cepa bangun lagi.

Tuan Othman bin Abdul: bahasa Melayu standard pun tak faham.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, kalau tak erti sungguh, salahkah kata 'tak erti'?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, sebagai seorang yang kalau ada bersifat tawaduk, dia tidak akan meletakkan dirinya lebih tinggi daripada manusia lain. Ini apabila kita mengatakan orang 'tidak erti', maka dia sudah tidak ada sifat tawaduk. (*Tepuk*) Ini tok guru pondok. Saya bukan tok guru pondok, saya duduk dekat pondok saja, tetapi mengaji pondoklah bukan? Orang-orang UMNO bukan jahil belaka. Ini macam tadi, Timbalan Menteri tidak pakai tudung kepala tidak mahu Al-Quran. Itu saya rasa menunjukkan satu sifat yang tak betul sama sekali. Orang yang tak pakai tudung kepala dia berdosa kerana tidak menjalankan hukum Tuhan. Tetapi kalau menolak Al-Quran itu kafirun. Orang yang tak sembahyang berdosa, orang yang mengatakan sembahyang tak wajib itu kafirun. Yang itu pun dia tak tahu, tak faham dah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak kata menolak.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak ada. Tidak mahu kepada Al-Quran, tidak mahu bermakna kata.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak mahu, itu.....

Tuan Othman bin Abdul: Tak mahu bermakna kata 'menolak'.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu tafsir Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu.

Tuan Othman bin Abdul: Itulah, tafsir semua orang.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bahasa Melayu tak faham lagi.

Tuan Othman bin Abdul: 'Tidak mahu makna kata tidak mahu menerima — saya tidak mahu menerima undangan Pak Nik Lah, makna kata saya menolak undangan. Bahasa saya mudah sahaja, bahasa orang kampung, tapi mengaji universitilah. Bahasa Kedah dengan bahasa Pak Nik Kelantan hebat lagi, saya faham. Itu bahasa saya. Pemimpin-pemimpin PAS semacam. Yang baik kita kata baik, macam Yang Berhormat kata, kita akui baik. Pandangan yang objektif—beri pandangan. Saya kata tadi masya-Allah.

Tuan Pengerusi, bahasa yang digunakan bukan timbul daripada hati yang bersih, tetapi kerana hendakkan kemenangan moral. Saya hendak jelaskan tadi yang disebutkan ulang sekali lagi bahawa Yang Berhormat menyebutkan Ahli-ahli UMNO 'boo' selepas dia baca ayat Al-Quran. Tengok *Hansard* betul-betul, semua orang kata tak betul. Tidakkah ini suatu penipuan, jelas.

Jadi, Tuan Pengerusi, bahawa perkara-perkara yang dilakukan saya rasakan benda yang boleh kita baiki. Makna saya bersetuju apa Yang Berhormat bahawa dahulu kita mempelawa dalam Majlis Perunding Islam, kita pelawa PAS masuk. Dahulu kita buat di Jabatan Perdana Menteri, kita pelawa sampai sekarang wakil PAS tak pernah hadir, dan tidak mahu hadir. Saya tak faham sebab apa. Sampai sekarang Majlis Perunding Islam berjalan, Majlis Perunding Islam akan berunding, berbincang mengenai semua hal yang berkaitan dengan urusan Kerajaan diputuskan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang dok pelawa PAS, adakah dalam Barisan Nasional kita tidak cukup dengan orang-orang yang alim, orang yang berpelajaran tinggi dari segi agama. Yang saya faham, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini saya ingat kalau hendak kira dari segi kelulusan cukup tinggi. Tak ada siapa 'teng' orang Kedah kata.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, memanglah kalau saya hendak bercakap cara act saya Kedah, banyak juga kita. Orang UMNO pun ramai. Tetapi kita hendakkan juga pandangan-pandangan kita, menunjukkan sikap rendah diri kita mempelawa ahli-ahli daripada Parti PAS yang hendak memperjuangkan Islam setakat mana sumbangan mereka boleh diberikan kepada Kerajaan, urusan pentadbiran Islamnya, hendak menjalankan Islamnya. Tetapi sampai sekarang sepucuk surat tak pernah beri pun. Maki ada.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat,.....

Tuan Othman bin Abdul: Sila, sila.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, sahabat saya Setiausaha Parlimen, itu hak PAS tak hadir. Macam mana yang berhak hadir, macam Menteri Besar Kelantan, dia hendak hadir dalam mesyuarat Menteri-menteri Besar tak dipanggil pula? Jadi, macam mana pula yang ini?

Tuan Othman bin Abdul: Ini baru dua tahun. Kita sudah mempelawa PAS berapa tahun? Sudah 10 tahun saya agak

kita sudah jemput. Ini yang terakhir bila jemput tak datang, terakhir tak usah panggillah, senang saja. Jemput takkanlah sampai dua, tiga, empat kali. Kita panggil sebulan sekali datanglah, tak menjadi masalah. Saya rasa sedihlah dengan ucapan.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun dan keluar*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ya.

Tuan Othman bin Abdul:
Pengkalan Cepa tadi tentang tudung kepala ... ha! hendak balik dah, alah. Tak tahan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya teruskan. Dia bukan hendak minta penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya rasa sedih sangat. Tuan Pengerusi, saya rasa sedih apabila dia sebut tentang pakaian tak tudung kepala pegawai Kerajaan, Menteri-menteri. Saya tengok di Kota Bharu, di Hotel Perdana, dia pakai tudung kepala tapi pakai kain ketat. Ini Islam cara PAS. Aurat wanita tak boleh, tak boleh. Beritahu Tok Guru — Tok Guru tak ada, belah! Mana boleh jadi. Belah dah! Ini baru tok imam kampung bercakap. Tok Guru belakang duduk pondok. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, kita rasa sedih dengan perkara-perkara yang disebutkan yang menyebabkan perpecahan dan perbalahan umat Islam yang dilakukan ini. Yang kata kita UMNO menolak tidak mahu menerima Al-Quran, ini akan merosakkan lagi hubungan masyarakat. Kita berusaha, Kerajaan sedang berusaha hendak memperbaiki supaya umat Islam dapat bersatupadu dengan baik, kukuh padu. Tiba-tiba timbul lagi orang UMNO tak mahu Al-Quran. Ini saya rasakan satu dakwaan, bagi sayalah memanglah tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak menyentuh apa yang disebutkan oleh Arau mengenai Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan mengenai kebocoran rahsia Kerajaan, dan tindakan perlu diambil mengatasi masalah ini supaya kejadian tidak berlaku lagi. Dalam hal ini, saya ingin menjelaskan bahawa tindakan telah diambil untuk dikaji semula fungsi Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan dan pendekatan-pendekatan secara positif telah dan sedang akan terus diambil untuk mempertingkatkan ketahanan kebocoran rahsia Kerajaan yang antara lainnya meliputi pemeriksaan-pemeriksaan keselamatan, kursus, ceramah dan ceramah keselamatan.

Bagi tahun semasa sehingga hari ini sebanyak 40 kursus keselamatan untuk 741 peserta dan sebanyak 56 ceramah keselamatan untuk 1,680 peserta telah daripada semua kumpulan-kumpulan penjawat awam telah dianjurkan oleh Pejabat Keselamatan Kerajaan.

Berkaitan dengan Pasukan Petugas Anti Dadah dan PEMADAM, Yang Berhormat dari Arau membangkitkan mengenai bantuan Kerajaan sebanyak \$100,000 kepada PEMADAM tidak mencukupi untuk kegiatannya di seluruh negara. Dalam melaksanakan program dan aktiviti dadah, Pasukan Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri merupakan badan Kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya menyelaras segala urusan tindakan anti dadah. PEMADAM merupakan satu dari beberapa badan Kerajaan yang membantu usaha Kerajaan memerangi dadah. Pihak Kerajaan sedar bahawa PEMADAM ada menerima bantuan tahunan kewangan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri serta juga dari pihak korporat untuk melibatkan PEMADAM di dalam dan di luar negeri. PEMADAM seperti lain-lain badan bukan Kerajaan hendaklah mendapat sumbangan sendiri bagi membiayai aktiviti-aktivitinya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyentuh mengenai fungsi Urusetia Persidangan Antarabangsa dan minta supaya pejabat ini memberi kerjasama dan membantu mengendalikan Persidangan AIPO yang akan diadakan di Malaysia pada tahun hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, peranan Urusetia Persidangan Antarabangsa adalah untuk membantu, merancang, menyelaraskan dan melaksanakan persidangan-persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan.

Berhubung dengan permintaan Ahli Yang Berhormat itu, Urusetia Persidangan Antarabangsa bersedia memberikan perkhidmatan jika permohonan rasmi diterima dari penganjur Persidangan AIPO.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah membangkitkan beberapa perkara dalam ucapannya. Pertamanya, ialah kontrak pembinaan lebuh raya yang diberi kepada United Engineers (UEM), tidak berasaskan kepada pengiraan kos yang tepat dan ini menyebabkan berlakunya penyemakan kos dan kenaikan kadar tol; yang kedua, kenaikan bayaran tol 50% muJai 1.1.1993 dan 50% dalam tahun 1996 oleh PLUS adalah membebankan rakyat dan pengguna-pengguna jalan raya; dan yang ketiganya, beliau mengatakan mekanisma penswastan akan menyebabkan kenaikan harga dan inflasi kerana syarikat yang berkenaan akan menaikkan harga untuk mengekalkan keuntungan.

Berhubung dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, sukalah saya mengambil peluang ini untuk memaklumkan bahawa projek Lebuh raya Utara/Selatan telah diswastakan melalui suatu tawaran persaingan atau competitive bidding, dengan izin. Oleh itu

pengiraan kos telah dibuat sewajarnya kerana semasa Kerajaan menyediakan spesifikasi tender tersebut, dan oleh itu tidak timbul masalah pengiraan yang tidak tepat. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kos projek tidak akan berubah. Dalam projek Lebuh raya Utara/Selatan memang benar, kos pelaksanaan projek telah pun disemak semula oleh sebab-sebab berikut.

Pertamanya, tempoh pelaksanaan projek tersebut telah dipercepatkan iaitu, daripada tujuh tahun sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, kepada lima tahun sahaja. Ini telah membawa kepada peningkatan kos kerana kerja-kerja yang sepatutnya disiapkan dalam tempoh tujuh tahun dipendekkan kepada lima tahun.

Yang keduanya, pihak UEM sendiri telah juga terpaksa menambah skop projek bagi memenuhi kehendak-kehendak Kerajaan Negeri, keperluan trafik semasa dan juga penduduk setempat yang tidak termasuk dalam skop asal.

Walaupun bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa, peningkatan kos tersebut adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat dan ianya tidak melibatkan kewangan Kerajaan. Kadar tol yang dipersetujui terdahulu juga tidak terjejas mengikut penyemakan kos projek oleh pihak syarikat tersebut.

Mengenai bayaran tol pula, peningkatan bayaran tersebut sememangnya telah dipersetujui oleh Kerajaan semasa pihak syarikat berjaya mendapat tender tersebut dan telah dimasukkan ke dalam perjanjian di antara Kerajaan dan pihak syarikat. Bayaran tersebut adalah berpatutan dengan mengambil kira pelaburan yang besar dan risiko tinggi yang terpaksa dihadapi oleh pihak syarikat dan juga keselesaan pemandu yang dapat dinikmati oleh para pemandu yang menggunakan jalan tersebut,

Walau bagaimanapun, sekiranya ada pihak merasakan ianya membebankan, Kerajaan tidak memaksa mereka menggunakan lebuhraya tersebut dan mereka diberi pilihan untuk menggunakan jalan lain yang tidak dikenakan tol.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa penswastaaan akan menyebabkan.....

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Sungai Besi bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta penjelasan. Apakah justifikasinya tol di Lebuhraya Utara/Selatan dinaikkan setiap tiga tahun mulai 1993 dan sekali lagi dengan kadarnya 50% di tahun 1996? Apakah justifikasinya?

Bolehkah Kerajaan mengumumkan isi kandungan perjanjian konsesi, sebab adalah menjadi kebimbangan kepada rakyat jelata bahawa kenaikan kadar bayaran tol ini akan diteruskan setiap tiga tahun?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya telah jelaskan tadi bahawa kenaikan tol ini yang akan dilakukan pada tahun 1993 dan 1996 ialah kerana projek Lebuhraya Utara/Selatan ini memakan belanja yang banyak dan dengan sebab itu ianya telah termasuk di dalam perjanjian asal di antara Kerajaan dengan UEM. Ianya tidak ada perubahan yang mengatakan bahawa pihak PLUS akan menaikkan tol mengikut sesuka hati, Kerajaan masih lagi perlu dirujuk, jika sekiranya pihak PLUS selepas daripada tahun 1993 dan 1996 untuk menaikkan tol mereka. Ini adalah merupakan jaminan Kerajaan yang diberikan kepada masyarakat buat masa ini.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa penswastaaan akan menyebabkan kenaikan harga, sukalah saya memaklumkan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diswastakan bukanlah bebas, boleh mengenakan harga yang mereka kehendaki. Bagi perkhidmatan yang bukan bersifat monopoli, mereka terpaksa menghadapi persaingan di pasaran dan sekiranya mengenakan harga yang tinggi, saya percaya syarikat tersebut tidak akan dapat kekal dalam pasaran.

Bagi perkhidmatan yang bersifat monopoli pula, penetapan harga perkhidmatan mereka adalah dikawal oleh Kerajaan melalui badan kawalselia yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan. Sebarang kenaikan harga perlu mendapat kelulusan bagi pihak Kerajaan yang hanya akan meluluskan selepas mengkaji secara teliti untuk menentukan kepentingan kedua-dua belah pihak iaitu pengguna dan syarikat terpelihara.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Dewan Bandaraya.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang sukalah....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ipoh bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberi satu keterangan sama ada Kerajaan Pusat akan mengkaji semula tentang cadangan-cadangan yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Perak di mana tol di Slim River itu akan ditarik balik dan tidak dikenakan tol lagi? Ini adalah kerana berdasarkan kepada kos pada awalnya, iaitu pada tahun 1966 di mana tol di Slim River itu dibina dengan perbelanjaannya sebanyak \$20 juta, tetapi

setakat ini tol itu telah dikutip sehingga \$57 juta, iaitu lebih dua atau tiga kali ganda. Maka saya minta sama ada Kerajaan Pusat akan mengkaji cadangan daripada Kerajaan Negeri Perak bahawa tol itu dibatalkan supaya dapat memanfaatkan kepada penduduk-penduduk di negeri Perak khususnya dan kepada seluruh rakyat Malaysia amnya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, dalam jawapan saya tadi, saya mengatakan bahawa perundingan harus diadakan bagi menentukan kepentingan kedua-dua belah pihak pengguna dan syarikat terpelihara. Jika sekiranya rundingan itu menyebutkan bahawa tol di Slim River itu perlu dipertimbangkan dan mengikut kewajarannya, maka ianya akan diteruskan. Jika sekiranya difikirkan bahawa tol itu telah pun cukup dan tidak lagi diperlukan, maka pihak Kerajaan akan mengkaji sedalam-dalamnya sama ada hendak memberhentikan ataupun tidak. Ini bergantunglah kepada perundingan dengan pihak PLUS kerana sekarang ianya telah pun diserahkan kepada pihak PLUS dan ini akan memakan masa yang agak lama kerana Lebuhraya Utara/Selatan itu pun belum lagi siap 100% dan bila siap 100% mungkinlah satu perundingan lain akan dijalankan bagi memastikan kedudukan seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya suka menjelaskan.....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, minta penjelasan. Saya ingin bertanya, Tuan Pengerusi, sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar atau tidak bahawa semasa Kerajaan menjalankan kutipan tol di Slim River ini, Kerajaan sudah berjanji kepada rakyat di sana bahawa kutipan tol ini akan dibuat

untuk masa 12 tahun sahaja? Sungguhpun kutipan tol di Slim River ini sudah lebih daripada 12 tahun tetapi pada masa sekarang pun masih dijalankan kutipan tol. Saya hendak bertanya sama ada ini adalah satu 'breach of trust', dengan izin, bagi pihak Kerajaan?

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah sebutkan tadi bahawa tol Slim River ini telah pun diserahkan kepada pihak PLUS sekarang dan PLUS diberikan satu pakej kepada UEM bagi mengendalikan semua pungutan tol. Jadi, sekarang ini walaupun saya sedar bahawa memang kenyataan Ahli Yang Berhormat itu betul dan tepat, tetapi sekarang ini kita mengatakan bahawa satu pakej keseluruhan harus difikirkan bagaimana kita hendak mengenakan, atau meneruskan kutipan ini.

Jadi, itu kedudukannya bahawa apabila ianya dimasukkan di dalam keseluruhan pembinaan yang saya maksudkan tadi, kosnya telah bertambah tinggi dan dengan sebab itu Kerajaan terpaksa menimbangkan permohonan pihak PLUS bagi mengekalkan kedudukan kutipan tol yang sebanyak \$1 di Slim River ini.

Tuan Pengerusi (**Tuan Ong Tee Keat**): Yang Berhormat, jawapan panjang lagikah?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, panjang lagi.

Tuan Pengerusi (**Tuan Ong Tee Keat**): Nampaknya hari telah suntuk dan Yang Berhormat diminta sambung esok.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.